



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)



Editor

Khairil Azwar Razali (PhD)

EDITORIAL

Copyright © 2026
International Young Scholars
Journal of Languages (IYSJL)
Pagoh Edu Hub, Malaysia.

e-ISSN 0128-2573

EDITOR-IN-CHIEF

Khairil Azwar Razali, Ph.D

Copying of further publication of the contents of this work is not permitted without permission from IYSJL, except for limited "fair use" for educational scholarly, and similar purposes as authorized by Malaysia Copyright Law, in which appropriate notice of the source of the work should be given. No responsibility contained in the text, illustrations or advertisement. The opinions expressed in the articles are not necessarily of those the Editor nor the publisher.

ASSISTANT EDITOR

NUR'AINUN MARDHIAH HAMIDI
AMIRA MARDHIAH ZINURAIN
NUR FATEHAH ABDUL HALIM
WAN NUR AQILAH WAN SAMSUDDIN
MOHAMMAD AIDID ZAHARY

WEBMASTER

Muhammad Aqil Asraf Mohd Rosli

PUBLISHER

Kulliyyah of Sustainable Tourism &
Contemporary Languages (KSTCL),
International Islamic University Malaysia,
Pagoh Edu Hub, 84600 JHR.
Tel.: 06-9742601
Fax: 06-9742655

EDITORIAL OFFICE

Journal Division
Office of the Dean,
Kulliyyah of Sustainable Tourism &
Contemporary Languages, Pagoh Edu
Hub, 84600 Johor.

Email: editor_iysjl@iium.edu.my

Website:

www.iium.edu.my/kulliyyah/kstcl/journals

© 2026 Kulliyyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages (KSTCL)



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

CONTENT

Foreword

i

Dr Khairil Azwar Razali

Globalisasi Bahasa dan Percampuran Kod Dalam Papan Iklan Perniagaan: Satu Analisis Linguistik Kontemporari

1 - 18

Aliah Ixora Ahmad Daud, Nora'azian Nahar

Penggunaan Bahasa Slanga Dalam Kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa Di Aplikasi Tiktok

19 - 34

Nurhaziqah Yasmin Mohd Fadzil, Nur Irdina Safia Abdul Hadi, Nur'ainun Mardhiah Hamidi, Nur Alya Mohd Sazali, Faridah Nazir

Hubungan Penerimaan dan Minat Pelajar TVET Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

35 - 43

Noorwati binti Mohd Dawam, Nurul Amalia binti Roslan, Mohd Farid bin Dawam

Normalisasi Bahasa Singkatan di Ruang Komen Video Tiktok Khairul Aming

44 - 57

Muhammad Zulhilmi Zainor Rashid, Nik Ahmad Afiq Isra Nik Muhamad Norisam, Nur Adlina Nabilah Abdul Hakam, Nur Auni Fathiyah Khairul Anwar, Nora'azian Nahar

Pemerolehan Kata Nama Am Generasi Alfa: Animasi Upin dan Ipin

58 -69

Nur Farzana Ahmad Zaki, Nik Nurfahana Aziz, Nur Nustratina Dayana Hasnan, Adieba Raihanna Mohd Ridzuan, Muhammad Iqbal Adha Ismail, Nora'azian Nahar

Kefahaman Dialek Negeri Perak Dalam Kalangan Pelajar UIAM Pagoh

70 - 85

Muhammad Afif Onn@Nor Azhari, Mohamad Suhaizi Suhaimi

Analisis Kesalahan Kata Hubung oleh Penggiat Youtube Penutur Bukan Natif

86 - 100

Nik Ahmad Daniel Farhan Ahmad Fuad, Nor E'zzati Mohd Yaakub, Nora'azian Nahar



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

- Teknik Pemujukan Dalam Wacana Kepimpinan Politik: Analisis Ucapan Tan Sri Muhyiddin Yassin** 101 - 116
Nurafirah Jaharuddin, Azean Idruwani Idrus
- A Qualitative Evaluation of Student Needs and EAW Textbook Effectiveness at IIUM** 117 - 129
Farah Binti Ramli, Khairil Azwar Razali
- Communicating When Necessary: Perceived Foreign Language Proficiency and Willingness to Communicate Among Malaysian Exchange Students Abroad** 130 - 148
Nabilah Mohamad Roslan, Afiza Mohamad Ali
- Semiotic Analysis Of Muslims' Representation in The Netflix Series Midnight Mass** 149 - 160
Marsyiah Nurul Ainna binti Zainuddin, Nur Maisarah Putri binti Awang Abdul Hisham & Khairil Azwar Razali
- Social Identity Theory and National Cultural Dimension as Identified in A Collaborative Online International Learning Classroom.** 161 - 176
Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Ain Solehah Zaidi
- The Integration Of Digital Tools In Islamic Education: Educators' Perspectives** 177 - 188
Nur Iman Aliyyah Binti Shamsunahar, Nur Izzah Binti Azman, & Khairil Azwar Razali
- Cultivating Global Competence Within The Context Of The East and West Work Cultures in Higher Education Institutions** 189 - 205
Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Almi Fatimah binti Shamsul Kamal



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

Foreword

It is with great pleasure and a sense of profound academic excitement that I welcome you to Volume 9, Issue 1 (July 2026) of the International Young Scholars Journal of Languages (IYSJL). This issue represents a vibrant intersection of linguistic evolution, digital transformation, and the complex negotiation of identity in a globalized world.

Our contributors delve into the frontier of contemporary linguistics, exploring themes ranging from slang and abbreviations on TikTok to the acquisition of nouns through popular animations like *Upin and Ipin*. Alongside these digital inquiries, the issue addresses pedagogical shifts, evaluating textbook effectiveness, the integration of digital tools in Islamic education, and the development of global competence within contrasting East and West work cultures. Furthermore, we feature sophisticated critiques of political discourse and media representation, including a semiotic analysis of Muslim identity in contemporary television.

This issue is more than a collection of papers; it is a testament to the interdisciplinary vigor required to navigate the complexities of the 21st century. I invite you to engage with these diverse, interdisciplinary perspectives as we continue to provide a platform for scholarly excellence and social impact.

Khairil Azwar Razali, PhD

Editor-in-Chief

International Young Scholars Journal of Languages (IYSJL)



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

GLOBALISASI BAHASA DAN PERCAMPURAN KOD DALAM PAPAN IKLAN PERNIAGAAN: SATU ANALISIS LINGUISTIK KONTEMPORARI

Aliah Ixora Ahmad Daud¹, Nora'azian Nahar^{1*}

¹*Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Johor, Malaysia.*

*E-mel pengarang koresponden: noraazian@iium.edu.my

ABSTRAK

Penggunaan percampuran kod dalam ruang awam semakin berleluasa seiring dengan perkembangan gaya hidup dan kepelbagaian latar masyarakat di Malaysia. Fenomena ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam papan iklan perniagaan yang mempamerkan pelbagai bentuk pencampuran bahasa. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis jenis percampuran kod yang digunakan dalam papan iklan berdasarkan teori Muysken (2000) serta meneliti persepsi masyarakat terhadap penggunaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi dua kaedah pengumpulan data. Bagi objektif pertama, kaedah dokumentasi digunakan untuk mengenal pasti bentuk percampuran kod pada 20 contoh papan iklan. Bagi objektif kedua pula, soal selidik berbentuk terbuka telah digunakan dan diedarkan kepada 20 responden pelbagai latar belakang demografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis percampuran kod yang diperkenalkan oleh Muysken, iaitu penyisipan (*insertion*), pertukaran (*alternation*), dan pelakuran leksikal sejajar (*congruent lexicalization*) dapat dikenal pasti, dengan bentuk pertukaran sebagai jenis yang paling dominan. Selain itu, majoriti responden menyatakan bahawa penggunaan percampuran kod dalam iklan adalah berkesan dari segi menarik perhatian pengguna dan sesuai dengan gaya komunikasi semasa dalam masyarakat multilingual di Malaysia. Namun begitu, terdapat juga sebahagian responden yang menyuarakan kebimbangan terhadap implikasi percampuran kod terhadap status bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa masyarakat menerima percampuran kod dalam iklan dengan syarat digunakan secara seimbang dan tidak menjejaskan kedudukan bahasa

kebangsaan. Kajian ini memberikan gambaran jelas tentang penggunaan strategi linguistik dalam iklan komersial mencerminkan realiti sosial dan budaya masyarakat Malaysia.

Kata kunci: *bahasa Melayu, iklan, multilingual, papan iklan, percampuran kod*

PENGENALAN

Bahasa berperanan sebagai medium asas komunikasi, pembentukan identiti dan pemindahan budaya dalam kehidupan manusia. Di Malaysia, masyarakat majmuk dengan pelbagai latar etnik menjadikan kepelbagaian linguistik sebagai ciri penting kehidupan seharian. Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan, manakala bahasa Inggeris pula berfungsi sebagai bahasa kedua yang memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan ekonomi. Menurut Anne Jeffrey dan Saidatul Nornis (2020), penggunaan bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan kemodenan serta menjadi bahasa perantaraan global yang berprestij tinggi.

Dalam konteks masyarakat dwibahasa Malaysia, fenomena percampuran kod (code-mixing) antara bahasa Melayu dan Inggeris telah menjadi satu kebiasaa, khususnya dalam kalangan generasi muda, golongan profesional dan masyarakat bandar. Percampuran kod ini merujuk kepada keadaan di mana penutur mencampuradukkan unsur dua bahasa dalam satu ujaran tanpa beralih sepenuhnya kepada sistem bahasa lain. Walaupun lazimnya berlaku dalam pertuturan tidak formal, fenomena ini kini semakin meluas dalam media sosial, bahan pendidikan serta ruang pengiklanan awam.

Papan iklan perniagaan, sebagai medium komunikasi visual yang berpengaruh, turut menunjukkan peningkatan dalam penggunaan bahasa campuran. Elemen bahasa asing khususnya bahasa Inggeris yang sering digunakan bagi menonjolkan imej moden, meningkatkan kredibiliti dan menarik perhatian pengguna. Rezki Pratami (2020) menjelaskan bahawa bahasa asing dalam iklan berfungsi sebagai alat visual dan simbolik untuk memperkukuh daya tarikan serta menampilkan produk sebagai lebih global. Walau bagaimanapun, trend ini menimbulkan kebimbangan terhadap kedudukan dan kelestarian bahasa Melayu dalam ruang awam, khususnya apabila mesej utama iklan lebih menonjolkan bahasa asing.

Faktor modenisasi bahasa juga menyumbang kemunculan variasi bahasa tidak formal seperti bahasa rojak, slanga dan singkatan yang kian dominan dalam kalangan Generasi Z (Khairun Dzuria et al., 2020). Situasi ini menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod bukan sahaja mencerminkan kecekapan dwibahasa, tetapi juga boleh melemahkan jati diri linguistik masyarakat jika tidak digunakan secara berhemah. Periasamy (2022) menegaskan bahawa sikap memandang

rendah terhadap bahasa kebangsaan telah memberikan kesan negatif terhadap penggunaannya, termasuk dalam kalangan penutur asal bahasa Melayu sendiri.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis bentuk-bentuk percampuran kod dalam papan iklan perniagaan di Malaysia serta meneliti persepsi masyarakat terhadap keberkesanan dan kesesuaiannya. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan gambaran jelas mengenai strategi linguistik yang digunakan dalam iklan dan implikasinya terhadap norma bahasa serta identiti nasional dalam era komunikasi global.

PENYATAAN MASALAH

Dalam konteks masyarakat Malaysia yang majmuk dan dwibahasa, penggunaan percampuran kod semakin menjadi kebiasaan dalam pelbagai bentuk komunikasi harian bukan sahaja berleluasa dalam pertuturan malah turut dikenal pasti dalam pelbagai medium seperti media sosial, filem dan iklan (Julaina Nopiah dan Nur Athirah, 2025). Penggunaan dua bahasa dalam satu teks iklan khususnya dalam bidang pengiklanan semakin kerap digunakan dan dianggap sebagai satu strategi untuk menarik perhatian khalayak pelbagai latar belakang. Namun begitu, pendekatan ini boleh memberikan implikasi terhadap kefahaman mesej, identiti linguistik pengiklan serta persepsi pengguna terhadap produk atau perkhidmatan yang diiklankan (Sharifah Nur Faizah, 2020). Oleh sebab itulah, penggunaan percampuran kod semakin berleluasa dari dulu sehingga sekarang dan ada kalanya penggunaannya melampaui batas melebihi penggunaan bahasa Melayu itu sendiri.

Fenomena ini menjadi lebih membimbangkan apabila kerap berlaku dalam konteks iklan berbentuk fizikal seperti papan iklan perniagaan yang dipaparkan secara terbuka di kawasan tumpuan awam seperti lebuhraya, pusat bandar dan koridor komersial. Trend yang wujud disebabkan oleh pencinta-pencinta iklan yang kerap mencampuradukkan bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil dan lain-lain telah pun menjadikan penggunaan bahasa Melayu semakin terpinggir. Papan iklan perniagaan bukan sahaja berfungsi menyampaikan maklumat tetapi turut membentuk kebiasaan linguistik khalayak kerana mesej yang dipaparkan dilihat berulang kali dalam kehidupan seharian. Oleh itu, apabila penggunaan bahasa dalam papan iklan melibatkan percampuran kod yang berterusan terutamanya antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bukan sahaja memberi kesan terhadap kejelasan maklumat malah berpotensi menjejaskan ketulenan dan standard penggunaan bahasa Melayu dalam ruang awam.

Meskipun Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 152 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah menetapkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, realitinya menunjukkan bahawa penggunaannya dalam sektor pengiklanan sering bercampur dengan bahasa asing. Lebih membimbangkan, dalam bidang pengiklanan termasuklah papan iklan fizikal dan

media digital kini sedang berlakunya kekurangan pengawasan terhadap pematuhan dasar bahasa menyebabkan percampuran kod berlaku tanpa kawalan. Situasi ini menimbulkan persoalan yang penting seperti sejauh mana tahap pematuhan terhadap dasar bahasa negara ditegakkan dan bagaimana percampuran kod dalam iklan memberi kesan kepada kedudukan serta martabat bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam ruang awam. Oleh sebab kurangnya tindakan terhadap percampuran kod di papan iklan telah mengakibatkan penggunaan percampuran kod semakin berleluasa.

Akibat daripada penyisipan, pertukaran dan juga pelakuran leksikal sejajar seperti yang diutarakan dalam teori percampuran kod oleh Muysken (2000), lama kelamaan bahasa Melayu semakin dipinggirkan terutamanya dalam kalangan generasi muda kini. Kebimbangan terhadap kedudukan dan kelangsungan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut dizahirkan oleh tokoh negara serta pakar bahasa. Pada 20 Januari 2024, dalam program Minda Negarawan: Iktibar 150 Tahun Perjanjian Pangkor anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa “bangsa Melayu bakal hilang dalam masa 10 tahun akan datang sekiranya masyarakat terus mengabaikan identiti bangsa termasuk bahasa dan budaya” (Sinar Harian, 2024). Kenyataan ini disokong oleh Prof. Emeritus Dato’ Dr. Teo Kok Seong yang berpandangan bahawa penggunaan bahasa asing dalam ruang awam, terutamanya dalam nama infrastruktur dan iklan komersial, boleh memberi kesan terhadap status Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Beliau menegaskan bahawa sikap tidak menghormati Bahasa Melayu akan menjejaskan kedudukannya sebagai lambang jati diri dan kedaulatan negara (Utusan Malaysia, 2023). Manakala, Nor Shahila et al. (2016), pula menyatakan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam wacana iklan bukan sahaja berfungsi untuk menarik perhatian, malah sering dimanipulasi sebagai simbol prestij dan keantarabangsaan produk atau perkhidmatan yang dipromosikan. Walaupun padanan istilah bahasa Melayu telah wujud secara rasmi tetapi kebanyakan industri masih cenderung menggunakan istilah asing tanpa pertimbangan terhadap prinsip kebahasaan negara. Dari sudut pandang yang lain oleh Nur Khairunnisha dan Nur Husna (2023), percampuran kod pula menyatakan bahawa penggunaan percampuran kod bukanlah satu bentuk kesalahan linguistik tetapi satu strategi yang mencerminkan kecekapan bahasa penutur *multilingual*.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti secara mendalam bentuk dan corak percampuran kod yang terdapat pada papan iklan perniagaan, berdasarkan tipologi yang dikemukakan oleh Muysken (2000), iaitu penyisipan, pertukaran dan pelakuran leksikal sejajar. Melalui pendekatan ini, pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti bagaimana fenomena percampuran kod digunakan secara strategik dalam komunikasi iklan dan pada masa sama menilai implikasinya terhadap prinsip penggunaan bahasa kebangsaan. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka ruang kesedaran dalam

kalangan masyarakat serta pengamal industri komunikasi agar lebih peka terhadap kepentingan penggunaan bahasa Melayu yang betul, berhemah dan selari dengan dasar bahasa negara.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Lilis Rianita (2021) yang bertajuk “Penggunaan Bahasa Campuran (*Code-Mixing*) pada Iklan Iklan Bisnis di Jalan-Jalan Utama Kota Bandung” memberikan sumbangan penting dalam memahami fenomena percampuran kod dalam medium pengiklanan. Kajian ini menumpukan kepada analisis 36 papan iklan perniagaan yang terletak di jalan-jalan utama sekitar kota Bandung dengan menggunakan kaedah pendekatan campuran (kuantitatif dan kualitatif). Dapatan menunjukkan bahawa percampuran kod antara bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris berlaku dengan ketara, iaitu sebanyak 42.28% daripada keseluruhan data yang dianalisis. Bentuk percampuran kod yang paling kerap digunakan melibatkan unsur leksikal seperti kata nama dan frasa dalam bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris dalam konteks ini bukan sahaja berfungsi sebagai strategi pemasaran untuk menarik perhatian pengguna, tetapi juga sebagai simbol status sosial dan identiti moden. Walaupun bahasa Indonesia masih kekal sebagai bahasa dominan, pengkaji menegaskan bahawa kadar penggunaan bahasa Inggeris yang semakin meningkat berpotensi mempengaruhi tahap penggunaan bahasa kebangsaan dalam ruang awam. Hal ini menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod dalam iklan bukan sekadar aspek linguistik, tetapi turut melibatkan dimensi sosioekonomi dan budaya masyarakat bandar yang semakin global.

Selain itu, kajian oleh Idham Maulana, Hilda Hilaliyah dan Bambang Sumadyo (2021) bertajuk “Campur Kode Pada Papan Reklame Komersial” turut meneliti fenomena percampuran kod dalam konteks papan iklan fizikal di Jalan Raya Bogor, Jawa Barat. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif untuk menganalisis 52 data iklan komersial daripada pelbagai jenis perniagaan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa bentuk percampuran kod yang paling dominan adalah sisipan kata (42.3%), diikuti oleh sisipan frasa (40.4%) dan sisipan klausa (17.3%). Penggunaan unsur bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, lazimnya muncul pada nama produk, slogan dan ayat promosi bagi memberikan kesan profesional, moden dan antarabangsa terhadap imej jenama yang diiklankan. Namun demikian, pengkaji turut menegaskan bahawa penggunaan percampuran kod yang berlebihan boleh memberi kesan negatif terhadap pemeliharaan bahasa Indonesia dalam jangka panjang, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang sering terdedah kepada paparan visual sebegini di ruang awam. Oleh itu, keseimbangan antara kreativiti linguistik dan pemeliharaan bahasa kebangsaan perlu diambil kira dalam konteks pengiklanan.

Di samping itu, kajian oleh Sharifah Nur Faizah (2020) yang bertajuk “Kesan Penggunaan Percampuran Kod dalam Iklan ke atas Persepsi Pengguna terhadap Produk” memberikan gambaran

yang jelas terhadap pemahaman mengenai kesan linguistik dalam komunikasi pengiklanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 100 orang responden dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk menilai bagaimana penggunaan percampuran kod mempengaruhi tanggapan pengguna terhadap produk yang diiklankan. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan reaksi positif terhadap iklan yang menggunakan gabungan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, terutamanya apabila unsur campur kod digunakan secara seimbang dan sesuai dengan konteks mesej. Penggunaan percampuran kod didapati mampu menjadikan mesej iklan lebih menarik, dinamik dan moden, sekali gus meningkatkan minat terhadap produk yang dipromosikan. Selain itu, penggunaan bahasa asing secara terpilih juga berfungsi membentuk imej produk yang profesional dan kontemporari, sejajar dengan gaya hidup masyarakat urban yang semakin global. Kajian ini menegaskan bahawa persepsi positif terhadap percampuran kod berkait rapat dengan tahap kefahaman dan penerimaan pengguna terhadap gaya bahasa moden yang digunakan dalam pengiklanan. Oleh itu, kajian ini memberi asas penting bahawa strategi linguistik seperti percampuran kod dapat meningkatkan keberkesanan mesej iklan dan membina imej jenama yang lebih meyakinkan di mata pengguna.

Kajian oleh Mimi Suhana, Nur Afifah dan Sa'adiyah Ma'alip (2021) yang bertajuk “Percampuran Kod dalam Kalangan Peniaga Dalam Talian di Instagram” turut memperkukuh kefahaman tentang bagaimana khalayak menilai penggunaan campur kod dalam komunikasi pengiklanan moden. Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa dalam kandungan promosi peniaga atas talian, khususnya di platform Instagram. Melalui pendekatan kualitatif deskriptif, pengkaji menganalisis teks kapsyen, ayat promosi dan interaksi pelanggan yang menggabungkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hasil dapatan menunjukkan bahawa peniaga secara aktif mencampurkan kod sebagai strategi linguistik untuk mendekati pelanggan sasaran, khususnya golongan muda dan pengguna media sosial yang lebih selesa dengan gaya bahasa santai dan tidak terlalu formal. Penggunaan percampuran kod bukan sahaja dianggap mencerminkan imej moden, tetapi juga berperanan menimbulkan keterlibatan dan meningkatkan penerimaan khalayak terhadap mesej promosi. Kajian ini turut menegaskan bahawa gaya komunikasi sebegini membentuk persepsi bahawa jenama yang menggunakan campur kod dilihat lebih mesra, interaktif dan relevan dengan keperluan semasa. Penggunaan bahasa campuran juga bertindak sebagai strategi pembezaan identiti jenama, menjadikan produk kelihatan lebih dekat dengan budaya komunikasi masyarakat urban dan dwibahasa masa kini.

Secara keseluruhannya, penggunaan percampuran kod dalam pengiklanan berperanan besar bukan sahaja sebagai strategi linguistik yang menarik perhatian khalayak, tetapi juga sebagai alat komunikasi yang membentuk imej jenama dan identiti budaya. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu lebih menumpukan kepada bentuk dan fungsi campur kod dalam media digital, manakala

aspek persepsi khalayak terhadap penggunaannya dalam papan iklan fizikal masih kurang diterokai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti bukan sahaja bentuk dan tujuan penggunaan percampuran kod dalam papan iklan perniagaan, tetapi juga tanggapan masyarakat terhadap keberkesanan strategi tersebut dalam menyampaikan mesej. Diharapkan hasil kajian ini dapat memperkukuh pemahaman tentang hubungan antara bahasa, komunikasi dan pemasaran, serta menyumbang usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam konteks pengiklanan kontemporari di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif seperti yang disarankan oleh Yin (2018) bagi meneliti fenomena penggunaan percampuran kod dalam papan iklan perniagaan serta persepsi khalayak terhadap penggunaannya. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami fenomena linguistik dalam konteks sebenar dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Pendekatan ini juga bersesuaian dengan objektif kajian yang menumpukan kepada analisis bentuk percampuran kod serta penilaian pandangan masyarakat terhadap strategi bahasa dalam pengiklanan. Menurut Creswell (2014), reka bentuk kajian yang tersusun dapat membantu penyelidik membimbing keseluruhan proses penyelidikan secara sistematik merangkumi pengumpulan data, analisis dan penafsiran dapatan.

Bagi merealisasikan objektif kajian, tiga kaedah utama digunakan iaitu pemerhatian, analisis kandungan, dan soal selidik. Kaedah pemerhatian dijalankan bagi mengumpul data autentik berkaitan penggunaan percampuran kod pada papan iklan fizikal. Pemerhatian ini dilakukan secara langsung di beberapa lokasi strategik seperti kawasan perniagaan, pusat bandar dan jalan utama yang menampilkan pelbagai jenis papan iklan. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengenal pasti dengan jelas bentuk percampuran kod yang digunakan, di samping mendokumentasikan data dalam bentuk visual sebagai bukti sokongan. Kaedah pemerhatian ini penting bagi memastikan data yang diperoleh bersifat semula jadi dan relevan dengan konteks sebenar pengiklanan.

Seterusnya, kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti dan mentafsir corak penggunaan bahasa pada papan iklan yang telah dikumpulkan. Analisis ini dijalankan berasaskan kerangka teori percampuran kod Muysken (2000), yang membahagikan fenomena tersebut kepada tiga bentuk utama iaitu *insertion* (penyisipan kata atau frasa), *alternation* (pertukaran kod antara dua bahasa) dan *congruent lexicalization* (pelakuran unsur leksikal dalam struktur bersama). Kaedah ini membantu penyelidik mengenal pasti jenis dan fungsi linguistik yang mendasari strategi bahasa dalam papan iklan perniagaan.

Selain itu, kajian turut menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen sokongan bagi memperoleh data tambahan berkaitan persepsi khalayak terhadap penggunaan percampuran kod dalam papan iklan. Soal selidik ini mengandungi soalan terbuka yang dibina berdasarkan objektif kajian untuk menilai pandangan responden tentang kesesuaian, keberkesanan mesej, serta kesannya terhadap imej bahasa Melayu standard. Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian: (i) maklumat demografi responden, (ii) tahap pengetahuan dan pendedahan terhadap fenomena percampuran kod, dan (iii) persepsi umum terhadap penggunaannya dalam pengiklanan. Sebelum diedarkan melalui platform dalam talian Google Forms, soal selidik ini telah melalui proses penilaian pakar bagi memastikan kejelasan bahasa, kesesuaian kandungan, dan kesahan instrumen. Kaedah ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang menyeluruh, sistematik dan sahih dalam menjawab persoalan kajian.

Kesimpulannya, metodologi yang dilaksanakan dalam kajian ini dirangka bagi mencapai objektif penyelidikan secara menyeluruh melalui pemilihan reka bentuk kualitatif, penggunaan instrumen berbentuk analisis dokumen, serta aplikasi kaedah analisis tematik yang sistematik. Pendekatan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena percampuran kod dalam bidang pengiklanan bahasa Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian yang dijalankan adalah berpandukan Teori Percampuran Kod Muysken (2000) yang mengklasifikasikan tiga bentuk utama percampuran kod, iaitu penyisipan, pertukaran dan pelakuran leksikal sejajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian langsung terhadap papan iklan perniagaan di beberapa lokasi terpilih. Setiap sampel dianalisis dengan mengambil kira elemen linguistik dan visual bagi memahami corak sebenar penggunaan bahasa dalam konteks pengiklanan. Selain itu, temu bual turut dijalankan bagi meneliti persepsi masyarakat terhadap penggunaan percampuran kod dan faktor yang mempengaruhi penerimaan atau penolakannya.

Objektif 1: Bentuk-bentuk percampuran kod yang digunakan dalam papan iklan perniagaan.

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk percampuran kod yang digunakan dalam papan iklan perniagaan. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji telah menjalankan pemerhatian terhadap sejumlah papan iklan yang memaparkan elemen percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Analisis dilakukan dengan menggunakan kerangka teori Muysken (2000) yang membahagikan percampuran kod kepada tiga bentuk utama iaitu penyisipan (insertion), pertukaran (alternation), dan pelakuran leksikal sejajar (congruent lexicalization).

Analisis mendapati bentuk penyisipan (*insertion*) merupakan jenis percampuran kod yang agak dominan dalam data iklan yang dikumpulkan. Bentuk ini memperlihatkan penyisipan unsur leksikal bahasa Inggeris ke dalam struktur ayat bahasa Melayu bagi mencipta kesan moden, ringkas dan komersial.

Jadual 1

Bentuk Penyisipan (Insertion)

Bil	Percampuran Kod Pada Papan Iklan Perniagaan
1.	Semua <i>slide</i> kini dibuka
2.	Singgah ke sini dan alami keunikan kedai <i>pop-up</i> kami
3.	Kedai ni ke “EMAS” <i>FREE</i> UPAH?!
4.	<i>Order</i> hari ni, siap semalam!
5.	Roti Canai <i>Wrap</i> Tersedap Di Dunia!!
6.	Anda dah makan <i>sunblock</i> hari ini?
7.	Satu <i>night cream</i> Rissa Skin dah cukup untuk putih
8.	Bantu <i>booster</i> minda anak -anak dengan <i>mindtropic</i> dan <i>mindtropic junior</i>

Slogan “Semua *slide* kini dibuka” menunjukkan bentuk penyisipan (*insertion*) melalui penggunaan perkataan Inggeris “*slide*” dalam struktur ayat bahasa Melayu. Istilah ini menggantikan kata “gelongsor” dan mencerminkan kecenderungan pengiklan terhadap penggunaan istilah pinjaman yang dianggap lebih ringkas, bergaya dan mudah difahami. Pilihan kata “*slide*” juga berperanan sebagai strategi pemasaran linguistik kerana dapat memberi nada santai dan moden, sekali gus menarik perhatian khalayak sasaran seperti ibu bapa dan kanak-kanak.

Slogan “Singgah dan alami keunikan kedai *pop-up* kami” menunjukkan penyisipan frasa “*pop-up*” dalam struktur Melayu. Istilah ini, yang sering digunakan dalam konteks peruncitan moden, menggantikan padanan seperti “kedai sementara” dan menimbulkan citra eksklusif serta inovatif terhadap jenama. Penggunaan ini menggambarkan penyesuaian strategi pemasaran kepada trend antarabangsa yang menekankan nilai kebaruan dan pengalaman pelanggan.

Slogan “Kedai ni ke ‘EMAS’ *FREE* UPAH?! ” pula memperlihatkan penyisipan kata “*free*” yang menggantikan istilah “percuma”. Penggunaan ini menunjukkan tahap penerimaan tinggi masyarakat

terhadap kata pinjaman yang telah mantap dalam wacana niaga dan media sosial. Secara linguistik, sisipan ini mengekalkan struktur Melayu sepenuhnya tetapi menonjolkan elemen keakraban bahasa global dalam komunikasi harian.

Slogan “*Order* hari ni, siap semalam!” turut menampilkan penyisipan kata kerja “*order*”, menggantikan kata “pesan” atau “tempah”. Pilihan ini memberikan kesan moden dan sesuai dengan budaya perniagaan dalam talian masa kini. Fenomena ini menandakan pengaruh kuat bahasa Inggeris dalam sektor perkhidmatan serta perubahan gaya komunikasi yang lebih kasual dan komersial.

Dalam slogan “Roti Canai *Wrap* Tersedap di Dunia!!”, penyisipan kata “*wrap*” menggambarkan penggabungan elemen tradisional tempatan (roti canai) dengan gaya Barat moden. Strategi linguistik ini menarik minat pengguna melalui gabungan nilai tempatan dan global, namun turut menimbulkan persoalan tentang kelangsungan istilah Melayu asli dalam wacana makanan.

Slogan “Anda dah makan *sunblock* hari ini?” menonjolkan penggunaan kata “*sunblock*” sebagai sisipan utama. Walaupun secara literal frasa ini bersifat humor, namun dari segi strategi pemasaran, penggunaan perkataan tersebut dianggap berkesan dalam mencipta elemen kejutan dan perhatian terhadap produk penjagaan kulit. Dari aspek linguistik, sisipan ini menunjukkan kecenderungan masyarakat terhadap penggunaan istilah antarabangsa yang dianggap lebih berprestij.

Seterusnya, slogan “Satu *night cream* Rissa Skin dah cukup untuk putih” memperlihatkan penyisipan frasa nominal “*night cream*”. Penggunaan istilah ini menonjolkan elemen globalisasi dalam industri kecantikan dan memperlihatkan dominasi bahasa Inggeris dalam wacana penjenamaan. Pengiklan memilih istilah ini bagi menimbulkan persepsi profesional dan moden, berbanding padanan tempatan seperti “krim malam”.

Akhir sekali, slogan “Bantu *booster* minda anak-anak dengan *mindtropic* dan *mindtropic junior*” menunjukkan penyisipan kata “*booster*” ke dalam frasa Melayu “*booster* minda”. Istilah ini menggantikan perkataan “penggalak” dan memberikan konotasi keberkesanan serta kecanggihan produk. Fenomena ini menegaskan bahawa penggunaan percampuran kod dalam konteks iklan bukan sekadar pilihan bahasa, tetapi strategi pemasaran yang membentuk imej moden dan global terhadap sesuatu jenama.

Bentuk percampuran kod jenis pertukaran (*alternation*) dikenal pasti sebagai salah satu strategi linguistik utama dalam papan iklan perniagaan. Berdasarkan teori Muysken (2000), pertukaran berlaku apabila dua struktur ayat atau klausa lengkap daripada bahasa yang berbeza digunakan secara

berdampingan. Dalam konteks ini, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu digunakan secara strategik untuk mencapai kesan komunikasi yang maksimum.

Jadual 2

Bentuk Pertukaran (Alternation)

Bil	Percampuran Kod Pada Papan Iklan Perniagaan
1.	<i>Vanzo Smart Car Diffuser</i> , Peresap Pintar Untuk Kereta
2.	<i>Lipstick collagen</i> 18 tahun di pasaran
3.	Kuasa luar jangkaan, <i>Power To Move Beyond</i>
4.	kar gearbox, <i>Repair & Service Gearbox Automatic</i>
5.	Kekal muda dan remaja, <i>Stay young feel young</i>
6.	<i>Makeup Exclusive</i> , Nilai Adik Beradik
7.	Petugas barisan hadapan, Dalam usaha memutuskan rantai Covid-19, <i>Stay at home and social distancing</i>
8.	Lasak, Segak dan Bergaya. <i>Toughness Never Looked This Good</i>
9.	<i>Masker Peel Off Purple</i> Pertama Di Malaysia
10.	<i>No. 1 Jacking Pipe</i> di Asia

Contoh pertama, “*Vanzo Smart Car Diffuser*, Peresap Pintar Untuk Kereta”, memperlihatkan penggunaan dua klausa lengkap yang berfungsi untuk memperkenalkan produk dalam dua bahasa. Bahagian Inggeris membawa imej antarabangsa dan moden, manakala bahagian Melayu mengekalkan kefahaman tempatan. Strategi ini memudahkan mesej sampai kepada khalayak pelbagai latar bahasa.

Slogan “*Lipstick Collagen* 18 tahun di pasaran” pula menunjukkan kecenderungan pengiklan mengekalkan istilah Inggeris seperti “*lipstick collagen*” kerana dianggap lebih glamor dan sejajar dengan trend kecantikan global. Namun, padanan Melayu seperti “gincu kolagen” masih wujud, cuma kurang digunakan atas faktor penerimaan pasaran.

Seterusnya, “Kuasa luar jangkaan, *Power To Move Beyond*” memperlihatkan dua klausa lengkap yang menyampaikan maksud serupa dalam dua bahasa. Bahasa Melayu menonjolkan nilai emosi dan kebanggaan tempatan, manakala bahasa Inggeris menambah unsur globalisasi dan kekuatan jenama.

Dalam slogan “Kami pakar *gearbox, Repair & Service Gearbox Automatic*”, pertukaran antara bahasa Melayu dan Inggeris digunakan untuk menonjolkan kepakaran teknikal. Istilah seperti “*Repair & Service*” menonjolkan profesionalisme, namun dalam konteks formal, padanan seperti “Baiki dan Servis Kotak Gear Automatik” lebih menepati struktur bahasa Melayu standard.

Slogan “Kekal muda dan remaja, *Stay Young Feel Young*” pula menunjukkan pengulangan mesej dalam dua bahasa bagi menonjolkan nilai gaya hidup sihat dan imej antarabangsa. Bahasa Inggeris digunakan sebagai gaya promosi moden yang lebih menarik kepada generasi muda.

Bagi “*Makeup Exclusive*, Nilai Adik Beradik”, pertukaran bahasa menonjolkan keseimbangan antara elemen antarabangsa dan nilai kekeluargaan tempatan. Bahagian “*Makeup Exclusive*” melambangkan kemewahan dan eksklusiviti, manakala “Nilai Adik Beradik” menyuntik nilai kepercayaan dan keakraban budaya Melayu. Namun, masih wujud istilah bahasa Melayu standard bagi “*makeup*” iaitu solekan serta masih wujud ejaan “*exclusive*” dalam bahasa Melayu iaitu eksklusif.

Slogan “Petugas barisan hadapan, Dalam usaha memutuskan rantaian Covid-19, *Stay at home and social distancing*” pula menggabungkan dua sistem bahasa dalam mesej kesihatan awam. Frasa Inggeris digunakan untuk menegaskan istilah global yang telah diterima umum seperti “*stay at home*” dan “*social distancing*”, walaupun padanan Melayu seperti “duduk di rumah” dan “penjarakan sosial” juga wujud.

Slogan “Lasak, Segak dan Bergaya. *Toughness Never Looked This Good*” memperlihatkan padanan dua klausa yang saling melengkapi. Bahasa Melayu menggambarkan kekuatan dan gaya, manakala bahasa Inggeris memperkukuh mesej dengan nada yang lebih komersial dan moden, sesuai untuk produk gaya hidup atau automotif.

Seterusnya, “*Masker Peel Off Purple* Pertama di Malaysia” menonjolkan istilah Inggeris dalam bidang kecantikan seperti “*peel off*” dan “*purple*” yang masih belum mempunyai padanan Melayu meluas. Hal ini menunjukkan pengaruh kuat bahasa Inggeris dalam terminologi kecantikan moden.

Akhir sekali, “*No. 1 Jacking Pipe* di Asia” menggunakan frasa Inggeris “*Jacking Pipe*” untuk menggambarkan produk teknikal yang mempunyai padanan Melayu iaitu “paip bicu”. Namun, istilah Inggeris dipilih kerana lebih biasa digunakan dalam bidang pembinaan profesional, menunjukkan dominasi bahasa Inggeris dalam bidang teknikal.

Pelakuran leksikal sejajar dikenal pasti sebagai bentuk percampuran kod yang wujud dalam sebilangan kecil iklan khususnya yang menggunakan struktur ayat fleksibel dan padat. Dalam dapatan kajian, bentuk ini berlaku apabila unsur bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digabungkan dalam satu struktur ayat yang bersifat hibrid, tanpa sempadan tatabahasa yang jelas. Pelakuran ini menunjukkan tahap integrasi bahasa yang lebih tinggi dan sering digunakan dalam konteks yang santai, kreatif atau bersifat gaya hidup (*lifestyle branding*).

Jadual 3

Bentuk Pelakuran Leksikal Sejajar (Congruent Lexicalization)

Bil	Percampuran Kod Pada Papan Iklan Perniagaan
1.	Percuma <i>Astro Go</i> dan 50,000 <i>video on demand</i>
2.	Kilang <i>detached</i> terbaru, berkos efektif, sedia ESG & teknologi terkini

Papan iklan perniagaan pertama yang mengandungi unsur percampuran kod yang ketiga dalam teori Muysken (2000) adalah pada frasa “Percuma *Astro Go*” dan “50,000 *video on demand*”. Ayat ini merupakan contoh jelas percampuran kod berbentuk pelakuran leksikal sejajar kerana telah menggabungkan unsur bahasa Melayu dan Inggeris secara harmoni dalam satu struktur ayat yang tidak mengganggu kefahaman keseluruhan. Dalam ayat ini, “Percuma” ialah kata dasar bahasa Melayu, manakala “*Astro Go*” dan “*video on demand*” adalah frasa Inggeris yang sering digunakan dalam konteks media digital. Penggunaan istilah “*video on demand*” secara langsung tanpa terjemahan mencerminkan kehadiran istilah teknikal dan gaya hidup moden dalam wacana pemasaran kontemporari. Menurut teori Muysken (2000), congruent lexicalisation berlaku apabila dua bahasa digunakan dalam satu struktur ayat dengan keserasian tatabahasa dan susunan sintaksis. Ayat ini tidak menunjukkan pertukaran penuh struktur antara dua bahasa iaitu dan juga tidak terhad kepada satu penyisipan tunggal, sebaliknya menunjukkan elemen pelakuran

kedua-dua sistem linguistik. Pendekatan ini menimbulkan cabaran terhadap pemartabatan bahasa Melayu.

Slogan “Kilang *detached* terbaru, berkos efektif, sedia *ESG* & teknologi terkini” merupakan contoh percampuran kod berbentuk pelakuran leksikal sejajar (*congruent lexicalisation*) seperti dihuraikan oleh Muysken (2000). Struktur ini menggabungkan unsur bahasa Melayu dan Inggeris secara serentak melalui istilah seperti “*detached*” dan “*ESG*”. Penggunaan istilah pinjaman ini memperlihatkan keserasian dua sistem linguistik dalam satu struktur ayat tanpa menjejaskan kefahaman. Namun, penerapan istilah teknikal seperti “*ESG*” yang tidak dialih bahasa juga menunjukkan batas kefahaman khalayak tertentu terutamanya bagi pengguna yang kurang terdedah kepada istilah profesional dwibahasa.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa percampuran kod dalam papan iklan perniagaan berperanan sebagai strategi komunikasi dan penjenamaan yang mencerminkan norma bahasa masyarakat dwibahasa di Malaysia. Bentuk penyisipan paling dominan, manakala pertukaran dan pelakuran menonjolkan tahap bilingualisme serta kreativiti pengiklan. Teori Muysken (2000) terbukti berkesan dalam mengklasifikasikan bentuk-bentuk ini dan membantu memahami kecenderungan linguistik dalam wacana pengiklanan semasa.

Objektif 2: Persepsi Masyarakat Terhadap Penggunaan Percampuran Kod Dalam Papan Iklan Perniagaan

Dapatan kajian bagi objektif kedua menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai pandangan yang pelbagai terhadap penggunaan percampuran kod dalam papan iklan perniagaan. Persepsi ini banyak dipengaruhi oleh faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan, latar sosial, serta pendedahan terhadap penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhan, hasil analisis menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod semakin diterima sebagai sebahagian daripada gaya komunikasi moden, khususnya dalam konteks masyarakat bandar dan generasi muda yang lebih terdedah kepada dwibahasa. Namun begitu, tahap penerimaan terhadap penggunaan percampuran kod dalam media pengiklanan masih menimbulkan pelbagai reaksi yang berbeza.

Berdasarkan analisis terhadap 20 respons terbuka daripada soal selidik yang diedarkan, dapat dikenal pasti tiga kelompok utama pandangan masyarakat. Pertama, kelompok yang menyokong penggunaan percampuran kod kerana menganggapnya sebagai strategi komunikasi

yang berkesan dan selari dengan budaya dwibahasa masyarakat Malaysia. Bagi mereka, penggunaan dua bahasa dalam papan iklan menjadikan mesej lebih fleksibel, menarik dan mudah difahami, terutama apabila istilah dalam bahasa Inggeris lebih dikenali atau sukar diterjemahkan. Iklan sebegini turut dianggap mencerminkan realiti sosial Malaysia yang majmuk serta meningkatkan daya tarikan produk, terutamanya bagi sektor teknologi, kosmetik dan gaya hidup moden.

Kelompok kedua pula menolak penggunaan percampuran kod atas dasar pemeliharaan martabat bahasa Melayu. Mereka berpandangan bahawa papan iklan seharusnya menggunakan satu bahasa yang jelas dan seragam, khususnya bahasa kebangsaan, bagi mengekalkan profesionalisme dan memperkukuh identiti nasional. Penggunaan bahasa Inggeris secara berlebihan dianggap boleh menimbulkan kekeliruan serta menunjukkan sikap kurang hormat terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Selain itu, golongan ini turut menegaskan bahawa masyarakat luar bandar dan warga emas mungkin menghadapi kesukaran memahami istilah asing yang digunakan dalam iklan dwibahasa.

Sementara itu, kelompok ketiga mengambil pendirian sederhana dengan menegaskan bahawa keberkesanan penggunaan percampuran kod bergantung pada konteks dan jenis produk yang diiklankan. Mereka berpendapat bahawa iklan bagi produk teknologi, antarabangsa atau yang disasarkan kepada golongan profesional wajar menggunakan bahasa Inggeris bagi menyerlahkan imej global dan moden. Sebaliknya, bagi produk yang berkait rapat dengan budaya tempatan atau tradisional, penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dianggap lebih sesuai bagi mengekalkan nilai keaslian dan jati diri bangsa. Pendekatan yang sesuai dilihat sebagai kaedah terbaik agar mesej iklan kekal efektif tanpa menjejaskan status bahasa kebangsaan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa persepsi masyarakat terhadap percampuran kod amat berlapis dan bergantung kepada konteks sosiobudaya, demografi serta tahap bilingualisme penutur. Walaupun percampuran kod semakin diterima sebagai sebahagian daripada strategi komunikasi kontemporari, masih terdapat kebimbangan terhadap implikasinya kepada kelestarian bahasa Melayu. Oleh itu, pengiklan disarankan supaya lebih peka terhadap sensitiviti bahasa dan menggunakan istilah-istilah dalam bahasa-bahasa lain seminimumnya di papan-papan iklan mereka. Hal ini penting bagi memastikan papan iklan bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi yang menarik dan berkesan, tetapi juga selaras dengan aspirasi nasional dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kesemua tiga bentuk percampuran kod yang dikemukakan oleh Muysken (2000) iaitu penyisipan (insertion), pertukaran (alternation) dan pelakuran leksikal sejajar (congruent lexicalization) digunakan dalam paparan iklan yang dianalisis. Bentuk penyisipan muncul sebagai bentuk yang paling dominan kerana pengiklan lebih cenderung menyelitkan penggunaan istilah bahasa Inggeris ke dalam struktur ayat bahasa Melayu, manakala bentuk pelakuran leksikal sejajar adalah yang paling sedikit ditemukan. Terdapat pelbagai pandangan yang mencerminkan tahap kefahaman dan keprihatinan masyarakat terhadap peranan bahasa dalam ruang awam. Sebahagian besar responden menyatakan bahawa percampuran kod berkesan menyampaikan mesej kerana mencerminkan realiti pertuturan masyarakat multilingual di Malaysia, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Namun begitu, terdapat juga kebimbangan bahawa penggunaan percampuran kod secara berlebihan boleh menjejaskan kefahaman, mengurangkan citra bahasa Melayu serta menggalakkan dominasi bahasa asing dalam wacana komersial. Walaupun percampuran kod dalam iklan bukanlah suatu kesalahan linguistik, namun penggunaannya perlu dikawal secara strategik agar tidak mengikis fungsi bahasa Melayu dalam wacana awam. Kesedaran dan tindakan bersama oleh pengiklan, agensi penguat kuasa dan masyarakat adalah kunci utama untuk membentuk ekosistem pengiklanan yang menghormati bahasa kebangsaan tanpa mengorbankan kreativiti dan daya saing pasaran.

RUJUKAN

- Anne Jefferey Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Kerancuan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah: Mixed language in essay of secondary students in Tuaran district, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2), 97-97.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Idham Maulana, Hilda Hilaliyah & Bambang Sumadyo, (2021). Campur kode pada papan reklame iklan komersial. *Diskursus: Jurnal Pendidikan Bahasa Indonesia*. 4. 9. 10.30998/diskursus.v4i1.9551

- Julaina Nopiah & Nur Athirah Abd. Razak, (2025). Analisis kecenderungan penggunaan percampuran kod bahasa Inggeris dalam video masakan di tiktok. *LSP International* <https://doi.org/10.11113/lspi.v12.23988>
- Khairun Dzuria Azniza Mat Yazid, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Nordiana Hamzah, Farra Humairah Mohd, Hasrina Baharum & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi whatsapp: analisis teori relevans. *Prosiding Seminar Antarabangsa Komunikasi dan Budaya 2020*, hl. 127-132. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Lilis Rianita, (2021). Penggunaan bahasa campuran (code-mixing) pada iklan–iklan bisnis di jalan-jalan utama Kota Bandung. *Jurnal Sastra - Studi Ilmiah Sastra*, 11(2), 53-62. <http://45.118.112.109/ojspasim/index.php/sastra/article/view/251>
- Mimi Suhana Hakim, Nur Afiqah Ahmad Raof dan Sa'adiah Ma'alip. (2021) Percampuran kod dalam kalangan peniaga dalam talian di Instagram. *Jurnal Melayu*, SI . pp. 579-601. ISSN 1675-7513
- Nor Shahila Mansor, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Normaliza Abd Rahim. (2017). Percampuran kod sebagai strategi penyampaian mesej dalam wacana iklan berbahasa Sepanyol. *Jurnal Kemanusiaan*, <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/60>
- Nur Khairunnisha Azahari & Nur Husna Serip Mohamad. (2023). Bridging identities: analysing code-mixing in Yuna's conversation with a local Malaysian activist. *Journal for the Study of English Linguistics*, 11(1), 1–14. <https://doi.org/10.5296/jsel.v11i1.21291>
- Periasamy Muthan. (2022). Memperkasakan bahasa Melayu tanggungjawab kita bersama. *Majalah Dewan Bahasa*, <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/03/31/>
- Rezki Pratami. (2020). Analisis wacana kritis pada penggunaan bahasa asing dalam iklan televisi “Floridina”. *Medialog: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 3(2), 241- 254.
- Sharifah Nur Faizah Wan Fauzi, (2020). *Kesan penggunaan percampuran kod dalam iklan ke atas persepsi pengguna terhadap produk*. Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Sabah.

Sinar Harian. (2024, Januari 20). Bangsa Melayu Bakal Hilang 10 Tahun Lagi – Tun M. *Sinar Harian*.

<https://www.sinarharian.com.my/article/645389/berita/nasional/bangsa-melayu-bakal-hilang-10-tahun-lagi---tun-m>

Utusan Malaysia. (2023, Mei 16). Guna Bahasa Asing Pada Infrastruktur Jejas Bahasa Kebangsaan. *Utusan Malaysia*.

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/guna-bahasa-asing-pada-infrastruktur-jejas-bahasa-kebangsaan>

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: design and methods* (6th ed.). Sage Publications.



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

PENGUNAAN BAHASA SLANGA DALAM KALANGAN GENERASI Z DAN GENERASI ALFA DI APLIKASI TIKTOK

Nurhaziqah Yasmin Mohd Fadzil^{1*}, Nur Irdina Safia Abdul Hadi¹, Nur'ainun Mardhiah Hamidi¹, Nur Alya Mohd Sazali¹, Faridah Nazir¹

¹Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**E-mel pengarang koresponden: haziqahfadzil1273@gmail.com*

ABSTRAK

Bahasa merupakan alat komunikasi yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Peralihan komunikasi daripada komunikasi bersemuka kepada komunikasi digital telah membawa kepada kemunculan variasi bahasa seperti bahasa slanga. Kajian ini memfokuskan penggunaan bahasa slanga dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa di aplikasi TikTok melalui kapsyen, komen dan kandungan video yang dimuat naik. Kajian ini berasaskan empat pernyataan masalah utama, iaitu peningkatan penggunaan bahasa slanga di TikTok, dominasi penggunaannya oleh Generasi Z dan Alfa, kesannya terhadap bahasa Melayu standard serta kurangnya kajian perbandingan penggunaan bahasa slanga antara dua generasi ini di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri perbezaan bahasa slanga dalam kalangan dua generasi ini di aplikasi TikTok serta menganalisis kesan-kesan penggunaannya terhadap pengguna TikTok. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan temu bual. Hasil kajian mendapati sebanyak 28 bahasa slanga dikenal pasti dan diklasifikasikan kepada tiga kategori, iaitu kata nama, kata adjektif dan kata kerja. Analisis tematik terhadap data responden menghasilkan lima tema utama berkaitan kesan penggunaan bahasa slanga, iaitu kesan terhadap penguasaan bahasa Melayu standard, gaya komunikasi, kreativiti linguistik, komunikasi formal serta reaksi emosi dan persepsi sosial. Oleh itu, dapatan ini dapat menggambarkan perubahan sikap, norma dan gaya interaksi sosial dalam era digital.

Kata kunci: *bahasa slanga, variasi bahasa, Generasi Z, Generasi Alfa, aplikasi TikTok*

PENGENALAN

Dasawarsa kini, media sosial menjadi medium komunikasi utama masyarakat global terutamanya di Malaysia. Statistik dari DataReportal pada tahun 2024 oleh Simon Kemp menunjukkan seramai 28.68 juta pengguna media sosial yang aktif di Malaysia setakat Januari 2024. Hal ini menunjukkan majoriti rakyat Malaysia mempunyai akaun media sosial dan secara aktif menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian mereka sama ada untuk berkomunikasi mahupun untuk tujuan hiburan.

Selain itu, Sue Howe (2024) dalam laman sesawang Meltwater.com menyatakan antara media sosial paling popular di Malaysia ialah platform Whatsapp (26.8%), TikTok (21.9%), Facebook (18.8%), Instagram (14.0%) dan X (3.8%). Dari peratusan yang dinyatakan, dapat dikenal pasti aplikasi TikTok antara platform media sosial yang paling popular dan banyak digunakan oleh pengguna media sosial di Malaysia. Hal ini demikian kerana, platform ini menghidangkan variasi video-video pendek yang menarik dan menggunakan latar lagu yang rancak dan tular.

Perkembangan platform media sosial yang berlaku seiring arus pemodenan zaman ini juga menjadi bukti dan titik permulaan evolusi bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam komunikasi. Bahasa yang digunakan dahulunya lebih formal, panjang dan lengkap dari aspek tatabahasa, kini menjadi semakin pendek, ringkas dan lebih tidak formal. Dapat dinilai, pengguna media sosial lebih menormalisasikan penggunaan variasi bahasa slanga, terutamanya di aplikasi TikTok. Menurut Nurul Faizza Narawi dan Anida Sarudin (2024), menyatakan slanga wujud hasil daripada keperluan manusia, antaranya untuk menyembunyikan perbualan dalam kalangan kumpulan tertentu. Penggunaan bahasa slanga yang berleluasa di platform ini mencerminkan budaya penggunanya yang terdiri daripada golongan Generasi Z dan Generasi Alfa. Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan statistik yang diperoleh melalui DataReportal (2024) menerusi sumber pengiklanan ByteDance, TikTok mempunyai seramai 28.68 juta pengguna berumur 18 tahun dan ke atas pada awal tahun 2024. Dalam konteks dunia kini, bahasa slanga lebih dikaitkan dengan generasi pengguna bahasa slanga tersebut seperti bahasa slanga Generasi Y, bahasa slanga Generasi Z atau bahasa slanga Generasi Alfa.

Aplikasi TikTok secara umumnya merupakan satu platform untuk memuat naik kandungan video pendek, namun platform ini turut menyediakan ruangan komen dan ruangan berbual secara peribadi khusus untuk memudahkan pengguna berinteraksi dengan pemilik video pendek berkenaan, mahupun berbual secara peribadi dengan pengguna TikTok lain. Kecenderungan generasi muda

menggunakan bahasa slanga dalam kandungan TikTok seperti pada kapsyen, komen dan video yang dimuat naik menimbulkan persoalan berkaitan keberkesanan komunikasi, ketepatan bahasa serta pengaruhnya terhadap pengguna media sosial yang lain. Di samping itu, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan berkenaan penggunaan bahasa slanga dalam media sosial, namun masih kurang kajian yang memberikan tumpuan secara spesifik terhadap aplikasi TikTok dan perbandingan bahasa slanga antara dua generasi, iaitu Generasi Z dan Generasi Alfa. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti ciri-ciri perbezaan penggunaan bahasa slanga oleh kedua-dua generasi, iaitu Generasi Z dan Generasi Alfa serta kesannya terhadap pengguna aplikasi TikTok yang lain.

SOROTAN LITERATUR

Antara sorotan literatur yang dirujuk oleh penyelidik ialah kajian oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Muhammad Syafreza Azwan Pisol (2022) yang bertajuk “Slanga dalam Media Sosial: Satu Pendekatan Minimalis”. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif yang lebih tertumpu kepada penghuraian ‘makna’ ayat yang dikaji dengan mengumpul dan menjalankan analisis kandungan terhadap 25 ayat slanga daripada media sosial, iaitu Instagram dan Whatsapp melalui kaedah pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa kata slanga terdiri daripada empat bentuk iaitu kata slanga yang merujuk kata ganti nama diri (KGND), kata slanga merujuk ekspresi, kata slanga merujuk kata kerja (KK) dan kata slanga yang dipengaruhi oleh bahasa asing. Sebagai contoh, frasa bahasa slanga yang merujuk kepada kata kerja transitif, iaitu “Aku barai Yoi”. Kata kerja “barai” digunakan selepas kata nama “Yoi”. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa penggunaan slanga yang berleluasa di media sosial mempunyai impak yang negatif terhadap bahasa Melayu jika tidak dibendung dengan sempurna.

Selain itu, kajian oleh Mohamad Suhaizi Suhaimi dan Fatin Syamira Shamsull (2022) yang bertajuk “Perubahan Penggolongan Leksikal Slanga dalam Kalangan Pempengaruh Media Sosial: Analisis Medan Makna”. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menonjolkan pengaplikasian bahasa slanga serta perubahan penggolongan kata dan medan makna dalam kalangan personaliti media sosial, khususnya di platform Instagram. Sebanyak 50 leksikal bahasa slanga telah dianalisis menggunakan tiga kaedah utama, iaitu kaedah pemerhatian, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti perkataan yang digunakan dalam kalangan pempengaruh media sosial di Instagram yang terpilih telah mengalami perubahan penggolongan kata. Sebagai contoh, penggolongan kata denotatif bahasa slanga “payung” ialah kata nama yang berubah menjadi kata kerja bagi penggolongan kata konotatif. Tambahan pula, golongan remaja didapati lebih cenderung untuk menggunakan istilah baharu yang tidak pernah direkodkan dalam kamus bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian bertajuk “Bahasa Slanga dalam Kalangan Masyarakat di Media Sosial: Pendekatan Semantik Inkuisitif” daripada Julaina Nopiah dan Noratikah Lawi (2023). Kajian ini membincangkan penggunaan bahasa slang dalam kalangan masyarakat di media sosial berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu soal selidik dan pemerhatian dalam media sosial seperti Facebook dan Twitter. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk bahasa slang yang sering digunakan oleh masyarakat ketika mengekspresikan perasaan, menyuarakan pendapat dan menyampaikan sesuatu maklumat di media sosial. Sebagai contoh, bahasa slang “bersemut” yang bermaksud perkara atau situasi yang romantik dan indah. Melalui analisis yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa pembentukan makna bagi leksikal bahasa slang tersebut bukan sahaja melibatkan teori dan falsafah tertentu, malah juga pemikiran, budaya dan akal budi masyarakat. Tambahan pula, penyelidik bersetuju bahawa leksikal bahasa slang dapat membantu memudahkan komunikasi dan berhasil menunjukkan variasi bahasa di media sosial.

Seterusnya, kajian oleh Munirah Zulkifli dan Ira Meilita Ibrahim (2023) yang bertajuk “Penggunaan Bahasa Slang di Media Sosial dalam Kalangan Pencipta Kandungan”. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian dan pengumpulan data untuk menghuraikan penggunaan bahasa slang di media sosial, khususnya dalam kalangan pencipta kandungan serta kesannya terhadap pengguna bahasa. Berdasarkan hasil kajian ini, penyelidik mendapati bahawa terdapat banyak bahasa slang yang digunakan oleh pencipta kandungan di media sosial. Sebagai contoh, penggunaan bahasa slang “terpaling” yang merujuk kata penguat secara berlebihan bagi perkataan “paling”. Penyelidik juga mendapati bahawa penggunaan bahasa slang yang tidak terkawal mampu memberikan kesan negatif terhadap bahasa Melayu itu sendiri.

Di samping itu, kajian oleh Muhammad Zaid Daud et al. (2024) yang bertajuk “Mahasiswa, Slanga, Pembentangan Kumpulan Berbahasa Melayu dan Pragmatik (Teori Relevans)” turut dirujuk oleh penyelidik. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk tinjauan silang menggunakan soal selidik skala Likert 1 hingga 5. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa bahasa slang yang sering digunakan oleh mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam pembentangan akademik berbahasa Melayu mampu meningkatkan daya tarikan dan pemahaman jika digunakan dengan bijak serta dalam konteks yang sesuai, namun penggunaannya perlu dikawal agar tidak menjejaskan kualiti dan formaliti yang diperlukan dalam wacana akademik. Berpanduan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986), penggunaan bahasa slang dapat memudahkan komunikasi kerana mengurangkan usaha pemprosesan maklumat oleh pendengar. Namun begitu, penyelidik turut berpendapat bahawa dalam konteks akademik, penggunaan bahasa

formal tanpa slanga lebih sesuai bagi mengurangkan risiko salah faham dan memastikan kejelasan maklumat yang disampaikan.

Kajian terakhir pula dijalankan oleh Nurul Faizza dan Anida Sarudin (2024) yang bertajuk “Mediator Bahasa Slanga dalam Kalangan Murid di Media Sosial Berdasarkan Teori Sosiokognitif”. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui pemerhatian semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta borang senarai semak bagi memperoleh data kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa bentuk peniruan. Sebagai contoh, peniruan secara langsung, peniruan sekat lakuan, peniruan tak sekat lakuan dan peniruan elisitasi. Penyelidik juga mendapati bahawa terdapat enam kesan penggunaan bahasa slanga dalam kalangan murid yang merangkumi tiga kesan positif dan tiga kesan negatif. Kesan positif termasuklah penggunaan bahasa slanga membolehkan murid mengekspresikan diri mereka secara kreatif, memperkuat hubungan sosial antara rakan sebaya dan meningkatkan kesedaran budaya. Kesan negatif pula seperti keaslian dan ciri konvensional bahasa Melayu boleh terjejas akibat penggunaan bahasa slanga yang tidak terkawal, sekali gus menyebabkan berlakunya penambahan kosa kata yang tidak gramatis.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur yang dikemukakan memperlihatkan bahawa isu penggunaan bahasa slanga sememangnya telah mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik, terutamanya dari aspek linguistik dan sosiobudaya. Namun begitu, masih kurang kajian yang meneliti fenomena ini secara lebih spesifik dalam konteks platform TikTok dan membuat perbandingan antara dua generasi, iaitu Generasi Z dan Generasi Alfa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif penyelidikan iaitu penggunaan bahasa slanga dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa di aplikasi TikTok. Data diperoleh melalui analisis kandungan dan pemerhatian digital terhadap video, kapsyen dan komen di aplikasi TikTok. Data tersebut kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan mengkategorikan penggunaan kata slanga berdasarkan jenis kata dan konteks makna. Selain itu, data turut diperoleh melalui soal selidik menggunakan *Google Form* yang mengandungi soalan terbuka. Responden memberikan pandangan dan pengalaman berkaitan kesan penggunaan bahasa slanga di TikTok. Data kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif, sekali gus membolehkan dapatan dihuraikan secara sistematik berdasarkan tema dan konteks penggunaan bahasa.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan analisis data yang telah dijalankan.

Dapatan Kajian Objektif 1

Bahagian ini memaparkan dapatan kajian bagi objektif 1 berdasarkan tiga aspek utama, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

(a) Dapatan Perbezaan Ciri Bahasa Slanga Kata Nama.

Perbezaan ciri bahasa slang kata nama seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Perbezaan Ciri Slanga Kata Nama antara Generasi Z dan Alfa

Generasi	Bahasa Slanga	Makna	Kata Asal
Generasi Z	<i>Pembaris</i>	Seseorang yang patuh dan mengikut arahan begitu sahaja	Alat untuk mengukur atau melukis garisan lurus
	<i>Kuli</i>	Pembantu atau pekerja upahan	Berasal daripada perkataan bahasa India <i>kuli</i> .
Generasi Alfa	<i>Sigma</i>	Individu yang berfikiran bebas, memilih jalan sendiri dan tidak takut menghadapi cabaran	Perkataan Yunani Kuno iaitu σίγμα (<i>sigma</i>) yang merupakan huruf ke-18 dalam abjad Yunani.
	<i>Sidekick</i>	Pembantu	Orang kanan

(b) Dapatan Perbezaan Ciri Bahasa Slanga Kata Kerja

Perbezaan ciri bahasa slang kata kerja seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2*Perbezaan Ciri Slanga Kata Kerja antara Generasi Z dan Alfa*

Generasi	Bahasa Slanga	Makna	Kata Asal
Generasi Z	<i>Spill the tea</i>	Mendedahkan atau berkongsi khabar angin	Ungkapan bahasa Inggeris, secara literal bermaksud menumpahkan teh
	<i>Pape roger</i>	Maklumkan apa-apa perkara penting dengan segera	Singkatan frasa “apa-apa roger” (roger bermaksud hubungi)
	<i>Simp</i>	Perbuatan seseorang yang terlalu memuja orang lain sehingga tidak menghargai dirinya	<i>Perkataan Inggeris Simpleton</i> (seseorang yang naif)
	<i>Sidai</i>	Perbuatan menunggu seseorang atau sesuatu perkara tanpa kepastian.	Perbuatan menggantung sesuatu
	<i>Yapping</i>	Berbual tanpa henti	Perkataan bahasa Inggeris ‘yap’ (bunyi bebelan seekor anak anjing)
	<i>Palau</i>	Mengabaikan atau tidak melayan seseorang	Pulau (tanah atau daratan yang dikelilingi air)
	<i>Cau</i>	Pergi atau meninggalkan sesuatu tempat	Dialek Hokkien atau Cina Selatan iaitu <i>chhāu</i> (pergi).

	<i>Takleh brain</i>	Tidak dapat memahami atau memikirkan sesuatu	Gabungan perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris iaitu tak boleh dan brain yang membawa maksud otak tidak berfungsi.
	<i>Masyukk</i>	Keadaan atau hasil yang menguntungkan	Perkataan bahasa arab iaitu Masyuk (keuntungan).
Generasi Alfa	<i>Slay</i>	Pujian kepada seseorang yang dianggap hebat, berani atau menonjol	Perkataan bahasa Inggeris iaitu <i>slay</i> (membunuh)
	<i>Skibidi</i>	Ungkapan tidak bermakna khusus, tetapi digunakan untuk aksi pelik atau lawak daripada trend TikTok.	Tajuk lagu ‘Skibidi’ oleh kumpulan musik Rusia bernama <i>Little Big</i> yang dikeluarkan pada tahun 2018.
	<i>Cap</i>	Pembohongan atau sesuatu yang tidak benar	Perkataan Inggeris <i>capping</i> yang bermaksud menipu

(c) Dapatan Perbezaan Ciri Bahasa Slanga Kata Adjektif

Perbezaan ciri bahasa slang kata adjektif seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Perbezaan Ciri Slanga Kata Adjektif antara Generasi Z dan Alfa

Generasi	Bahasa Slanga	Makna	Kata Asal
Generasi Z	<i>Lemah</i>	Hinaan terhadap individu yang dianggap tidak berguna	Tidak ada kekuatan atau kudrat

	<i>Sus</i>	Perasaan curiga terhadap sesuatu perkara	Penyingkatan perkataan bahasa Inggeris bagi <i>suspicious</i>
	<i>Siot</i>	Ekspresi terkejut atau marah	Perkataan asal “sial” yang digunakan sebagai bahasa carutan
	<i>Koyak</i>	Mudah tersinggung atau kecewa akan sesuatu perkara.	Koyak
	<i>Kepoh</i>	Seseorang yang terlalu ingin mengetahui hal orang lain	Dialek Hokkien atau Kantonis iaitu <i>kay poh</i> (orang yang sibuk masuk campur hal orang)
	<i>Bitter</i>	Perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu atau seseorang	Perkataan bahasa Inggeris <i>bitter</i> (pahit)
	<i>Menyala</i>	Pujian kepada seseorang yang dianggap hebat, berani atau menonjol	Perkataan bahasa Melayu “nyala” yang bermaksud cerah atau terang
Generasi Alfa	<i>Big L</i>	Hinaan ke atas kegagalan	Perkataan bahasa Inggeris <i>Big Loss</i>
	<i>Rizz</i>	Cara seseorang mengekspresikan sifat romantis untuk memikat atau menarik hati seseorang	Singkatan bagi perjataan karisma

<i>Delulu</i>	Percaya terhadap sesuatu yang tidak realistik	Perkataan baha Inggeris delusional
<i>Noob</i>	Individu yang tidak mahir dalam sesuatu bidang	Perkataan asal daripada bahasa Inggeris, iaitu “newbie” yang bermaksud baharu
<i>Ick</i>	Perasaan tidak suka atau geli terhadap sesuatu	Ekspresi bunyi “ick” dalam bahasa Inggeris

Dapatan Kajian Objektif 2

Bahagian ini menunjukkan dapatan bagi objektif 2 yang terdiri daripada lima kesan penggunaan bahasa slanga terhadap pengguna TikTok.

a) Kesan terhadap Penguasaan Bahasa Melayu Standard

Sebahagian besar responden meluahkan kebimbangan terhadap kemerosotan penguasaan bahasa Melayu standard dalam kalangan generasi muda akibat penggunaan bahasa slanga yang semakin meluas di aplikasi TikTok. Mereka berpandangan bahawa penggunaan bahasa slanga telah menimbulkan kekeliruan antara bahasa tidak formal dan bahasa standard, terutamanya dalam konteks pendidikan seperti penulisan karangan. Selain itu, fenomena ini turut dilihat sebagai satu bentuk ancaman terhadap identiti dan jati diri bahasa Melayu kerana penggunaan bahasa yang tepat dan baku semakin diabaikan. Beberapa responden turut menyatakan bahawa bahasa slanga memberi kesan langsung terhadap kemahiran menulis, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah yang terbawa-bawa penggunaan bahasa slanga hingga ke dalam peperiksaan. Secara keseluruhan, penggunaan bahasa slanga disifatkan menyumbang kepada kemerosotan penguasaan kosa kata dan tatabahasa yang betul dalam kalangan generasi muda, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan bahasa Melayu standard.

b) Kesan terhadap Gaya Komunikasi

Beberapa orang responden menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga turut mempengaruhi gaya komunikasi dalam kalangan pengguna aplikasi TikTok. Antaranya ialah gaya komunikasi dilihat

menjadi lebih santai dan tidak formal, selari dengan suasana interaksi dalam platform digital yang bersifat tidak rasmi. Di samping itu, bahasa slanga didapati memudahkan interaksi sesama generasi serta mengeratkan hubungan sosial dalam kalangan pengguna yang berkongsi latar budaya dan minat yang sama. Terdapat juga kebimbangan terhadap kesan negatif penggunaan bahasa slanga dalam aspek komunikasi antara generasi. Responden menyatakan wujud jurang komunikasi antara generasi, terutamanya dalam kalangan generasi yang lebih tua seperti Generasi X dan Generasi Y yang sukar memahami maksud sebenar perkataan slanga yang digunakan oleh generasi kini. Kesalahfahaman dalam menginterpretasi makna bahasa slanga ini berpotensi menimbulkan kekeliruan dan konflik ketika berkomunikasi dalam situasi tertentu, sekali gus menjejaskan keberkesanan komunikasi antara generasi.

c) Ancaman kepada Bahasa Rasmi dan Formal

Bahasa slanga turut dilihat membawa risiko terhadap fungsi bahasa dalam konteks rasmi dan profesional. Penggunaannya yang meluas boleh menjejaskan kelancaran urusan rasmi seperti penulisan surat menyurat, penyediaan laporan serta komunikasi di tempat kerja, khususnya apabila penutur terbiasa menggunakan gaya bahasa yang tidak formal dan kurang tepat. Keadaan ini boleh menjejaskan tahap profesionalisme seseorang, terutamanya dalam dunia kerjaya yang mementingkan penggunaan bahasa standard dan baku. Selain itu, penggunaan bahasa slanga juga dikaitkan dengan penurunan tahap adab dan kesopanan apabila digunakan dalam situasi yang tidak sesuai. Sebagai contoh, terdapat responden yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga ketika berinteraksi dengan golongan dewasa, tenaga pengajar atau warga emas boleh menimbulkan salah faham kerana perbezaan tafsiran makna. Tambahan pula, ada responden yang berpandangan bahawa penggunaan bahasa slanga secara berlebihan dalam kandungan media sosial seperti TikTok boleh menjejaskan persepsi terhadap nilai intelektual dan kualiti kandungan yang dikongsikan. Hal ini demikian kerana kandungan media sosial yang terlalu sarat dengan bahasa slanga sering dilihat sebagai remeh dan tidak bermakna, sekaligus memberikan gambaran negatif terhadap tahap pemikiran dan kematangan generasi muda di platform tersebut.

d) Menunjukkan Kreativiti dan Inovasi Bahasa

Terdapat juga pandangan positif dalam kalangan responden yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa slanga mencerminkan kreativiti dan keupayaan linguistik generasi muda masa kini. Penciptaan kosa kata baharu ini dianggap sebagai satu bentuk ekspresi budaya yang menggambarkan gaya hidup semasa. Bahasa slanga bukan sahaja menambah variasi dalam penggunaan bahasa, malah turut menarik minat pelajar untuk mendalami serta mengkaji bidang bahasa dan komunikasi dengan

lebih mendalam. Terdapat juga responden yang turut menyatakan bahawa kewujudan bahasa slanga memperlihatkan nilai kreativiti generasi kini kerana mereka mampu mencipta istilah baharu untuk menerangkan sesuatu perkara dengan lebih tepat, padat dan menarik. Selain itu, terdapat juga pandangan yang menganggap bahasa slanga sebagai satu bentuk penambahan ilmu dan perluasan perbendaharaan kata dalam kalangan pengguna menerusi kewujudan kosa kata baharu yang dibina oleh generasi muda kini.

e) Mencetuskan Pelbagai Reaksi Emosi dan Persepsi Sosial

Penggunaan bahasa slanga turut mencetuskan pelbagai reaksi emosi dan persepsi sosial dalam kalangan responden. Terdapat responden yang berpendapat bahawa bahasa slanga bersifat menyeronokkan, lucu dan memudahkan pemahaman terhadap kandungan video, terutamanya dalam platform seperti TikTok yang bersifat santai dan berbentuk hiburan. Namun begitu, terdapat juga responden yang menyatakan rasa kurang senang, jengkel bahkan berasa marah apabila bahasa slanga digunakan secara berlebihan atau dalam situasi yang tidak sesuai sehingga menjadikan sesetengah istilah slanga dianggap tidak relevan atau tidak sopan. Keadaan ini menunjukkan bahawa penerimaan terhadap bahasa slanga adalah bersifat subjektif dan bergantung kepada latar belakang, sensitiviti budaya serta kepekaan sosial pengguna media sosial seperti TikTok.

Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 1

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa slanga dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa di aplikasi TikTok memperlihatkan ciri perbezaan yang ketara dari aspek jenis kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Antara bahasa slanga kata nama yang diperolehi dalam kajian ini ialah *pembaris*, *kuli*, *sigma* dan *sidekick*. Bahasa slanga kata kerja pula ialah *spill the tea*, *pape roger*, *simp*, *sidai*, *yapping*, *palau*, *cau*, *takleh brain*, *masyukk*, *slay*, *skibidi* dan *cap*. Seterusnya, bahasa slanga kata adjektif pula seperti *lemah*, *sus*, *siot*, *koyak*, *kepoh*, *bitter*, *menyala*, *big l*, *rizz*, *delulu*, *noob* dan *ick*.

Sehubungan itu, kajian ini bukan sahaja mengenal pasti ciri-ciri perbezaan bahasa slanga antara dua generasi tersebut, malah turut memberikan sumbangan baharu dengan memperincikan struktur bahasa slanga dari segi klasifikasi tatabahasa serta melihat penggunaannya dalam konteks sosial dan perbandingan generasi. Bahasa slanga sering digunakan oleh golongan remaja dalam komunikasi harian sesama mereka, sekali gus mendorong kemunculan pelbagai istilah baharu dari masa ke masa (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohammad Syafreza Azwan Pisol, 2022). Melalui dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa Generasi Alfa cenderung menggunakan bahasa slanga yang dipengaruhi oleh budaya internet global dan istilah bahasa Inggeris, sebaliknya

Generasi Z masih menggunakan bahasa slanga tempatan yang lebih dekat dengan konteks budaya dan masyarakat tempatan. Perbezaan ini menunjukkan bahawa faktor usia, pendedahan media dan persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam pembentukan bahasa slanga setiap generasi.

Perbincangan Dapatan Kajian Objektif 2

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa slanga dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa yang aktif menggunakan aplikasi TikTok memberikan kesan yang pelbagai, sama ada positif mahupun negatif. Perkembangan penggunaan bahasa slanga yang selari dengan arus pemodenan mencerminkan kecenderungan gaya pemikiran generasi muda untuk mencipta istilah baharu yang mudah untuk ditularkan dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa. Majoriti Generasi Z menggunakan TikTok bersama adik-beradik dan rakan sebaya, sekali gus memperlihatkan jurang generasi yang ketara berbanding golongan lebih tua seperti *Baby Boomers* dan *Millennials* (Muhammad Wazif et al., 2025). Walau bagaimanapun, dapatan kajian memperlihatkan bahawa kesan negatif penggunaan bahasa slanga lebih dominan berbanding kesan positif.

Seterusnya, dari aspek kesan negatif, penggunaan bahasa slanga menyumbang kepada kemerosotan penguasaan bahasa Melayu standard, khususnya dalam aspek penulisan dan pertuturan formal. Penggunaan istilah slanga secara berlebihan menyebabkan berlakunya kekeliruan antara bahasa tidak formal dengan bahasa standard. Penggunaan slanga secara berlebihan boleh menjejaskan tahap formaliti dan kualiti bahasa (Muhammad Zaid Daud et al., 2024). Situasi ini menimbulkan kebimbangan kerana para pelajar semakin terbiasa menggunakan bahasa ringkas dalam komunikasi harian sehingga mempengaruhi gaya penulisan akademik mereka. Satu cadangan telah dikemukakan oleh Muhammad Zaid et al. (2024) bagi menangani masalah ini iaitu pendidik boleh merangka strategi yang membantu pelajar menggunakan komunikasi secara lebih berkesan melalui keseimbangan antara penggunaan bahasa formal dan tidak formal.

Selain itu, penggunaan bahasa slanga turut dilihat sebagai salah satu faktor yang mewujudkan jurang komunikasi antara generasi. Penggunaan bahasa slanga sememangnya memudahkan komunikasi dalam kalangan individu daripada generasi yang sama, khususnya Generasi Z dan Generasi Alfa yang membesar dalam era teknologi digital serta aktif sebagai pencipta kandungan dalam platform media sosial seperti TikTok. Namun begitu, situasi ini berbeza bagi golongan yang lebih berusia kerana mereka kurang terdedah kepada istilah-istilah slanga yang sentiasa berkembang. Menurut kajian Munirah Zulkifli dan Ira Meilita Ibrahim (2023), perkembangan bahasa slanga dalam kalangan pencipta kandungan semakin pesat kerana penggunaannya dapat mewujudkan komunikasi yang lebih terbuka dengan pengikut media sosial mereka. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan Generasi X dan Y sering menghadapi kesukaran untuk memahami istilah-istilah

baharu yang digunakan oleh generasi muda, sekaligus mewujudkan jurang komunikasi antara generasi.

Penggunaan slanga secara berlebihan juga boleh mengganggu kelancaran komunikasi dalam konteks rasmi seperti mesyuarat, penulisan surat rasmi dan komunikasi profesional. Hal ini kerana, bahasa slanga jelas tidak selaras dengan sistem tatabahasa bahasa Melayu standard. Di samping itu, cara seseorang menggunakan bahasa slanga turut mencerminkan keperibadian dan tahap kesantunannya ketika berkomunikasi (Noor Fazerra Paijin et al., 2022). Oleh itu, penggunaan bahasa slanga tidak sesuai digunakan ketika berinteraksi dengan tenaga pengajar atau dalam situasi urusan rasmi. Penggunaannya dalam situasi sedemikian boleh dianggap kurang beretika dan tidak menepati norma komunikasi formal dalam masyarakat.

Di samping itu, penggunaan bahasa slanga boleh mencetuskan pelbagai reaksi emosi dan persepsi sosial bergantung kepada kepekaan dan latar belakang individu yang berbeza. Bagi sesetengah pengguna, khususnya Generasi Z dan Generasi Alfa, penggunaan bahasa slanga dalam kandungan santai di aplikasi TikTok dianggap menyeronokkan dan bersesuaian dengan konteks hiburan. Namun demikian, terdapat juga individu yang berasa kurang selesa, jengkel atau tersinggung apabila bahasa slanga digunakan secara berlebihan atau dalam situasi yang tidak sesuai. Menurut kajian Nurul Faizza Narawi dan Anida Sarudin (2024), penggunaan bahasa slanga membolehkan pengguna mewujudkan komunikasi yang lebih rapat dan khusus, sekali gus membantu mengekalkan hubungan sosial dalam kalangan mereka. Walau bagaimanapun, keadaan ini boleh menimbulkan masalah apabila bahasa tersebut tidak dapat difahami oleh pihak luar atau individu daripada generasi yang berbeza, sekali gus menimbulkan kekeliruan serta berpotensi mencetuskan salah faham dalam komunikasi harian.

Sebaliknya, jika dilihat dari aspek kesan positif, penggunaan bahasa slanga menggambarkan kreativiti, inovasi dan keupayaan linguistik generasi muda dalam menyesuaikan penggunaan bahasa dengan budaya komunikasi semasa. Kreativiti tersebut dapat dilihat melalui penciptaan pelbagai istilah baharu bagi tujuan menyesuaikan komunikasi yang lebih santai dalam persekitaran media sosial seperti TikTok. Perkembangan pesat istilah slanga turut menunjukkan bahawa bahasa sentiasa mengalami perubahan selaras dengan keperluan sosial dan perkembangan teknologi (Nor Alia Nadia Husain & Nora'Azian Nahar, 2025). Namun begitu, penggunaan bahasa slanga secara kreatif ini perlu disertai dengan kesedaran terhadap konteks penggunaannya agar tidak menjejaskan kefahaman, kesantunan dan nilai-nilai budaya yang sedia ada.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa slanga bukan sahaja membawa perubahan terhadap corak linguistik, malah mempengaruhi gaya komunikasi, pembentukan identiti dan hubungan antara generasi. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa slanga dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alfa dalam aplikasi TikTok berbeza dari segi bentuk dan ciri linguistik, malah turut mencerminkan kepelbagaian fungsi sosial serta gaya komunikasi yang diamalkan oleh kedua-dua generasi tersebut. Dapatan ini menyokong keperluan untuk memahami penggunaan bahasa slanga sebagai suatu fenomena sosial yang mencerminkan kedinamikan interaksi generasi muda dalam ruang digital.

Implikasi kajian ini terhadap bidang pendidikan bahasa, komunikasi digital dan sociolinguistik memperlihatkan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan antara kreativiti linguistik dengan pemeliharaan norma bahasa. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan menggunakan pendekatan yang lebih menyeluruh dengan melibatkan pelbagai platform media sosial, variasi demografi serta menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Justeru, dapatan dan cadangan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada penyelidik masa hadapan dalam meneroka dimensi baharu dalam bidang sociolinguistik digital, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang transformasi bahasa dan komunikasi dalam era teknologi kontemporari.

RUJUKAN

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Muhammad Syafreza Azwan Pisol. (2022). Slanga dalam media sosial: Satu pendekatan minimalis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(3), 151-161. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1903.08>
- Julaina Nopiah & Noratikah Lawi. (2023). Bahasa slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 43-59.
- Muhammad Zaid Daud, Mohamad Fakhri Aiman Yasir, Aqil Danial Emran, Amir Haziqa Nordin, Muhammad Zahirul Ikhwan Abdul Halim, Noor Hanisha Jasni, Erwan Ismail, Shahrulanuar Mohamed, Nur Farain Ali, Al Amin Mohamed Sultan & Mary Fatimah Subet. (2024). Mahasiswa, slanga, pembentangan kumpulan berbahasa Melayu dan pragmatik (Teori Relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1-14. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.1.2024>

- Munirah Zulkifli & Ira Meilita Ibrahim. (2023). Penggunaan bahasa slang di media sosial dalam kalangan pencipta kandungan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*, 201-210.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi & Fatin Syamira Shamsull. (2022). Perubahan penggolongan leksikal slang dalam kalangan mempengaruhi media sosial: Analisis medan makna. *Jurnal Melayu*, 21(2), 51-69. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1548>
- Muhammad Wazif, Maine Suadik & Rosazman Hussin. (2025). Kesan media sosial terhadap interaksi dan aspek pembelajaran formal dalam kalangan remaja: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 11(1), 1-17. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v11i1.7267>
- Nor Alia Nadia Husain & Nora'Azian Nahar. (2025). Penggunaan slang dalam urusan jual beli di TikTok. *LSP International Journal*, 12(1), 59-69. <https://doi.org/10.11113/lspi.v12.24433>
- Noor Fazerra Paijin, Nuratikah Ja'afar & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2022). Penggunaan bahasa slang dalam akaun Twitter "Brgsjks". *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1-13. <https://doi.org/10.17576/jws.v6i3.484>
- Nurul Faizza Narawi & Anida Sarudin. (2024). Mediator bahasa slang dalam kalangan murid di media sosial berdasarkan Teori Sosiokognitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 102-116.
- Kemp, S. (2024, February 23). *Digital 2024: Malaysia*. DataReportal - Global Digital Insights.
- Sue Howe. (2024, May 3). Statistik Media Sosial untuk Malaysia [Dikemaskini 2024]. *Meltwater*.



HUBUNGAN PENERIMAAN DAN MINAT PELAJAR TVET TERHADAP PENGUNAAN E-BOOK DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Noorwati binti Mohd Dawam¹, Nurul Amalia binti Roslan¹, Mohd Farid bin Dawam^{1*}

¹Politeknik Sultan Idris Shah, 45100 Sungai Air Tawar, Selangor.

*E-mail of Corresponding Author: farid.dawam@psis.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan teknologi telah membawa perubahan besar dalam sistem pembelajaran pelajar TVET, khususnya terhadap cara mengakses dan menggunakan bahan bacaan. Buku digital atau *e-book* telah mengubah cara pelajar TVET mendapatkan, menyimpan dan menggunakan maklumat secara fundamental. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan penerimaan dan minat pelajar TVET terhadap penggunaan buku digital (*e-book*) dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melibatkan 75 orang pelajar Jabatan Perdagangan di Politeknik Sultan Idris Shah. Analisis statistik deskriptif dan inferensi digunakan ke atas data yang dikumpul dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistik 26.0. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penerimaan dan minat pelajar TVET terhadap penggunaan buku digital (*e-book*) bahasa Arab dengan nilai pekali korelasi Pearson (r) yang diperolehi ialah 0.762 dan ini bermakna hubungan tersebut sangat kuat. Oleh yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pensyarah dalam memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan buku digital (*e-book*) yang mampu menarik minat serta kecenderungan pelajar TVET terhadap kursus bahasa Arab.

Kata kunci: *penerimaan, minat, pelajar TVET, buku digital, bahasa Arab*

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa ilmu yang perlu dikuasai oleh pelajar TVET sebagai nilai tambah dalam penguasaan bahasa asing. Pelajar di Jabatan Perdagangan merupakan antara pelajar TVET yang perlu mengambil kursus bahasa Arab dalam program pengajian mereka yang memberi penekanan terhadap penguasaan kemahiran bertutur dan menulis. Oleh hal yang demikian, penyediaan bahan pembelajaran berbantuan *e-book* dilihat sebagai satu kaedah yang sesuai bagi menyokong proses pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar TVET di dalam bilik kuliah.

Perkembangan teknologi dalam dunia pendidikan TVET telah mendorong penggunaan bahan pembelajaran secara dalam talian yang semakin mendapat perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan digital ini telah mengubah kaedah pembelajaran masa kini kerana menyediakan akses yang lebih mudah dengan cepat kepada pelajar. Sehubungan itu, *e-book* merupakan medium pembelajaran yang digunakan bagi menyokong proses pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar TVET. Pemilihan bahan pembelajaran yang sesuai dan berkesan merupakan aspek penting dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Santoso et al., 2018; Ridzuan, 2024). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa bahan pengajaran yang efektif merupakan elemen penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar.

E-book merupakan singkatan kepada “buku elektronik”, iaitu hasil penulisan yang diterbitkan secara digital bagi tujuan pembacaan dalam talian menggunakan peranti elektronik. Kandungan *e-book* menggabungkan pelbagai elemen multimedia seperti gambar, teks, video, suara, muzik, permainan dan latihan yang disusun untuk menarik perhatian pembaca (Dicks & Romelli, 2019). Kenyataan ini turut disokong oleh Nie et.al (2021) yang menyatakan bahawa *e-book* mempunyai daya tarikan dari segi reka bentuk yang berwarna-warni, kandungan yang mudah dibaca dengan sokongan audio dan ilustrasi serta menawarkan format buku yang lebih menjimatkan penggunaan kertas.

Penggunaan *e-book* dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin berkembang serta menjadi salah satu inovasi dalam penyediaan bahan pengajaran oleh tenaga pengajar TVET sejajar dengan perkembangan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Penggunaan *e-book* telah mempengaruhi kaedah pembelajaran masa kini dengan menawarkan pelbagai manfaat dan kemudahan untuk mendapatkan maklumat secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan dan minat pelajar TVET di Politeknik Sultan Idris Shah terhadap penggunaan *e-book* dalam pembelajaran bahasa Arab.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah edaran soal selidik. Responden terdiri daripada pelajar TVET yang mengikuti program Diploma Kewangan Islam dan Diploma Sains Kesetiausahaan di Politeknik Sultan Idris Shah. Seramai 75 orang pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab 1 telah dipilih sebagai sampel kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kawasan. Daripada jumlah tersebut, seramai tujuh orang responden ialah pelajar lelaki dan 68 orang ialah pelajar perempuan. Saiz sampel yang digunakan dalam kajian ini bertepatan dengan cadangan penentuan saiz sampel kajian yang diperlukan oleh Krejcie & Morgan (1979). Kebolehpercayaan instrumen pula merujuk kepada kestabilan skor yang dihasilkan oleh sesuatu instrumen (Ananda, 2007). Ujian kebolehpercayaan terhadap item-item berkaitan penerimaan dan minat pelajar TVET terhadap penggunaan *e-book* dalam pembelajaran menunjukkan nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi konstruk penerimaan ialah 0.835, manakala bagi konstruk minat ialah 0.975.

Interpretasi tahap penerimaan dan minat dalam kajian ini ditafsirkan berdasarkan interpretasi yang dikemukakan oleh Jamal Ahmad (2002), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi Min dan Tahap

Skor Min	Tahap
3.67 - 5.00	Tinggi
2.34 - 3.66	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad (2002)

Analisis ujian Korelasi Pearson pula digunakan untuk menentukan hubungan antara penerimaan dan minat pelajar terhadap penggunaan *e-book* dalam pembelajaran bahasa Arab. Jadual 2 menunjukkan interpretasi kekuatan pekali Korelasi Pearson yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 2*Penentuan Korelasi Berdasarkan Pekali Korelasi (r)*

Saiz Pekali Korelasi	Kekuatan Korelasi
1.00 - 0.90	Korelasi Sangat Tinggi
0.89 - 0.70	Korelasi Tinggi
0.69 - 0.40	Korelasi Sederhana
0.39 - 0.20	Korelasi Lemah
0.19 - 0.01	Korelasi Sangat Rendah

Sumber: Brunning dan Kintz (1996)

DAPATAN KAJIAN**Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan *E-book* dalam Pembelajaran Bahasa Arab**

Berdasarkan Jadual 3, tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan *e-book* ($M=4.7$, $SD=0.43$) berada pada tahap tinggi. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tahap penerimaan pelajar PSIS terhadap penggunaan *e-book* sebagai bahan pembelajaran kursus bahasa Arab berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 3*Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan E-book Bahasa Arab*

Konstruk	Kekuatan Korelasi
N	75
Min (M)	4.7
Sisihan Piawai (SD)	0.43
Tahap	Tinggi

Tahap Minat Pelajar Terhadap Penggunaan *E-book* Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Berdasarkan Jadual 4, tahap minat pelajar terhadap penggunaan *e-book* ($M=4.73$, $SD=0.48$) berada pada tahap tinggi. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tahap minat pelajar PSIS terhadap penggunaan *e-book* sebagai bahan pembelajaran kursus bahasa Arab berada pada tahap tinggi dalam kajian ini.

Jadual 4*Tahap Minat Pelajar Terhadap Penggunaan E-book Bahasa Arab*

Konstruk	Kekuatan Korelasi
N	75
Min (M)	4.73
Sisihan Piawai (SD)	0.48
Tahap	Tinggi

Hubungan Antara Penerimaan dan Minat Pelajar Terhadap Penggunaan E-book

Berdasarkan Jadual 5, analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan dan minat pelajar terhadap penggunaan *e-book* dalam pembelajaran bahasa Arab, dengan nilai $p=0.000$ yang lebih kecil daripada nilai signifikan $\alpha = 0.01$. Oleh itu, hipotesis nol ditolak. Nilai pekali korelasi Pearson (r) yang diperoleh ialah 0.762 yang menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah kuat.

Jadual 5*Hubungan Antara Penerimaan dan Minat Pelajar Terhadap Penggunaan E-book*

		Minat
Penerimaan	Korelasi Pearson (r)	0.762
	Sign (p)	0.000
	N	75

*Signifikasi pada aras $p<0.01$ **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penerimaan ($\text{min} = 4.7$) dan minat ($\text{min} = 4.73$) pelajar TVET terhadap penggunaan *e-book* dalam pembelajaran Bahasa Arab berada tahap tinggi. Selain itu, analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan kuat antara penerimaan dan minat pelajar terhadap penggunaan *e-book* ($r = .762$, $p < 0.01$). Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan *e-book*, semakin tinggi juga minat mereka untuk menggunakannya dalam pembelajaran Bahasa Arab. Keadaan ini membuktikan bahawa penerimaan pelajar terhadap teknologi pembelajaran merupakan

faktor penting untuk mempengaruhi minat mereka untuk memanfaatkan *e-book* sebagai medium pembelajaran yang berkesan.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Ridzuan (2024) yang mendapati bahawa pelajar politeknik menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi terhadap penggunaan *e-book* dalam pembelajaran, khususnya apabila bahan pembelajaran disusun secara interaktif dan mudah diakses. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Nabilah dan Khairul (2019) yang melaporkan bahawa penggunaan *e-book* yang mengandungi elemen grafik dan warna yang menarik berjaya meningkatkan minat pelajar sekolah agama terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Hal ini menunjukkan bahawa ciri-ciri *e-book* yang mesra pengguna seperti kebolehcapaian, fleksibiliti serta mudah diakses mampu meningkatkan penerimaan dan minat pelajar merentas pelbagai konteks pendidikan.

Antara faktor yang menyumbang kepada tahap penerimaan dan minat yang tinggi ialah kandungan *e-book* yang interaktif dan menggabungkan pelbagai elemen multimedia seperti teks, grafik, gambar, audio dan video yang mampu menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Nie et al. (2021) dan Nafaidilah Nasir (2010) yang menyatakan bahawa penggunaan elemen multimedia dalam *e-book* dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian ini yang menyokong bahawa *e-book* dapat menarik minat pelajar TVET, khususnya dalam pembelajaran bahasa kedua seperti Bahasa Arab. Dalam konteks TVET, penggunaan *e-book* bukan sahaja memudahkan akses kepada bahan pembelajaran, malah turut menyokong pendekatan pembelajaran sendiri yang menjadi salah satu elemen penting dalam pendidikan berasaskan kemahiran.

Namun begitu, walaupun dapatan kajian menunjukkan tahap penerimaan dan minat pelajar terhadap penggunaan *e-book* adalah tinggi masih terdapat beberapa cabaran yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah tahap kemahiran teknologi yang berbeza dalam kalangan pelajar yang boleh mempengaruhi keupayaan mereka untuk menggunakan *e-book* secara optimum. Nafaidilah Nasir (2010) dan Bouck et al. (2016) menyatakan bahawa sebilangan pelajar masih menghadapi kesukaran dalam memahami cara penggunaan *e-book* secara efektif. Oleh itu, tenaga pengajar disarankan untuk menyediakan bimbingan asas berkaitan penggunaan *e-book* dan literasi digital pelajar agar penggunaan *e-book* dapat dimanfaatkan secara lebih berkesan dalam proses pengajaran dalam pembelajaran bahasa Arab.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar TVET di Politeknik Sultan Idris Shah mempunyai tahap penerimaan dan minat yang tinggi terhadap penggunaan *e-book* dalam

pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu, kajian ini turut membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan kuat antara penerimaan dan minat pelajar terhadap penggunaan *e-book*, sekali gus menunjukkan bahawa *e-book* berpotensi menjadi medium bahan bantu mengajar yang efektif dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting kepada para pensyarah dan institusi pendidikan untuk memperluaskan penggunaan bahan pembelajaran digital serta memperkukuh pelaksanaan pembelajaran berasaskan teknologi. Di samping itu, penyediaan latihan dan bimbingan berkaitan penggunaan *e-book* kepada pelajar perlu diberi perhatian bagi memastikan penggunaannya dapat dimanfaatkan secara optimum dalam proses pembelajaran.

Penggunaan *e-book* bukan sahaja menyokong pelaksanaan pembelajaran abad ke-21, malah turut menyumbang kepada pembelajaran yang lebih lestari dan efisien. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk menilai keberkesanan penggunaan *e-book* terhadap pencapaian akademik pelajar. Selain itu, kajian pada masa hadapan juga boleh melibatkan sampel yang lebih besar serta merangkumi institusi TVET yang berbeza bagi memperoleh dapatan yang lebih menyeluruh dan boleh digeneralisasikan.

RUJUKAN

- Alfiras, M., & Bojiah, J. (2020). Printed textbooks versus electronic textbooks: A study on the preference of students of Gulf University in the Kingdom of Bahrain. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 15(18), 40-51. <https://doi.org/10.3991/ijet.v15i18.15217>
- Bouck, E. C., Weng, P. L. & Satsangi, R. (2016). Digital versus traditional: Visually impaired secondary school students' perceptions of digital algebra textbooks. *Journal of Visual Impairment and Blindness*, 110(1), 41-52. <https://doi.org/10.1177/0145482X1611000105>
- Brunning, J. L., & Kintz, B. L. (1996). *Computational Handbook of Statistics*. (4th ed.). Addison-Wesley Educational Publishers Inc.
- Casselden, B., & Pears, R. (2019). Higher education student pathways to e-book usage and engagement, and understanding: Highways and cul de sacs. *Journal of Librarianship and Information Science*, 1-19. <https://doi.org/10.1177/0961000619841429>
- Cumaoglu, G., Sacici, E. & Torun, K. (2013). E-books versus printed materials: Preferences of university students. *Contemporary Educational Technology*, 4(2), 121-135. <https://doi.org/10.30935/cedtech/6096>

- Dicks, M. & Romanelli, F. (2019). Impact of novel active-learning approaches through iBooks and gamification in a reformatted pharmacy course. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 83(3). <https://doi.org/10.5688/ajpe6606>
- Dumbiri, D. N. & Nwadiani, C. O. (2020). Challenges facing application of e-learning facilities in vocational and technical education program in South Nigeria Universities. *Asian Journal of Vocational Education And Humanities*, 1(2), 1-8. <https://doi.org/10.53797/ajvah.v1i2.1.2020>
- Dyah Puspitasari Srirahayu & Gancar Candra Premananto (2020). The printed book and electronic book (ebook) experiences of digital natives in Indonesia. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 55(6). 1-13. <https://doi.org/10.35741/issn.0258-2724.55.6.17>
- Millar, M. & Schrier, T. (2015). Digital or print textbooks: Which do students prefer? Why? *Journal of Travel and Tourism Teaching*, 15(2), 166-185. <https://doi.org/10.1080/15313220.2015.1026474>
- Mohd Redzuan Rosly (2024), Tahap Penerimaan E-Book Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2024/04/1-1.pdf>
- Nabilah, M., & Khairul, M. (2019). Penerimaan E-Book dan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. *Jurnal Pendidikan Islam dan Bahasa*, 10(2), 54-68
- Nafaidilah Nasir. (2010). *Kajian Kes Penggunaan E-book di sekolah di daerah Kuala Terengganu*. <http://hafaidilah.blogspot.com/2010/07/penggunaaniictdalampendidikan.html>
- Nie, W. K. J., Rahman, S., & Surat, S. (2021). Minat Membaca Buku Elektronik dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2), 119-129.
- Santoso, T. N. B., Siswandari, & Sawiji, H. (2018). The effectiveness of ebook versus printed books in the rural schools in Indonesia at the modern learning era. *International Journal of Educational Research Review (IJERE)*, 3(4). 77-84.
- Smeets, D. & Bus, A. (2013). Picture storybooks go digital: Pros and cons. Neuman, S. B, & Gambrell, L. B., *Quality Reading Instruction in The Age of Common Core Standards* (176-189). <https://doi.org/10.1598/0496.13>
- Sukardi. (2021). Analisa minat membaca antara e-book dengan buku cetak menggunakan metode observasi pada Politeknik Tri Mitra Karya Mandiri. *Jurnal IKRA-ITH Ekonomika*, 4(2), 158-163. <https://journals.upi-yai.ac.id/index.php/IKRAITH-EKONOMIKA/article/download/1029/819>
- Sung, H. Y., Hwang, G. J., Chen, C. Y., & Liu, W. X. (2019). A contextual learning model for developing interactive e-books to improve students' performances of learning the Analects of

Confucius. *Interactive Learning Environments*, 30(3). 470-483.
<https://doi.org/10.1080/10494820.2019.1664595>



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

NORMALISASI BAHASA SINGKATAN DI RUANG KOMEN VIDEO TIKTOK KHAIRUL AMING

Muhammad Zulhilmi Zainor Rashid¹, Nik Ahmad Afiq Isra Nik Muhamad

Norisam², Nur Adlina Nabilah Abdul Hakam³, Nur Auni Fathiyah Khairul Anwar⁴,

Nora'azian Nahar^{5*}

*¹Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia*

**Emel Pengarang Koresponden: noraazian@iium.edu.my*

ABSTRAK

Kemunculan media sosial sebagai medium komunikasi utama telah membawa perubahan baharu dalam linguistik Melayu, khususnya dalam aspek bahasa singkatan. Sifat bahasa Melayu yang dinamik telah mengubah bentuk bahasa Melayu seiring dengan kemunculan media sosial. Bahasa singkatan merupakan bahasa Melayu yang sedang aktif dalam kalangan pengguna media sosial di komunikasi digital. Kajian ini memberikan fokus kepada fenomena linguistik yang menjadi tujuan utama pembentukan serta penggunaan bahasa singkatan di aplikasi TikTok. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti jenis dan bentuk bahasa singkatan yang digunakan dan mengukur kekerapan normalisasi penggunaan bahasa singkatan dalam kalangan pengguna 18 tahun hingga 30 tahun di ruang komen video Khairul Aming di TikTok. Reka bentuk kajian ialah kualitatif deskriptif menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen terhadap komen-komen terpilih (persampelan bertujuan) daripada tiga hingga lima video TikTok yang menerima interaksi tinggi sepanjang tempoh (Oktober-Disember 2025). Hasil kajian berdasarkan penggunaan bahasa singkatan dalam ruang komen TikTok melibatkan pelbagai bentuk selari dengan pengkategorian bahasa Supyan Hussin (2005), iaitu singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan, dan singkatan lazim kolokial. Bahasa singkatan digunakan secara berulang dan difahami tanpa kesukaran, serta diterima sebagai amalan komunikasi biasa

dalam ruang komen TikTok. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, analisis bahan dan temu bual separa berstruktur, serta dianalisis berdasarkan kerangka pengkategorian bahasa singkatan oleh Supyan Hussin (2005). Kajian ini membuktikan bahawa bahasa singkatan berfungsi sebagai komunikasi pragmatik yang signifikan selaras dengan ciri medium TikTok yang menekankan kepantasan, kejelasan mesej dan interaksi yang berterusan.

Kata Kunci : *Bahasa Singkatan, Khairul Aming, Ruang Komen, TikTok.*

PENGENALAN

Perkembangan teknologi komunikasi digital telah membawa perubahan ketara terhadap cara manusia berinteraksi dan berbahasa. Media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyebaran maklumat tetapi turut menjadi ruang pembentukan dan penyebaran variasi bahasa yang baharu. Dalam konteks bahasa Melayu, fenomena ini dapat diperhatikan melalui penggunaan bahasa singkatan yang semakin meluas dalam komunikasi digital khususnya dalam persekitaran media sosial yang bersifat pantas dan tidak formal (Chua Yan Piau, 2005; Noor & Rusniyati, 2017).

TikTok merupakan salah satu platform media sosial yang berkembang pesat dan berperanan sebagai ruang interaksi terbuka antara kandungan dengan pengguna. Ruang komen di TikTok berfungsi sebagai perantara komunikasi dua hala yang membolehkan pengguna memberikan respons secara spontan dan segera. Keadaan ini mendorong pengguna untuk menyesuaikan penggunaan bahasa agar selari dengan keperluan komunikasi segera secara tidak langsung menyumbang kepada penggunaan bahasa singkatan secara meluas (Creswell, 2009). Penggunaan yang berulang dan konsisten ini akhirnya membawapkepada proses normalisasi, iaitu apabila sesuatu bentuk bahasa diterima sebagai amalan komunikasi biasa dalam sesebuah komuniti bahasa.

Fenomena normalisasi bahasa singkatan dapat diperhatikan dengan jelas dalam ruang komen video pempengaruh terkenal seperti Khairul Aming. Dengan jumlah pengikut yang besar dan tahap interaksi yang tinggi, ruang komen video Khairul Aming memperlihatkan kepelbagaian bentuk bahasa singkatan yang digunakan oleh pengguna daripada latar belakang sosial dan umur yang berbeza. Bahasa singkatan bukan sahaja berfungsi sebagai alat penjimatan masa untuk memberikan komen, malah singkatan ini berperanan dalam mengekalkan kelancaran interaksi, menyampaikan emosi serta membina suasana komunikasi yang santai dan mesra (Akhmarisha & Rusniyati, 2017).

Bahasa singkatan sering dikaitkan dengan pengurangan perkataan terhadap tatabahasa yang betul dan penggunaannya dalam komunikasi digital tidak boleh dilihat secara negatif semata-mata. Sebaliknya, fenomena ini mencerminkan kreativiti linguistik serta keupayaan bahasa Melayu untuk menyesuaikan diri dengan konteks komunikasi semasa. Supyan Hussin (2005) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa singkatan merupakan satu bentuk variasi bahasa yang berfungsi dalam situasi komunikasi tertentu dan boleh difahami melalui perkongsian bersama dalam kalangan pengguna bahasa. Oleh itu, kajian terhadap normalisasi bahasa singkatan dalam ruang komen TikTok adalah penting bagi memahami perkembangan bahasa Melayu dalam persekitaran digital serta implikasinya terhadap bidang sosiolinguistik dan pragmatik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penggunaan bahasa singkatan dalam komunikasi digital telah lama menjadi perhatian dalam kajian linguistik. Namun, kebanyakan kajian terdahulu seperti Supyan Hussin (2005) lebih menumpukan analisis terhadap bahasa singkatan dalam komunikasi SMS. Fokus ini kini menghadapi kekangan dari segi kerelevanan kerana penggunaan SMS semakin berkurangan dengan kemunculan platform media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook dan Twitter yang menawarkan bentuk interaksi yang lebih pantas, terbuka dan bersifat awam. Keadaan ini menyebabkan dapatan kajian berasaskan SMS tidak lagi sepenuhnya mencerminkan realiti penggunaan bahasa singkatan dalam komunikasi digital semasa. Dalam konteks media sosial, ruang komen berfungsi sebagai medium interaksi segera antara pencipta kandungan dan pengguna. Sifat komunikasi yang spontan, ringkas dan tidak formal mendorong penggunaan bahasa singkatan secara meluas dan berulang.

Selain itu, penggunaan bahasa singkatan dalam ruang komen TikTok bukan sekadar melibatkan pemendekan kata, malah turut merangkumi penggunaan simbol, pengulangan huruf, lambang fonetik serta gabungan kata yang kompleks. Elemen-elemen ini mencerminkan ciri gaya penggunaan bahasa yang baharu dipengaruhi oleh platform digital itu sendiri namun masih kurang dihuraikan secara mendalam dalam kajian sedia ada. Kajian seperti Noor Akhmarisha dan Rusniyati (2017) yang meneliti bahasa singkatan dalam kalangan pengguna media sosial turut lebih menumpukan bentuk singkatan secara umum tanpa meneliti proses normalisasi penggunaannya dalam ruang komunikasi awam. Aspek normalisasi bahasa singkatan iaitu penerimaan yang sama dan penggunaan berulang bahasa singkatan sebagai amalan komunikasi biasa masih kurang dibincangkan dalam konteks ruang komen TikTok.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis dan bentuk bahasa singkatan yang digunakan serta mengukur kekerapan normalisasi penggunaannya dalam ruang komen video TikTok Khairul Aming. Dapatan kajian ini dilaksanakan supaya dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena bahasa singkatan dalam komunikasi digital.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian dilaksanakan bagi menjelaskan persoalan bagaimanakah normalisasi bahasa singkatan di media sosial yang digunakan oleh masyarakat terutamanya di ruang komen video tiktok Khairul Aming. Secara khusus, kajian ini mempunyai dua objektif iaitu :

1. Menenal pasti jenis dan bentuk bahasa singkatan yang digunakan dalam ruang komen TikTok Khairul Aming.
2. Mengukur kekerapan normalisasi penggunaan bahasa singkatan dalam kalangan pengguna media sosial TikTok.

KAJIAN LITERATUR

Kajian bahasa singkatan dalam komunikasi di media sosial telah banyak dilakukan dalam pelbagai konteks terutamanya melibatkan generasi Z sebagai sampel kajian. Dalam kajian oleh Ihwans (2025) yang mengenal pasti bentuk dan fungsi bahasa singkatan oleh pengengaruh generasi Z di TikTok, bahasa singkatan dibahagikan mengikut fungsi linguisitik iaitu *acronym*, *initialism* dan *clipping*. Singkatan jenis *clipping* dan *acronym* merupakan singkatan paling dominan yang berfungsi sebagai tanda keakraban sosial, identiti kumpulan dan strategi menarik perhatian audiens. Menurut Tusa'adah dan Djauhari (2025) pula, bahasa singkatan dikelaskan mengikut fungsi pragmatik iaitu emosi, interpersonal dan ekspresif. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan secara kualitatif (berdasarkan persampelan video dan sebagainya). Di akhir kajian didapati sebagai ekspresi emosi, solidariti sosial serta cerminan identiti generasi Z di TikTok. Analisis wacana video TikTok pengengaruh Zhiddin Aziz (Latiff & Nahar, 2023) pula mendapati bahasa singkatan muncul secara konsisten dalam komunikasi di TikTok menandakan konteks bahasa yang santai. Tambahan lagi, analisis yang dilakukan berdasarkan struktur ujaran, singkatan dan gaya bahasa tidak formal.

Jika dilihat dari konteks fungsi, bahasa singkatan digunakan untuk penjimatan masa, ruang dan pembinaan persona digital (Febriyanti, 2023), serta sebagai penanda usia dan keanggotaan sosial (Sulistiyarini & Prasetyo, 2024). Hal ini didasari sebagaimana analisis semantik kognitif oleh Agnessya et al. (2024), iaitu bahasa singkatan mengalami perluasan makna akibat perubahan konteks visual dan audio TikTok mengikut peredaran zaman. Selain itu,

terdapat analisis stilistik oleh Zakaria dan Setyo (2025) mendapati bahawa penggunaan bahasa singkatan adalah bertujuan persuasif dan penarik perhatian secara pantas. Oleh hal yang demikian, bahasa singkatan acap kali dikaitkan dengan penggunaan tatabahasa yang salah. Namun, Al-Shlowiy (2014) sebaliknya berpendapat bahawa bahasa singkatan tidak merosakkan bahasa tetapi mempengaruhi konteks penggunaannya yang tidak formal. Hal ini bertepatan kajiannya yang meneliti kesan penggunaan bahasa singkatan digital dalam konteks formal, menerusi kaedah analisis literatur dan kajian konseptual.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, mereka banyak memfokuskan aspek penyampaian atau pembikinan kandungan oleh para pengguna media sosial terutamanya di aplikasi TikTok. Kajian-kajian tersebut juga menekankan aspek luaran seperti morfologi dan sosiolinguistik serta melakukan persampelan terhadap kandungan sahaja.

Kajian ini mengetengahkan Teori Pragmatik oleh Halliday (1978) dan Levinson (1983) sebagai kerangka teoritikal. Levinson mengatakan bahawa pragmatik ialah kajian bidang linguistik mengenai makna bahasa yang hanya boleh difahami melalui konteks penggunaannya. Teori ini bersesuaian dengan kajian bahasa singkatan kerana bahasa singkatan di TikTok bersifat tidak lengkap secara tatabahasa, bergantung kepada konteks kandungan serta berfungsi menyampaikan makna dan bukan secara literal. Teori Pragmatik ini dapat menjelaskan tujuan penggunaan bahasa singkatan, kesan terhadap penonton melalui makna tersirat yang dihasilkan.

Halliday (1994) menjelaskan bahawa makna yang dihasilkan tertakluk pada konteks penggunaan dalam situasi tertentu (Jaafar, 2024). Dalam konteks kajian melihat kepada konteks komunikasi media sosial. Oleh hal yang demikian, Halliday (1978) telah mengelaskan fungsi bahasa kepada empat iaitu ekspresif, interpersonal, persuasif dan informatif (namun kajian ini tidak menekankan aspek persuasif).

Bagi menjelaskan lagi teori ini, konsep Implikatur (Grice, 1975) dan Tindak Tutur (Austin, 1962; Searle, 1969) digunakan. Grice (1975) menyatakan implikatur berkaitan makna tersirat yang dihasilkan. Dalam erti kata lain, walaupun bahasa singkatan tidak sempurna patah perkataan, maknanya masih boleh difahami oleh komuniti. Pembaca dapat memahami bahasa singkatan berdasarkan tiga jenis tindak tutur iaitu direktif, ekspresif dan representatif.

Sebagai kerangka konseptual kajian, pemboleh ubah bebas yang dikaji ialah bahasa singkatan yang digunakan di ruangan komen TikTok video Khairul Aming. Pemboleh ubah bersandar pula ialah normalisasi penggunaan bahasa singkatan. Maka, hubungan kait antara pemboleh ubah dengan Teori Pragmatik dapat dianalisis dari segi fungsi pragmatik dan

mekanisme implikatur serta tindak tutur. Penggunaan yang berulang dan difahami secara kolektif menyumbang kepada proses normalisasi bahasa singkatan sebagai norma komunikasi digital.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif untuk meneroka penggunaan bahasa singkatan di ruang komen TikTok Khairul Aming secara mendalam (Chua Yan Piaw, 2005). Dengan mengadaptasi konsep oleh Neuman 2011 yang melibatkan proses sistematik dalam pemilihan kes dan analisis kandungan. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah triangulasi data melalui analisis bahan dan temu bual juga dilaksanakan (Creswell, 2009). Kajian tertumpu kepada persekitaran digital platform TikTok akaun @khairulaming milik saudara Khairul Amin bin Kamarulzaman. Beliau merupakan pengengaruh media sosial dengan jangkauan audiens sebanyak 6.3 juta pengikut sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Populasi kajian terdiri daripada warganet yang berinteraksi di ruang komen Khairul Aming. Kajian menggunakan persampelan bertujuan dengan kriteria berikut:

1. Analisis Bahan: 3 hingga 5 video yang dimuat naik antara Oktober hingga Disember 2025.
2. Temu Bual: 7 orang subjek kajian (mahasiswa dan pekerja muda berumur 18-30 tahun) yang aktif menggunakan media sosial. Pemilihan subjek kajian ini dibuat dengan teliti supaya dapat menjawab persoalan kajian.

Setiap kajian perlu mempunyai protokol tersendiri termasuk instrumen kajian, prosedur dan peraturan am yang perlu dipatuhi (Yin, 2009). Oleh itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian, analisis bahan dan protokol temu bual.

Pengkaji memerhati komen video untuk mendapatkan data awal dengan fokus utama bagi mengenal pasti pola penggunaan bahasa singkatan yang aktif. Dalam kajian ini, pemerhatian dibuat secara naturalistik iaitu pengkaji memerhati sesuatu perkara atau fenomena yang berlaku dalam konteks sebenar (Creswell, 2009).

Pengkaji menggunakan kaedah analisis bahan sebagai kesinambungan pemerhatian yang dijalankan. Pengumpulan data melalui tangkapan skrin teks komen TikTok dalam konteks menyeluruh. Seterusnya, data dikelaskan kepada bentuk-bentuk singkatan mengikut kerangka pengkategorian Supyan Hussin (2005).

Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur untuk meneroka motif dan persepsi pengguna terhadap normalisasi bahasa singkatan (Robson, 2002). Instrumen ini dibina sendiri dan telah disahkan oleh pakar bidang linguistik serta komunikasi media. Seramai tujuh informan

(mahasiswa, graduan, dan pekerja muda) dipilih melalui persampelan bertujuan. Sesi dijalankan secara dalam talian melalui Google Meet, rakaman suara, dan WhatsApp *Call* bagi menjamin fleksibiliti pengumpulan data.

Kesahan kajian ini dipastikan melalui triangulasi data, iaitu dengan menyilang data komen TikTok dengan hasil temu bual bagi menjamin kredibiliti interpretasi (Maxwell, 1996) manakala, kebolehpercayaan data dikukuhkan melalui proses pengumpulan yang sistematik dan penggunaan kerangka Supyan Hussin (2005) sebagai panduan tetap pengkategorian (Othman, 2014).

Prosedur Kajian

Rajah di bawah menunjukkan prosedur kajian yang dijalankan.

Rajah 1



Pengkaji memulakan kajian dengan penyediaan cadangan penyelidikan yang merangkumi penetapan persoalan, objektif dan pembinaan instrumen kajian berkaitan dengan normalisasi penggunaan bahasa singkatan di ruang komen video TikTok Khairul Aming, serta penentuan kerangka pengkategorian Supyan Hussin (2005) sebagai panduan analisis. Seterusnya, kebenaran menjalankan kajian dan persetujuan peserta diperoleh selaras dengan etika penyelidikan. Kajian rintis dilaksanakan bagi menilai kejelasan dan kesesuaian soalan temu bual sebelum kajian sebenar dijalankan. Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian komen video TikTok yang mendapat sambutan tinggi dan temu bual separa berstruktur melibatkan tujuh orang pengguna aktif media sosial. Data yang diperoleh dianalisis secara kualitatif deskriptif menggunakan pengkategorian Supyan Hussin (2005), analisis tematik serta analisis kekerapan umum berasaskan skala adaptasi Siti Nasarah Ismail et al. (2015).

DAPATAN KAJIAN

Secara asasny, bahasa singkatan merupakan proses pemendekan kata daripada beberapa bahagian leksem dan kombinasi leksem untuk menjadi bentuk baru berstatus kata (Ad & Nouval, 2020). Sehubungan itu, analisis ini dibahagikan kepada dua subtopik iaitu bentuk singkatan yang digunakan oleh pemerhati yang meninggalkan komen berdasarkan kategori Supyan Hussin (2005) dan penemuan baru bahasa singkatan yang tidak disebut oleh Supyan Hussin.

Merujuk pengkategorian bentuk singkatan Supyan Hussin (2005), telah membahagikan bentuk singkatan kepada tiga kategori iaitu singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial. Kategori ini didapati masih digunakan dalam kalangan komentator video Tiktok.

Jadual 1

Bentuk sinkatan

Kategori	Contoh Singkatan	Bahasa Melayu Baku
Singkatan Lazim	Nk, ni, tu, yg, utk	Nak, ini, itu, yang, untuk
Singkatan Keguguran Vokal atau Konsonan	Dtang, kawinnn, igt, nnti	Datang, kahwin, ingat, nanti
Singkatan Lazim Kolokial	Je, tnye, jap	Sahaja, tanya, sekejap

Seiring dengan kajian Supyan Hussin (2005), menyatakan bahawa bentuk singkatan lazim selalu digunakan dalam komunikasi SMS dan telah diterima sebagai satu konvensi dalam bahasa Melayu. Bentuk singkatan ini mempunyai pola pemendekan yang konsisten dan tidak berubah selain sifatnya yang universal serta mudah difahami setiap lapisan generasi. Berdasarkan jadual 1, dapat dilihat bahawa kategori singkatan lazim hanya melibatkan proses pengguguran satu konsonan dan vokal dalam tempoh tersebut sekaligus mematuhi syarat sesuatu singkatan.

Misalnya, leksikal /nak/ telah dipendekkan menjadi /nk/ yang menunjukkan pengguguran hanya berlaku pada vokal /a/ sahaja. Sehubungan dengan itu, kategori ini didapati masih digunakan secara aktif oleh komentar video Tiktok Khairul Aming.

Selain itu, singkatan keguguran vokal atau konsonan pula lebih disingkatkan dengan menggugurkan huruf vokal atau konsonan secara bebas tanpa kawalan sehingga wujud kepelbagaian singkatan daripada leksikal asal (Noor & Rusniyati, 2017).

Sebagai contoh, data leksikal /ingat/ yang berlaku pengguguran vokal dan konsonan dalam tempoh masa yang sama. Proses pengguguran berlaku pada vokal /a/ dan pada konsonan

/n/ lalu membentuk kata singkatan /igt/. Fenomena ini menunjukkan kreativiti komentator dalam mencipta bentuk singkatan mengikut kesesuaian situasi.

Seterusnya, singkatan lazim kolokial kerap digunakan dalamDigunakan dalam konteks santai tanpa keterikatan tatabahasa (Akhmarisha & Rusniyati, 2017). Penggunaannya lebih bersifat rapat dan mesra antara penghantar dan penerima serta turut diaplikasikan dalam pertuturan lisan semasa. Kategori ini menyingkatkan leksikal dengan cara pengguguran serta penambahan fonem.

Contohnya, leksikal /sahaja/ dalam jadual di atas, telah mengalami proses pengguguran dua suku kata awal iaitu /sa/ dan /ha/ lalu terbentuk singkatan /ja/ atau /je/. Hal ini bermaksud para komentar bukan sahaja menggugurkan dua suku kata awal malahan vokal /a/ di tengah kata dihilangkan dan hanya membentuk singkatan dari fonem konsonan /j/ dan fonem vokal /a/.

Tambahan fonem juga berlaku, seperti dalam leksikal /tanya/ iaitu /a/ telah digugurkan dan berlakunya, penambahan vokal /e/ pada akhir kata bagi menggantikan vokal /a/ yang telah dihilangkan. Perubahan kata ini telah mengalami proses pengguguran dan penggantian fonem lalu menghasilkan kata singkatan /tnye/ atau sebutannya [tanyə].

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai bentuk bahasa singkatan bukan sahaja berlaku secara meluas, malah difahami bersama oleh pengguna, sekali gus membuka ruang untuk analisis kekerapan normalisasi penggunaannya dalam kalangan pengguna media sosial TikTok.

Analisis Deskriptif Kekerapan Normalisasi Penggunaan Bahasa Singkatan Dalam Kalangan Pengguna Media Sosial Tiktok

Bahagian ini mengukur kekerapan normalisasi bahasa singkatan melalui data temu bual separa berstruktur. Skala kekerapan diklasifikasikan kepada lima tahap: sangat kerap, kerap, sederhana, jarang, dan tidak pernah (Jadual 2).

Kekerapan Pendedahan dan Penggunaan Bahasa Singkatan.

Berdasarkan keputusan pelaksanaan temu bual separa berstruktur, majoriti informan menyatakan bahawa mereka kerap menggunakan bahasa singkatan dalam mana mana ruang komen video TikTok Khairul Aming secara kerap hingga sangat kerap. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa singkatan merupakan satu bentuk komunikasi lazim dan berulang dalam ruang komen tersebut.

Jadual 2*Skala Kekerapan Penggunaan*

Tahap Kekerapan	Interpretasi Umum	Bil. Informan
Sangat Kerap	Lebih daripada 15 kali seminggu	4
Kerap	11 hingga 15 kali seminggu	2
Sederhana	6 hingga 10 kali seminggu	1
Jarang	1 hingga 5 kali seminggu	0
Tidak Pernah	Tidak pernah berlaku	0

Persepsi Normalisasi Penggunaan Bahasa Singkatan

Analisis kualitatif yang dijalankan melalui temu bual separa berstruktur telah mengenal pasti beberapa faktor utama yang menyumbang kepada proses normalisasi bahasa singkatan dalam kalangan pengguna TikTok. Secara keseluruhannya, informan menganggap penggunaan bahasa singkatan sebagai satu amalan komunikasi lazim yang didorong oleh sifat medium digital serta keperluan interaksi sosial semasa. Dapatan ini dikategorikan kepada empat tema utama seperti berikut:

Tema 1: Spontaniti dan Kesegeraan Komunikasi

Penggunaan bahasa singkatan dikenal pasti sebagai satu bentuk komunikasi "gerak hati" atau impulsif yang selari dengan sifat platform TikTok yang pantas. Informan 2 menjelaskan bahawa keperluan untuk memberikan maklum balas dengan segera menyebabkan pengguna mengutamakan kelajuan menaip berbanding ketepatan tatabahasa bagi mengekalkan momentum interaksi. Proses ini sering berlaku secara separa sedar akibat pendedahan yang kerap terhadap kandungan yang dinamik, di mana maklumat perlu disampaikan secara "sepantas kilat".

Tema 2: Kebolehfahaman dan Kecekapan Pragmatik

Walaupun struktur bahasa yang digunakan tidak sempurna mengikut hukum tatabahasa baku, bahasa singkatan diterima secara meluas kerana tahap kefahamannya yang tinggi dalam kalangan komuniti digital. Informan 3 menegaskan bahawa bahasa singkatan bukan lagi dianggap sebagai penghalang komunikasi, sebaliknya berfungsi sebagai pemudah cara interaksi sosial yang berkesan. Hal ini disokong oleh persepsi bahawa singkatan mampu memaksimumkan

penyampaian makna dengan usaha menaip yang minimum, sekali gus menepati budaya tempoh perhatian (*attention span*) yang pendek dalam kalangan pengguna media sosial.

Tema 3: Tekanan Norma dan Kebiasaan Kolektif

Proses normalisasi turut didorong oleh faktor kebiasaan dan tekanan norma dalam komuniti digital. Menurut Informan 7, walaupun terdapat segelintir pengguna yang pada awalnya bersikap skeptikal terhadap keberkesanan bahasa singkatan, mereka akhirnya menerima amalan tersebut kerana telah menjadi standard komunikasi yang dominan di ruang siber. Penerimaan secara kolektif ini membuktikan kewujudan satu standard pragmatik baharu yang dianggap efisien oleh warganet.

Tema 4: Suasana Komunikasi Santai dan Identiti Kelompok

Ciri ruang komen TikTok yang bersifat kasual dan tidak formal memberikan kebebasan kepada pengguna untuk berkomunikasi mengikut keselesaan masing-masing. Informan 5 dan 6 menyatakan bahawa ketiadaan format komunikasi yang tegar membolehkan interaksi berlaku dalam suasana yang santai. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan identiti kelompok yang mesra, di mana penggunaan bahasa singkatan berfungsi sebagai penanda keakraban dalam persekitaran digital yang tidak terikat dengan protokol bahasa formal.

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dalam kajian ini, didapati bahawa penggunaan bahasa singkatan seperti kerangka pengkategorian Supyan Hussin (2005) dominan dalam ruang komen. Berdasarkan fungsi bahasa Halliday (1976), bahasa dalam ruang komen ini berfungsi secara interpersonal kerana fokus utama adalah untuk menjalin interaksi dan mengekspresikan perasaan terhadap kandungan Khairul Aming. Singkatan ini merupakan alat untuk mencapai tujuan komunikasi tersebut dalam konteks media yang santai. Menurut Indirawati Zahid (2007), perubahan bentuk kata ini merupakan satu bentuk adaptasi leksikal. Dalam konteks pragmatik, bentuk teks yang diringkaskan ini tetap membawa makna yang sama kerana komuniti TikTok berkongsi latar belakang yang sama tentang kod bahasa tersebut.

Seterusnya, hasil temu bual menunjukkan kekerapan normalisasi bahasa singkatan yang sangat tinggi. Dapatan ini menyokong prinsip Implikatur dan Tindak Tutur (Grice, 1975) dalam

Teori Pragmatik iaitu penerima mesej dapat memahami maksud tersirat penghantar melalui konteks. Normalisasi ini membuktikan bahawa pengguna media sosial mematuhi “kerjasama komunikasi” iaitu kelajuan dan keringkasan dianggap lebih efektif daripada ketepatan tatabahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana komunikasi tetap mencapai matlamatnya kerana wujudnya persefahaman bersama antara penghantar dan penerima.

Kajian ini mendapati bahawa makna bahasa ditentukan oleh konteks. Hal ini selari dengan pandangan Awang Sariyan (2007) yang menyatakan bahawa keberkesanan komunikasi dalam situasi tidak formal bergantung kepada konteks dan tujuan interaksi tersebut. Subjek kajian mengatakan bahawa mereka menggunakan singkatan secara impulsif kerana penggunaan bahasa baku dalam konteks media sosial khususnya TikTok, mungkin dirasakan terlalu kaku atau formal. Oleh itu, normalisasi ini menunjukkan bahawa pengguna media sosial telah membentuk norma komunikasi baharu yang mengutamakan fungsi pragmatik.

Tuntasnya, kajian ini secara keseluruhannya menyokong Teori Pragmatik yang membuktikan bahawa bahasa singkatan merupakan strategi komunikasi yang terikat dengan fungsi bahasa (Halliday) serta implikatur dan tindak tutur (Grice). Makna bahasa dalam media sosial tidak bersifat statik pada bentuk ejaan, sebaliknya bersifat dinamik mengikut keperluan situasi digital semasa.

Dari sudut linguistik, kajian menunjukkan bahawa bahasa singkatan bukan sekadar pemendekan kata yang rawak, tetapi merupakan satu bentuk kreativiti leksikal yang sistematik. Pengguna media sosial mempunyai keupayaan untuk memanipulasi struktur kata tanpa menjejaskan makna asal perkataan. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Melayu bersifat dinamik dan sentiasa berkembang mengikut keperluan semasa. Dari sudut pendidikan, pelajar perlu diberi pendedahan tentang kesesuaian penggunaan bahasa mengikut situasi. Kesedaran terhadap perbezaan antara bahasa formal dan tidak formal amat penting bagi memastikan penggunaan bahasa Melayu yang tepat dalam konteks akademik rasmi. Penggunaan bahasa yang ringkas dan santai membantu mewujudkan suasana komunikasi yang mesra dan inklusif dalam ruang komen TikTok.

RUJUKAN

- Al-Shlowiy, A. (2014). Texting abbreviations and language learning. *International Journal of Arts & Sciences*, 7(3), 455-468.
- Austin, J.L. (1962). *How to Do Things with Words*. Oxford University Press.

- Ad, H., & Nouval, B. (2020). Analisis bentuk singkatan pada media sosial. *Jurnal Metamorfosis*, 12(1), 45-56.
- Chua, Y. P. (2005). *Kaedah Penyelidikan (2nd Ed.)*. Mc GrawHill Education.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3rd ed.)*. Sage Publications, Inc.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. In P. Cole & J. Morgan (Eds.), *Syntax and Semantics*. New York: Academic Press.
- Halliday, M. A. K. (1976). Systemic backgrounds. In G. Kress (Ed.), *Halliday: Systemic social semiotics*. Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. (1978). *Language as Social Semiotic*. Edward Arnold.
- Hussin, S. (2005). Bahasa Melayu dalam komunikasi elektronik: Kerangka pengkategorian bahasa singkatan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5(2).
- Hussin, S. (2005). Korpus bahasa SMS: Kreativiti dan ancaman kepada bahasa. *Jurnal e-Bangi* 2(2), 1-15.
- Ihwans, Y. (2025). Abbreviations in slang language used by Gen Z Tik Tok influencers of Indonesia. *Southeast Asian Language and Literature Studies*, 1(2), 106–115. <https://doi.org/10.55981/salls.2024.9177>
- Jaafar, M. F. (2024). *Pengenalan Nahu Fungsional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juliana, A., Nasution, F., & Fatmawati, F. (2025). Pergeseran Makna Istilah Viral Tiktok Dalam Perspektif Semantik Kognitif. *Jurnal Vokatif*, 2(3), 128–133. <https://doi.org/10.51574/vokatif.v2i3.3406>
- Latiff, N. A., & Nahar, N. A. H. (2023). Analisis Ujaran Video Tiktok Zhiddin Aziz Bersandarkan Teori Keraf. *The International Young Scholars Journals of Languages (IYSJL 2023)*, 6. 10-20.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Maxwell, J. A. (1996). *Qualitative research design: An interactive approach*. Sage Publications.
- Neuman, W. L. (2011). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Allyn & Bacon.
- Noor Akhmarisha & Rusniyati. (2017). Analisis linguistik terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar IPTS. *AL-Lisan International Journal for Linguistic & Literary Studies*, 1(1), 151-165.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Robson, C. (2002). *Real world research: A resource for social scientists and practitioner-researchers* (2nd ed.). Blackwell Publishing.
- Searle, J.R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press.
- Sulistiyarini, S., & Prasetyo, G. T. (2024). Language Variations of Adolescents on Tiktok Social Media. *Metathesis: Journal of English Language, Literature, and Teaching*, 8(1), 33-42.
- Tusa'adah, L., & Djauhari, O. S. (2025). Sociolinguistic study of English abbreviations frequently used by Gen Z on TikTok. *Jurnal Bima Pusat Publikasi Ilmu Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 3(3), 183–189. <https://doi.org/10.61132/bima.v3i3.2158>
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Zahid, I. & Mohd. Baharuddin, S. B. (2007). *Morfologi*. PTS Professional.
- Zakaria, M., & Setyo, L. W. (2025). Kajian Kebahasaan Akun TikTok “@kuliner1menit_”: Gaya Bahasa dan Makna l. IDIOMATIK. *Jurnal Idiomatik Ilmu Bahasa Dan Pendidikan*, (1), 1–9. <https://doi.org/10.46918/idiomatik.v8i1.2643>



PEMEROLEHAN KATA NAMA AM GENERASI ALFA: ANIMASI UPIN DAN IPIN

Nur Farzana Ahmad Zaki¹, Nik Nurfahana Aziz¹, Nur Nustratina Dayana Hasnan¹, Adieba Raihanna Mohd Ridzuan¹, Muhammad Iqbal Adha Ismail¹, Nora'azian Nahar^{1*}

¹Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**E-mel pengarang koresponden: noraazian@iium.edu.my*

ABSTRAK

Penggunaan kata nama am bahasa Inggeris dalam pertuturan bahasa Melayu semakin meluas dalam kalangan generasi Alfa, sekali gus menunjukkan kelemahan dalam penguasaan kosa kata asas bahasa Melayu. Fenomena ini dipengaruhi oleh pendedahan berterusan kepada media animasi yang menampilkan penggunaan bahasa campuran, menyebabkan kanak-kanak meniru bentuk bahasa tanpa memahami sistem bahasa yang betul. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh media animasi terhadap pemerolehan kata nama am bahasa Melayu dalam kalangan generasi Alfa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur terhadap 7 orang ibu bapa atau penjaga. Analisis kandungan juga digunakan bagi mengenal pasti jenis dan fungsi kata nama am yang digunakan dalam siri animasi ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jenis kata nama am digunakan dalam siri animasi ini khususnya dalam golongan hidup dan tak hidup. Hasil dapatan temu bual menunjukkan hubungan positif antara kata nama am dan kesannya terhadap generasi Alfa terutama ketika mengaplikasikan perkataan dalam komunikasi harian, meningkatkan kosa kata dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama generasi Alfa. Teori Sistemik Fungsional Linguistik (1978) telah menyokong dapatan kajian ini. Oleh itu, pentingnya kajian tentang bidang morfologi, khususnya kata nama am dalam animasi kerana generasi Alfa yang akan meneruskan penggunaan bahasa Melayu pada masa akan datang.

Kata kunci: *bahasa Melayu, kata nama am, animasi, generasi Alfa*

PENGENALAN

Pemerolehan bahasa merupakan proses semulajadi yang berlaku dalam diri kanak-kanak sejak peringkat awal kehidupan sebagai satu anugerah daripada Allah SWT. Dalam bidang linguistik kanak-kanak, proses ini melibatkan keupayaan kanak-kanak memahami, menguasai dan menggunakan unsur-unsur bahasa secara berperingkat melalui interaksi dan pengalaman seharian. Salah satu aspek penting dalam pemerolehan bahasa ialah penguasaan golongan kata, khususnya kata nama am yang berperanan sebagai asas dalam pembinaan ayat dan komunikasi harian. Penguasaan yang mantap terhadap kata nama am membolehkan kanak-kanak menamakan objek, individu, tempat dan konsep dengan tepat serta membina struktur ayat yang lebih bermakna, sekali gus mencerminkan kesyukuran terhadap nikmat akal dan bahasa yang dikurniakan-Nya.

Kata nama am merujuk perkataan yang digunakan untuk menamakan manusia, haiwan, benda, tempat dan konsep secara umum. Penguasaan kata nama am amat signifikan dalam perkembangan bahasa kanak-kanak kerana golongan kata ini membentuk kerangka awal dalam pembinaan ayat mudah seperti struktur subjek dan predikat. Kanak-kanak lazimnya memperoleh kata nama am melalui interaksi sosial, persekitaran keluarga, rakan sebaya serta pendedahan kepada bahan media yang sesuai dengan tahap perkembangan mereka.

Seiring dengan perkembangan teknologi, media animasi berperanan dalam menyokong pemerolehan bahasa generasi Alfa. Siri animasi Upin & Ipin, khususnya episod “Wira Minyak Sawit”, menampilkan dialog yang ringkas dan visual yang jelas bagi membantu kanak-kanak memahami serta menguasai kata nama am berkaitan dengan tumbuhan, pekerjaan dan hasil pertanian. Penyampaian yang kontekstual ini memudahkan pemahaman makna serta mengaitkan bahasa dengan kehidupan seharian. Selain itu, pendedahan terhadap konsep sumber semula jadi seperti minyak sawit turut memupuk kesedaran nilai dalam kalangan kanak-kanak. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis kata nama am yang digunakan dalam siri animasi tersebut serta menganalisis kesan penggunaannya dalam komunikasi harian terhadap generasi Alfa.

PENYATAAN MASALAH

Umum mengetahui bahawa pelbagai kajian telah dijalankan oleh sarjana bahasa bagi meneliti tahap penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar dan kanak-kanak. Kebanyakan kajian terdahulu memberikan tumpuan kepada aspek penulisan karangan, ejaan, imbuhan serta struktur

ayat dalam bahasa Melayu, namun perbincangan mengenai penggunaan kata nama am secara bercampur antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian masih kurang diberikan perhatian.

Dalam konteks semasa, penggunaan kata nama am bahasa Inggeris dalam pertuturan bahasa Melayu semakin ketara dalam kalangan generasi Alfa. Fenomena seperti “hari ini saya pergi *school*” dan “besarnya *elephant* itu” menunjukkan wujudnya percampuran kod yang berlaku secara spontan dalam komunikasi seharian. Situasi ini dipercayai berpunca daripada pemerolehan bahasa berasaskan peniruan media digital dan animasi tanpa pemahaman menyeluruh terhadap sistem dan struktur bahasa Melayu yang sebenar. Pendedahan berterusan kepada bahasa campuran menyebabkan kanak-kanak cenderung menggunakan kosa kata bahasa Inggeris walaupun padanan bahasa Melayu tersedia.

Hasil pemerhatian awal mendapati bahawa fenomena percampuran kata nama am bahasa Inggeris dalam pertuturan bahasa Melayu memberikan implikasi terhadap penguasaan bahasa dalam kalangan generasi Alfa. Penggunaan yang tidak konsisten menyebabkan mereka kurang menguasai padanan kata nama am bahasa Melayu dengan tepat. Keadaan ini seterusnya menjejaskan kejelasan komunikasi harian, khususnya dalam konteks pembelajaran formal. Walaupun percampuran bahasa sering dianggap normal dalam era globalisasi, kajian yang meneliti isu ini secara khusus masih terhad. Persepsi bahawa kanak-kanak akan menguasai bahasa secara semulajadi tanpa bimbingan yang sistematik turut menyumbang kepada masalah ini. Justeru, kajian ini penting bagi menilai tahap penggunaan kata nama am bahasa Inggeris serta implikasinya terhadap penguasaan bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang memfokuskan jenis kata dalam bahasa Melayu telah banyak dilakukan oleh pelbagai pihak. Walaupun begitu, tumpuan khusus terhadap pemerolehan kata nama am dalam kalangan generasi Alfa masih kurang dijalankan. Menurut Berg (seperti yang dipetik dalam Awang Idris, n.d.), sorotan kajian lepas merupakan penilaian secara terperinci terhadap bahan-bahan yang berkaitan dengan masalah kajian. Bahagian ini akan melengkapkan kekurangan tersebut melalui kajian semasa.

Objektif kajian terdahulu memberikan penekanan kepada bentuk, fonologi dan kosa kata. Zahra Rifasyah dan Mulyadi (2025) meneliti bentuk dan fungsi klausa relatif dalam dialog Melayu menerusi filem animasi Upin dan Ipin: Siamang Tunggal. Sintia Pratama et al., (2023) pula, meneliti aspek fonologi menggunakan siri animasi Upin dan Ipin. Selain itu, Muhammad Rafiek (2021) meneliti kosa kata bahasa Melayu dalam animasi Upin dan Ipin dengan kosa kata

Banjar. Kelompangan ini membuka ruang kepada kajian baharu untuk mengenal pasti jenis kata nama am yang digunakan dalam siri animasi Upin dan Ipin dalam kalangan generasi Alfa.

Bagi metodologi kajian, Muhammad Rafiek (2021) menggunakan teknik mendengar dan transkripsi secara serentak bagi tujuan merekod data kosa kata. Murtono Ngatman et al. (2021) pula menggunakan teknik pengumpulan data melalui temubual, pemerhatian, dan dokumentasi. Perbandingan ini menunjukkan bahawa meskipun majoriti kajian lepas cenderung menggunakan reka bentuk kualitatif, teknik pengumpulan data yang digunakan tetap berbeza mengikut objektif kajian. Berdasarkan perkembangan metodologi tersebut, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif dengan tumpuan kepada pemerhatian, temu bual separa berstruktur, dan analisis kandungan. Analisis dalam kajian ini menekankan transkripsi bukan deskriptif.

Dari sudut dapatan pula dapat disimpulkan bahawa kajian Zahra Rifasyah dan Mulyadi (2025) mendapati bahawa klausa relatif dalam animasi Upin dan Ipin: Siamang Tunggal menunjukkan pola struktur yang konsisten. Sementara itu, Sintia Pratama et al. (2023) pula mendapati wujudnya persamaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia dalam aspek tekanan, nada, intonasi dan tempoh atau durasi, serta perbezaan fonologi seperti dominasi bunyi sengau dan perubahan vokal dalam kosa kata bahasa Melayu. Secara ringkasnya, kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa animasi Upin dan Ipin mengandungi data yang sistematik dan sah untuk dianalisis dari pelbagai sudut. Hal ini berbeza dengan hasil dapatan kajian ini yang mana pengkaji memperoleh jenis kata nama am yang digunakan dalam animasi Upin dan Ipin episod “Wira Minyak Sawit” dan kesannya terhadap komunikasi generasi Alfa.

Kesimpulannya, kajian-kajian terdahulu tidak memberikan tumpuan khusus terhadap pemerolehan perkataan, khususnya kata nama am dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, kajian berkaitan dengan kata yang sedia ada juga tidak meneliti episod tertentu daripada musim terbaharu seperti episod “Wira Minyak Sawit” musim ke-19. Justeru, jurang ini menunjukkan keperluan untuk menjalankan kajian ini bagi menyumbang kepada pengetahuan sedia ada, khususnya dalam bidang pemerolehan kata nama am dalam kalangan generasi Alfa. Berdasarkan sorotan dan ulasan ini, jelas bahawa pemerolehan kata nama kalangan generasi Alfa merupakan aspek kritikal yang perlu diberikan perhatian. Penyelidikan yang menyasarkan generasi Alfa sangat penting bagi menilai sejauh manakah tahap penguasaan mereka dalam konteks bahasa Melayu, iaitu bahasa tanah air mereka sendiri.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk menganalisis pemerolehan kata nama am generasi Alfa dalam siri animasi Upin dan Ipin “Wira Minyak Sawit”. Seramai 10

orang responden terdiri daripada ibu bapa atau penjaga dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan yang mempunyai anak berumur antara 4 hingga 12 tahun yang tergolong dalam generasi Alfa, dan aktif menonton siri animasi berkenaan. Pemilihan ibu bapa atau penjaga dibuat kerana mereka lebih berupaya memberikan jawapan yang jelas dan jitu berbanding dengan kanak-kanak, sekali gus membantu penyelidik memahami kesan penggunaan kata nama am terhadap pemerolehan bahasa anak-anak. Persetujuan responden diperoleh terlebih dahulu bagi memastikan etika kajian dipatuhi.

Pengumpulan data dilakukan melalui dua fasa dan tiga kaedah utama iaitu pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan analisis kandungan. Fasa pertama melibatkan pemerhatian dan analisis kandungan terhadap siri animasi Upin dan Ipin “Wira Minyak Sawit”. Penyelidik menonton siri tersebut, memilih durasi 19 minit, dan menyediakan transkripsi dialog secara terperinci dengan memberikan tumpuan kepada kata nama am. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti jenis, kekerapan, serta fungsi kata nama am dalam menyampaikan mesej dan membentuk identiti watak. Fasa kedua pula melibatkan temu bual separa berstruktur bersama dengan ibu bapa atau penjaga generasi Alfa. Temu bual dijalankan secara dalam talian, dan jawapan responden ditranskrip untuk tujuan analisis. Pemerhatian terhadap sampel terdekat turut dilakukan sebagai sokongan dapatan. Data temu bual diproses dan dianalisis dengan merujuk kepada teori linguistik yang dipilih, sebelum hasil kajian ditulis dalam bentuk naratif. Gabungan kedua-dua fasa ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang menyeluruh dan kukuh bagi menjawab objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan dua objektif utama kajian, iaitu mengenal pasti jenis kata nama am yang digunakan dalam siri animasi Upin dan Ipin mahupun menganalisis kesan penggunaan kata nama am dalam komunikasi harian terhadap generasi Alfa daripada siri Upin dan Ipin.

Bagi objektif pertama iaitu jenis kata nama am yang terkandung dalam episod “Wira Minyak Sawit” berdasarkan durasi minit yang telah dinyatakan. Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua jenis kata nama am iaitu jenis hidup dan tak hidup digunakan dalam siri ini bagi menggambarkan interaksi sosial yang melibatkan kekeluargaan, pendidikan, dan pekerjaan. Perkataan bukan manusia seperti pokok atau gajah hadir bagi menggambarkan nama sesuatu benda hidup selain daripada manusia. Tambahan juga, perkataan kata nama am jenis tak hidup institusi menunjukkan keterangan konteks sesuatu tempat manakala bukan institusi pula digunakan bagi menunjukkan nama sesuatu benda yang dituturkan dalam perbualan.

Jadual 1
Jenis Kata Nama Am Hidup Yang Digunakan Dalam Siri Animasi Upin dan Ipin

Jenis Kata Nama Am Hidup	Perkataan	Penggunaan dalam Konteks
Manusia	Cikgu, murid, opah, pekebun	Interaksi sosial, pendidikan dan sektor pekerjaan
Bukan manusia	Ayam, pokok, gajah	Interaksi berkaitan haiwan dan tumbuhan

Jadual 2
Jenis Kata Nama Am Hidup Yang Digunakan Dalam Siri Animasi Upin dan Ipin

Jenis Kata Nama Am Tak Hidup	Perkataan	Penggunaan dalam Konteks
Institusi	Tadika, sekolah dan kilang	Institusi dalam sektor pendidikan dan perindustrian
Bukan institusi	Minyak, bola, buku, baucar dan medal	Benda yang menjadi topik perbualan harian.

Bagi objektif kajian yang kedua, dapatan kajian telah menganalisis kesan penggunaan kata nama am untuk generasi Alfa dalam episod “Wira Minyak Sawit” ini kepada tujuh informan yang berkenaan. Penyelidik telah mendapati tiga tema utama bagi kesan penggunaan kata nama am dalam episod ini terhadap komunikasi generasi Alfa.

Pertama, generasi Alfa telah menggunakan perkataan kata nama am dalam komunikasi harian mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan perkataan umum seperti tempat, nama atau benda yang disebut dalam episod ini sering digunakan dalam komunikasi harian generasi Alfa. Perkataan kata nama am yang digunakan dapat disesuaikan mengikut konteks komunikasi. Tambahan juga, generasi Alfa telah meniru gaya dan percakapan watak untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga mahupun rakan-rakan.

Jadual 3

Peningkatan Kosa Kata terhadap Kata Nama Am.

Informan	Keterangan
Informan kelima	Anak telah mula bersembang berkaitan dengan pekebun di ladang sawit. Selain itu, anak mula bertutur mengenai industri minyak sawit dalam kehidupan seharian untuk menambah ilmu pengetahuan.
Informan keenam	Anak berkomunikasi bersesuaian dengan konteks keadaan. Contohnya, sewaktu dalam perjalanan ke sekolah. Dia berkata “Mama, cuba kerja di kilang.”
Informan ketujuh	Penjaga berkata bahawa adik boleh berkomunikasi secara spontan dan jelas dengan menggunakan kata nama am. Contohnya, “Abang, adakah itu ladang kelapa sawit?”

Kedua, kesan penggunaan kata nama am dalam episod “Wira Minyak Sawit” untuk generasi Alfa ialah peningkatan kosa kata terhadap kata nama am. Dapatan kajian menunjukkan bahawa generasi Alfa menggunakan perbendaharaan perkataan baharu tanpa mengira jenis kata nama am tersebut. Perkataan perkataan ini merupakan perkataan yang diulang siar dalam siri animasi Upin dan Ipin walaupun berbeza konteks dan gaya penyampaian. Mereka akan mencari solusi untuk memahami perkataan tersebut dengan kerap bertanya maksud dan penggunaan sebenar perkataan kepada ahli keluarga.

Ketiga, kesan penggunaan kata nama am dalam episod “Wira Minyak Sawit” untuk generasi Alfa ialah generasi Alfa menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa utama pertuturan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Upin dan Ipin ini menggunakan bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda. Oleh hal demikian, generasi Alfa mudah untuk memahami kerana siri ini menggunakan dialog yang ringkas dan jelas. Tambahan pula, responden menyatakan anak atau jagaan mereka cenderung menggunakan bahasa melayu berbanding bahasa asing selepas menonton animasi Upin dan Ipin dalam episod “Wira Minyak Sawit” ini. Bahasa yang santai dan bersahaja mempunyai perkaitan dengan kehidupan mereka.

Jadual 4

Penggunaan Kata Nama Am dalam Komunikasi Harian Generasi Alfa

Informan	Keterangan
Informan pertama	“Anak mula bertanya berkenaan dengan maksud dan cara penggunaan perkataan <i>reruai</i> .”
Informan keempat	“Anak mula menggunakan perkataan baharu seperti <i>reruai</i> , <i>medal</i> dan <i>baucar</i> . Dahulu, <i>reruai</i> dikenali sebagai <i>gerai</i> , <i>medal</i> dikenali sebagai <i>pingat</i> sahaja manakala <i>baucar</i> dikenali sebagai <i>kertas</i> .”
Informan ketujuh	“Adik mula menggunakan perkataan baharu seperti <i>ladang</i> .”

Jadual 5

Menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama Generasi Alfa.

Informan	Keterangan
Informan kedua	“Anak sangat berminat untuk bercakap bahasa Melayu dan tiada percampuran kod dalam komunikasi harian. Anak juga mengulang menonton semula untuk mengingat perkataan lain.”
Informan ketiga	“Bahasa Melayu merupakan bahasa pertama pertuturan anak dalam tempoh tumbesarnya. Anak tidak menggunakan bahasa campur seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam ayat.”
Informan ketujuh	“Adik sering menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian di rumah mahupun di tempat lain seperti sekolah. Dia amat minat bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu sehingga kerap bertanya mengenai fungsi dan maksud perkataan tertentu.”

PERBINCANGAN

Kajian ini telah menggunakan Teori Sistemik Fungsional Linguistik yang diasaskan oleh Halliday (1978). Oleh hal yang demikian, teori ini telah menyokong hasil dapatan kajian apabila penggunaan bahasa dalam animasi Upin dan Ipin memberikan kesan terhadap komunikasi generasi Alfa seperti yang dinyatakan dalam jadual 6 di bawah:

Jadual 6

Kesan terhadap komunikasi generasi Alfa

Konsep	Fungsi	Kaitan Kajian
Ideasional	Bahasa sebagai alat pemikiran untuk menggambarkan dunia, idea dan pengalaman.	Penggunaan kata nama am seperti medal, pokok sawit dan ladang menggambarkan objek yang boleh dikaitkan dengan pengalaman sebenar, sekali gus membantu generasi Alfa memahami dunia sekeliling.
Interpersonal	Bahasa dalam membina hubungan sosial, menyatakan sikap, emosi dan peranan dalam interaksi.	Penggunaan kata nama am seperti cikgu, murid, kawan dan datuk menunjukkan hubungan sosial dan peranan watak, serta mendorong kanak-kanak meniru penggunaan perkataan dalam komunikasi harian.
Tekstual	Bahasa digunakan untuk menyusun mesej supaya koheren, mewujudkan kesinambungan dan sesuai dengan konteks komunikasi.	Penggunaan kata nama am dalam animasi membantu generasi Alfa membina ayat yang jelas dan sesuai dengan konteks komunikasi.

Dalam konteks kajian ini, fungsi ideasional dapat dilihat melalui penggunaan kata nama am yang menggambarkan objek, tempat dan pengalaman seharian dalam animasi Upin dan Ipin episod “Wira Minyak Sawit”. Penggunaan perkataan seperti pokok sawit dan ladang membantu kanak-kanak membina gambaran tentang bidang perindustrian untuk pendedahan awal sebagai penyumbang kepada perkembangan kognitif mereka. Tambahan pula, perkataan yang menunjukkan perkara konkrit ini lebih mudah difahami oleh generasi Alfa. Oleh itu, dapatan

kajian menunjukkan bahawa pendedahan ini menyokong proses pemerolehan kosa kata dan membantu generasi Alfa mengenal perkataan baharu secara lebih berkesan.

Selain itu, fungsi interpersonal pula terserlah melalui penggunaan kata nama am yang merujuk kepada peranan dan hubungan sosial seperti cikgu, murid, kawan dan datuk ini menggambarkan interaksi dihasilkan secara realistik. Menurut Halliday (1978), bahasa yang digunakan dalam dialog animasi bukan sahaja menyampaikan maklumat, malah membina hubungan antara watak serta mencerminkan nilai, sikap dan emosi. Perkara ini telah menyumbang kepada nilai kesantunan hubungan sosial yang dipaparkan untuk dijadikan ikutan generasi Alfa. Selaras dengan dapatan kajian, generasi Alfa menunjukkan kecenderungan untuk meniru perkataan yang digunakan oleh watak, sekali gus mengaplikasikan kata nama am dalam komunikasi sosial.

Dari sudut fungsi tekstual, penggunaan kata nama am secara konsisten dalam dialog menjadikan jalan cerita lebih koheren dan memudahkan kanak-kanak memahami situasi yang dipaparkan. Menurut Halliday (1978), bahasa yang digunakan bertujuan menyusun mesej dengan teratur dan menyesuaikan dengan konteks komunikasi. Seajar dengan dapatan kajian, pendedahan ini membantu generasi Alfa bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu serta bertutur dengan lebih terancang dan bermakna dalam komunikasi harian.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan kata nama am dalam siri animasi Upin dan Ipin episod “Wira Minyak Sawit” memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong perkembangan bahasa Melayu dalam kalangan generasi Alfa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata nama am yang dipaparkan merangkumi kategori hidup dan tidak hidup, manusia dan bukan manusia serta konkrit dan abstrak, sekali gus memperkayakan pendedahan kosa kata kanak-kanak secara kontekstual. Penyampaian melalui visual dan dialog yang berulang serta bersifat dekat dengan kehidupan seharian membantu generasi Alfa mengenal, memahami dan seterusnya mengaplikasikan perkataan tersebut dalam komunikasi harian.

Dalam konteks pendekatan pendidikan berteraskan tauhid, pembelajaran bahasa tidak seharusnya terbatas kepada penguasaan kosa kata semata-mata, sebaliknya perlu membentuk kesedaran bahawa bahasa merupakan amanah untuk menyampaikan ilmu, nilai dan kebenaran. Justeru, penggunaan bahasa yang baik dan tepat perlu dipupuk sejak awal sebagai sebahagian daripada pembinaan sahsiah dan adab. Implikasi kajian ini memberi panduan kepada pendidik dan ibu bapa untuk memanfaatkan animasi sebagai medium sokongan dalam pengajaran dan

pembelajaran bahasa Melayu. Aktiviti pengukuhan seperti bercerita semula, permainan bahasa, pembinaan ayat dan perbincangan makna perkataan boleh dilaksanakan bagi memperkukuh kefahaman kanak-kanak terhadap kata nama am, khususnya yang bersifat abstrak.

Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada pembangunan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif dan kontekstual, selari dengan perkembangan media digital masa kini. Bagi kajian lanjutan, penyelidikan dicadangkan untuk diperluaskan kepada aspek tatabahasa lain seperti kata kerja, kata adjektif serta struktur ayat bagi melihat kesan animasi terhadap penguasaan bahasa secara lebih menyeluruh. Kajian juga boleh melibatkan kelompok responden yang lebih pelbagai serta membuat perbandingan antara animasi tempatan dengan bahan pembelajaran lain bagi menilai keberkesanan medium yang berbeza.

Secara tuntasnya, kajian ini menegaskan bahawa animasi bukan sekadar medium hiburan, tetapi berpotensi menjadi wahana pendidikan bahasa yang berkesan sekiranya dimanfaatkan secara terancang dan berterusan. Gabungan antara pendedahan media dan pendekatan nilai berteraskan tauhid mampu melahirkan generasi Alfa yang bukan sahaja celik bahasa, malah berupaya menggunakan bahasa Melayu secara gramatis, bermakna dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

- Almurashi, W. A. (2016). An introduction to Halliday's Systemic Functional Linguistics. *Journal for the Study of English Linguistics*, 4(1), 70–80. <https://doi.org/10.5296/jsel.v4i1.9423>
- Awang, H., & Abdul Aziz, M. N. (2022). *Asas tatabahasa Bahasa Melayu*. Sri Saujana Marketing.
- Awang, I., & Abdul Rahim, R. A. (n.d.). *Sorotan kajian lepas: Teori dan amalan dalam penyelidikan Islam*. <https://fiqh.um.edu.my/index.php/fiqh/article/download/4110/1973/10125>
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H. H., & Mahmood, A. H. (1986). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ke-3). Global Smart Printings Sdn. Bhd.
- Mansor, M., & Ismail, N. H. (2025). Pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu berdasarkan role reversal imitation. *Journal of Human Development and Communication (JoHDeC)*, 6, 129–140. <https://ejournal.unimap.edu.my/index.php/johdec/article/view/1900>

- Pratama, S., Yanti, I., & Nurchotimah, E. S. (2023). Analisis perbandingan fonologi Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu dalam kartun Upin Ipin. *Fonologi: Jurnal Ilmuan Bahasa dan Sastra Inggris*, 1(4), 234–241. <https://doi.org/10.61132/fonologi.v1i4.224>
- Putri, N. L., & Suswandi, I. (2024). Pengaruh tontonan Upin & Ipin terhadap pemerolehan bahasa pada usia 8 tahun. *LINGUA: Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 21(2). <https://doi.org/10.30957/lingua.v21i2.961>
- Putri, R., Murtono, M., & Ulya, H. (2021). Nilai-nilai pendidikan karakter film animasi Upin dan Ipin. *Jurnal Educatio FKIP UNMA*, 7(3), 1253–1263. <https://doi.org/10.31949/educatio.v7i3.1401>
- Rafiek, M. (2021). Equation of Malay vocabulary in the animation film of Upin and Ipin with Banjarese vocabulary in South Kalimantan. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 17(1), 85–114. <https://doi.org/10.52462/jlls.6>
- Rifasyah, Z., & Mulyadi. (2025). Penggunaan klausa relatif dalam animasi Upin Ipin episode Siamang Tunggal: Kajian tipologi linguistik. *Sastra: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13(1). <https://e-journal.hamzanwadi.ac.id/index.php/sbs/article/view/30805/738>



KEFAHAMAN DIALEK NEGERI PERAK DALAM KALANGAN PELAJAR UIAM PAGOH

Muhammad Afif Onn@Nor Azhari ¹, Mohamad Suhaizi Suhaimi ^{1*}

¹Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*E-mail of Corresponding Author: msuhaizi@iium.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap kefahaman pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh terhadap dialek negeri Perak yang kaya dengan keunikan fonologi, leksikal dan sintaksis tersendiri. Dialek ini berpotensi menjadi cabaran komunikasi bagi mereka yang bukan penutur jati, terutamanya dalam konteks pendidikan tinggi yang bersifat pelbagai latar belakang geografi dan etnik. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap dialek Perak serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan kefahaman tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi dan melibatkan temu bual separa berstruktur ke atas 10 orang pelajar bukan berasal dari Perak yang pernah terdedah kepada dialek ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman terhadap dialek Perak dalam kalangan pelajar adalah terhad dan bersifat kontekstual, dengan hanya beberapa kosa kata popular yang difahami secara terasing. Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada penurunan kefahaman adalah dominasi penggunaan bahasa Melayu standard, ketiadaan pendedahan formal terhadap dialek, ciri linguistik yang mengelirukan serta pengaruh media dan teknologi. Kajian ini mencadangkan agar program pendedahan linguistik dan budaya diperluas, khususnya dalam sistem pendidikan, bagi memastikan kelestarian dialek tempatan seperti dialek Perak dalam kalangan generasi muda.

Kata kunci : *Dialek Perak, Kefahaman, Bahasa Melayu Standard, Linguistik*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya akan kepelbagaian budaya dan etnik. Melalui kepelbagaian tersebut, keragaman dalam aspek linguistik turut dilihat lebih-lebih lagi bagi setiap negeri yang mempunyai dialek masing-masing. Dialek-dialek ini mencerminkan sejarah, perbezaan geografi dan interaksi antara pelbagai kumpulan etnik yang menyumbang kepada identiti kebangsaan Malaysia. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2018), dialek boleh dianggap laksana sungai-sungai kecil yang mengalir ke sungai-sungai besar bagi menjadi input kepada bahasa standard.

Salah satu dialek yang mempunyai keunikan tersendiri ialah dialek negeri Perak yang memainkan peranan penting dalam menonjolkan kepelbagaian linguistik di Malaysia. Menurut kajian yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar (2008), dialek negeri Perak boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek berdasarkan daerah termasuk kawasan Hulu Perak, Kuala Kangsar, Hilir Perak dan Larut Matang. Subdialek Hulu Perak merangkumi daerah Gerik, Lenggong dan Pengkalan Hulu yang terletak di utara Perak dan terdapat pengaruh dialek Kedah dan Kelantan, terutamanya dalam intonasi dan pemendekan kata seperti “apa” menjadi “pa”. Menurut kajian oleh Shahidi et al. (2021), subdialek Kuala Kangsar pula merangkumi kawasan pekan Kuala Kangsar dan Sayong, serta dianggap sebagai bentuk dialek Perak yang paling konservatif. Penggunaan kata seperti “teme” (awak) dan “kome” (kamu semua), serta penukaran vokal hujung seperti “kita” menjadi “kite”.

Sementara itu, menurut kajian oleh Siti Noraini Hamzah et al. (2017), subdialek Hilir Perak meliputi daerah Teluk Intan dan Bagan Datuk dan memperlihatkan sedikit pengaruh Selangor. Dialek ini mengekalkan sebutan /r/ yang jelas dan menggunakan kosa kata unik seperti perkataan rupa disebut sebagai “ghope”. Menurut Noor Syamshida et al. (2020), bagi subdialek Larut Matang yang merangkumi kawasan Taiping, Matang dan Batu Kurau, pengaruh dialek utara dapat dilihat melalui penukaran bunyi vokal seperti “makan” “meke” dan intonasi yang lebih tinggi di akhir ayat. Warisan linguistik ini tidak hanya menjadi medium komunikasi, tetapi juga sebuah ciri identiti yang memperkaya kesejarahan dan budaya sesuatu negeri itu.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman dialek negeri Perak dalam kalangan pelajar UIAM kampus Pagoh dan menganalisis faktor yang menyumbang kepada penurunan tahap kefahaman dialek negeri Perak dalam kalangan pelajar UIAM kampus Pagoh. Kajian ini melibatkan pelajar di UIAM kampus Pagoh tanpa mengira umur, jantina dan program pengajian yang diambil oleh pelajar. Dialek negeri Perak ini mempunyai istilah-istilah yang tertentu dan hanya boleh difahami oleh penutur asal kawasan tersebut serta mempunyai cara sebutan dan intonasi yang tersendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Dialek Perak merupakan salah satu dialek Melayu yang terdapat di Malaysia yang kaya dengan keunikan kosa kata, sebutan dan struktur ayat yang membezakannya dengan bahasa Melayu standard (Nor Hashimah Jalaluddin, 2022). Dialek ini memainkan peranan penting dalam mencerminkan identiti dan budaya masyarakat setempat, terutamanya dalam kalangan masyarakat negeri Perak. Namun, terdapat penurunan tahap kefahaman dialek Perak dalam kalangan generasi muda yang berasal dari Perak disebabkan integrasi bahasa berlaku dengan bahasa Melayu standard. Hal ini turut disokong oleh Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek (2019), iaitu unsur bahasa sumber diserap ke dalam sistem bahasa penerima sehinggakan sifat kata bahasa sumber yang asli sukar untuk dikesan. Jika isu ini tidak diatasi, dialek Perak berpotensi untuk mengalami kepupusan dalam jangka masa panjang serta menghakis identiti budaya masyarakat negeri Perak, terutamanya generasi muda.

Selain itu, negeri Perak juga mempunyai kepelbagaian dialek yang unik disebabkan faktor geografi dan sejarahnya yang kaya dengan pengaruh etnik dan komuniti. Walau bagaimanapun, tahap kefahaman terhadap dialek ini dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi ini dilihat semakin menurun. Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan tahap kefahaman ini ialah kekurangan pengetahuan dan pendedahan langsung terhadap kepelbagaian dialek Perak dalam sistem pendidikan, serta dominasi penggunaan bahasa Melayu standard dalam persekitaran tempatan. Generasi muda yang kurang terdedah kepada dialek tempatan cenderung untuk mengutamakan penggunaan bahasa standard dalam komunikasi harian. Kesan daripada fenomena ini menyebabkan generasi muda gagal menghargai kepelbagaian bahasa dan identiti sesuatu komuniti. Hal ini disokong melalui pernyataan oleh Noor Aina dan Syeril Patrisia (2016), iaitu kedudukan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama semakin goyah dan merubah peranan bahasa ibunda sebagai bahasa komunikasi seharian pada suatu masa dahulu, di samping menghakis status bahasa ibunda sebagai bahasa pertama.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini membincangkan pelbagai kajian lepas yang meneliti kefahaman dan pengaruh dialek dalam konteks sosial, pendidikan dan komunikasi masyarakat. Kajian oleh Dayang Nazirah Awang et al. (2024) mendapati bahawa tahap kefahaman terhadap Dialek Melayu Tradisional Sarawak dalam kalangan remaja universiti masih rendah akibat kurang pendedahan dan dominasi penggunaan bahasa Melayu standard. Selari dengan dapatan tersebut, Rosliah Kiting dan Shira Janedeh (2023) menunjukkan bahawa penggunaan dialek yang dominan dalam komunikasi harian pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak memberi kesan terhadap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Melayu standard, khususnya dari aspek lisan. Kajian

Suhaila Ismail dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2017) pula mendapati bahawa walaupun responden mempunyai kesedaran terhadap perbezaan dialek Kedah dan bahasa Melayu rasmi, kefahaman terhadap dialek tersebut masih terhad dan dipengaruhi oleh latar belakang penutur serta persekitaran kerja.

Selain itu, beberapa kajian menumpukan kepada peranan dialek dalam meningkatkan kefahaman dan keberkesanan komunikasi dalam konteks tertentu. Kajian oleh Nuradlin Syafini Nawi dan Zaleha Embong (2021) mendapati penggunaan dialek Kelantan dalam pengajaran dan pembelajaran membantu melancarkan komunikasi serta meningkatkan kefahaman pelajar, di samping mengekalkan identiti budaya tempatan. Dalam konteks dakwah pula, Junaidi Kasdan dan Fahmi Abu Hassan (2018) mendapati bahawa penggunaan dialek yang bersifat umum lebih mudah difahami oleh khalayak berbanding dialek yang khusus, dan tahap kefahaman pendengar turut dipengaruhi oleh faktor sosial dan pengalaman bahasa.

Kajian-kajian lain turut meneliti pengaruh dialek terhadap sikap bahasa dan pola penggunaan bahasa. Dayang Theria Atienza Awang Mazlan dan Rosnah Mustafa (2024) menunjukkan bahawa dialek digunakan secara dominan dalam domain tidak formal dan berfungsi sebagai lambang identiti, manakala bahasa Melayu standard lebih cenderung digunakan dalam konteks formal. Kajian Khairulhusna Mokhtar dan Sharifudin Yusop (2024) pula mendapati bahawa dialek Melayu Patani masih lestari hasil sokongan persekitaran keluarga dan sikap positif masyarakat. Seterusnya, Eliana Muhamad dan Farahkhanna Rusli (2023) serta Noridayu dan Hazlina (2022) mendapati bahawa penggunaan dialek mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu baku, terutamanya dalam konteks pendidikan. Secara keseluruhannya, sorotan ini menunjukkan bahawa kefahaman dan pengaruh dialek sangat bergantung kepada faktor pendedahan, konteks penggunaan, sikap penutur dan persekitaran sosial, sekali gus mengukuhkan keperluan kajian lanjut berkaitan dialek dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

METODOLOGI

Bab metodologi kajian ini menghuraikan secara menyeluruh pendekatan penyelidikan yang digunakan untuk meneliti tahap kefahaman terhadap dialek negeri Perak dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh. Kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi dalam kerangka penyelidikan kualitatif yang menekankan pemahaman mendalam terhadap pengalaman, persepsi dan tafsiran pelajar berkaitan penggunaan serta kefahaman dialek Perak dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini dipilih kerana membolehkan pengkaji menyelami pengalaman linguistik responden secara holistik, bukan sekadar menilai tahap kefahaman secara luaran tetapi turut meneliti makna yang terbentuk melalui interaksi

sosial, latar budaya dan persekitaran bahasa responden.

Data kajian dikumpulkan melalui kaedah temu bual separa berstruktur terhadap sepuluh orang pelajar UIAM Kampus Pagoh yang dipilih secara persampelan bertujuan. Responden terdiri daripada pelajar yang bukan berasal dari negeri Perak tetapi mempunyai pendedahan terhadap dialek tersebut melalui interaksi dengan rakan, persekitaran tempat tinggal atau penggunaan media. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan kerana ia memberi keseimbangan antara keseragaman soalan dan fleksibiliti penerokaan pengalaman responden, sekali gus membolehkan pengkaji memperoleh data yang kaya, autentik dan kontekstual. Sepanjang sesi temu bual, responden berkongsi pengalaman mendengar, mentafsir dan memahami dialek Perak, termasuk cabaran linguistik yang dihadapi serta strategi yang digunakan untuk memahami maksud pertuturan dialek tersebut.

Data temu bual dirakam, ditranskripsikan sepenuhnya dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti pola, kategori dan tema-tema utama yang berkaitan dengan tahap kefahaman dialek Perak serta faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan kefahaman tersebut. Proses analisis dilakukan secara induktif dengan meneliti data secara berulang dan sistematik bagi memastikan tafsiran dibuat berdasarkan naratif sebenar responden. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti hubungan antara pengalaman linguistik, latar sosiolinguistik dan sikap responden terhadap dialek tempatan. Secara keseluruhan, gabungan pendekatan fenomenologi, temu bual separa berstruktur dan analisis tematik membolehkan kajian ini menghasilkan dapatan yang sahih, mendalam dan bermakna berkaitan kefahaman dialek negeri Perak dalam kalangan pelajar universiti.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis data berkenaan tahap kefahaman dialek negeri Perak dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kerangka fenomenologi untuk mengkaji pengalaman dan persepsi pelajar terhadap dialek Perak. Melalui temu bual separa berstruktur, data telah dikumpulkan daripada sepuluh pelajar yang bukan berasal dari negeri Perak tetapi mempunyai pengalaman berinteraksi dengan penutur dialek Perak, baik secara langsung atau tidak langsung. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang merangkumi proses mengenal pasti kod, mengelompokkan kategori dan membentuk tema-tema utama. Dapatan kajian ini turut mempertimbangkan aspek sosial, budaya dan latar belakang individu yang mempengaruhi cara responden memahami dan mentafsirkan dialek tersebut. Kajian ini juga menekankan peranan bahasa Melayu standard dan pengaruh media dalam membentuk kefahaman terhadap dialek

tempatan.

1. Tahap Kefahaman Pelajar

Terdapat tiga tahap yang dikenal pasti, iaitu kefahaman terhad, penguasaan terasing dan kefahaman berdasarkan nada dan gaya pertuturan.

a) Kefahaman Terhad dan Bersifat Kontekstual

Majoriti responden menyatakan bahawa hanya sebahagian kecil perkataan atau ayat pendek dalam dialek Perak dapat difahami, terutama jika ayat tersebut digunakan dalam konteks yang jelas. Ini menunjukkan kefahaman bersifat kontekstual, bukannya literal. Menurut Suhaila Ismail dan Muhammad Saiful Haq Hussin (2017), dalam komunikasi antara dialek, makna sering ditafsir melalui intonasi, ekspresi wajah dan situasi komunikasi, bukan semata-mata pada struktur bahasa.

Menurut Responden 3, *“Kadang-kadang saya boleh agak maksud dia bila tengok muka dan cara bercakap. Tapi kalau ayat panjang-panjang, memang tak dapat tangkap langsung.”* Petikan ini mencerminkan betapa responden bergantung kepada unsur bukan lisan seperti mimik muka dan gaya pertuturan untuk memahami makna sesuatu ujaran. Ini menunjukkan bahawa tanpa petunjuk kontekstual, responden berhadapan kesukaran untuk memahami dialek Perak secara menyeluruh. Kebergantungan terhadap petunjuk bukan lisan ini menunjukkan tahap kefahaman masih rendah, walaupun terdapat sedikit pendedahan tidak formal. Hal ini juga menggambarkan betapa pentingnya konteks dalam komunikasi lintas dialek. Seperti yang dijelaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2018), pemahaman dialek tempatan dalam kalangan penutur luar dialek memerlukan integrasi antara unsur linguistik dan paralinguistik. Ini bermaksud bahawa kefahaman terhadap sesuatu dialek tidak hanya bergantung pada pengetahuan tentang kosa kata dan tatabahasa tetapi juga kepada kebolehan mentafsir isyarat-isyarat sosial dan emosi yang disampaikan melalui gerak tubuh dan nada suara.

Dalam hal ini, pendedahan secara pasif seperti menonton video, mendengar perbualan harian atau berinteraksi secara tidak langsung dengan penutur dialek Perak memainkan peranan dalam membantu responden membuat andaian terhadap makna. Namun, proses ini tidak mencukupi untuk menghasilkan kefahaman yang mendalam atau kefasihan. Hal menunjukkan bahawa responden lebih bergantung pada strategi inferens kontekstual dan bukan kepada pengetahuan linguistik yang mendalam terhadap dialek tersebut. Tambahan pula, kajian oleh Asmah Haji Omar (2015) turut menyatakan bahawa dalam situasi komunikasi antara penutur dari latar belakang dialek yang berbeza, aspek bukan lisan menjadi sangat penting bagi memastikan

mesej dapat difahami dengan lebih baik. Walaupun responden tidak memahami sepenuhnya struktur bahasa dialek Perak, namun makna umum sesuatu ucapan masih dapat ditangkap melalui persekitaran dan gaya penyampaian penutur.

b) Penguasaan Terasing terhadap Kosa Kata Popular

Penemuan ini jelas menunjukkan bahawa meskipun semua responden mengenal beberapa perkataan dalam dialek Perak seperti “lekaih”, “mike”, “kome”, “tokei” dan “labun”, penguasaan responden tidak menyeluruh. Sebaliknya, pemahaman responden lebih bersifat pasif, iaitu hanya mampu mengenal bunyi makna asas perkataan tertentu tanpa benar-benar memahami makna perkataan tersebut berfungsi dalam ayat penuh atau konteks pragmatik yang lebih luas. Contohnya, Responden 7 menyatakan “*Saya sangka 'labun' tu makanan, sebab bunyi dia macam nama lauk... rupa-rupanya maksud dia sembang kosong.*”

Kenyataan oleh Responden 7 ini menggambarkan kekeliruan semantik yang berlaku akibat pemerolehan kosa kata secara terputus-putus (*fragmented lexical acquisition*). Responden mentafsirkan perkataan “labun” secara literal berdasarkan bunyi atau persepsi peribadi, bukan melalui pemahaman konteks. Ini mengukuhkan dapatan kajian Dayang Nazirah Awang et al. (2024) yang menyatakan bahawa dalam kalangan bukan penutur jati, penguasaan kosa kata dialek tidak disertai dengan pemahaman morfologi atau sintaksis, justeru menyebabkan salah faham terhadap maksud sebenar sesuatu perkataan.

Lebih jauh lagi, situasi ini menunjukkan bahawa pendedahan pelajar terhadap dialek Perak banyak bergantung kepada media sosial dan platform digital seperti TikTok, Instagram dan YouTube yang cenderung memaparkan penggunaan perkataan dialek secara terasing dalam bentuk humor atau parodi. Ini mewujudkan satu bentuk pemerolehan yang bersifat selektif pelajar hanya menangkap perkataan yang menarik perhatian atau sering diulang dalam konten hiburan, tanpa memahami struktur linguistik atau maksud mendalam perkataan tersebut dalam ayat.

Hal ini selaras dengan pandangan Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017) bahawa penguasaan dialek, sama seperti pemerolehan bahasa kedua, memerlukan interaksi berterusan dalam situasi komunikasi sebenar. Tanpa pendedahan kepada struktur ayat lengkap dalam konteks harian atau perbualan semula jadi, pelajar hanya menghafal makna permukaan sesuatu perkataan. Oleh itu, walaupun responden mengenali perkataan seperti “labun” atau “lekaih”, responden tidak dapat mentafsirkan keseluruhan makna atau fungsi sosial perkataan itu dalam pertuturan dialek sebenar.

Selain itu, kekeliruan dalam interpretasi perkataan seperti yang dialami Responden 7

turut memperlihatkan ketiadaan rujukan formal atau pengalaman langsung berinteraksi dengan penutur jati. Ini sekali gus menunjukkan bahawa strategi pembelajaran dialek yang bersandarkan media sosial sahaja tidak cukup untuk membentuk kefahaman mendalam terhadap penggunaan sebenar dialek dalam komunikasi harian.

Jadual 1

Kosa Kata Dialek Perak

Kosa Kata	Tafsiran Responden	Responden
Dialek Perak		
Lekaih	Cepat	R1, R2, R3, R4, R5, R6, R9, R10
Mike	Awak	Semua responden
Kome	Kamu/Korang	Semua responden
Tokei	Bos/Ketua	Semua responden
Labun	Sembang kosong/cakap berlebih-lebihan	R1, R2, R4, R7, R9

c) Kefahaman Berdasarkan Nada dan Gaya Pertuturan

Penemuan daripada kenyataan Responden 6 memberi gambaran yang jelas tentang tahap kefahaman literal yang masih rendah dalam kalangan pelajar terhadap dialek Perak. Responden 6 menyatakan “*Saya agak dia tengah marah sebab nada dia tinggi. Tapi perkataan tu sendiri saya tak tahu apa makna sebenar dia.*”

Pernyataan ini menunjukkan bahawa pemahaman responden tidak bergantung kepada makna linguistik sebenar sesuatu perkataan, tetapi kepada elemen bukan verbal seperti nada suara. Responden hanya dapat meneka maksud secara umum berdasarkan intonasi tinggi, yang dikaitkan dengan emosi seperti kemarahan. Ini mengesahkan dapatan kajian bahawa pelajar bukan penutur jati bergantung kepada isyarat bukan linguistik untuk menafsir maksud ujaran dialek yang tidak difahami secara literal.

Menurut Nuradlin Nawi dan Zaleha Embong (2020), dalam konteks bilik darjah, penggunaan dialek boleh memperkukuh hubungan emosi dan meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar. Namun, manfaat ini lebih berkesan jika pelajar sudah mempunyai asas kefahaman terhadap dialek tersebut. Sebaliknya, bagi pelajar luar yang tidak menguasai dialek, pelajar lebih

cenderung untuk bergantung kepada elemen bukan linguistik seperti ekspresi wajah, gerak tubuh, dan suasana perbualan bagi mentafsir mesej yang disampaikan.

Ini menjelaskan bahawa meskipun hubungan emosi dapat dibina melalui dialek, ketiadaan pemahaman literal terhadap struktur bahasa boleh menjadi penghalang kepada komunikasi yang efektif. Pelajar seperti Responden 6 tidak dapat menangkap makna sebenar perkataan, walaupun responden dapat meneka emosi penutur. Akibatnya, komunikasi responden kekal di tahap permukaan dan tidak mencapai kefahaman sebenar yang menyeluruh.

2. Faktor Penurunan Kefahaman Dialek Perak

Terdapat empat faktor penurunan kefahaman dialek Perak bagi pelajar UIAM Pagoh iaitu pengaruh dominan bahasa Melayu standard, ketiadaan pendedahan formal terhadap dialek tempatan, sebutan, intonasi dan struktur ayat yang mengelirukan serta pengaruh media, teknologi dan sosial.

a) Pengaruh Dominan Bahasa Melayu Standard

Penggunaan bahasa Melayu standard sejak kecil telah membentuk cara pelajar bertutur dan memahami bahasa. Kebergantungan kepada bahasa standard menyebabkan pelajar kurang peka terhadap variasi dialek. Menurut Noor Aina Dani dan Syeril Patrisia Kining (2016), fenomena ini dikenali sebagai *language shift*, iaitu bahasa atau dialek tradisional beransur-ansur digantikan oleh bahasa dominan. Contohnya, Responden 2 menyatakan bahawa, “*Memang dari tadika sampai universiti guna BM baku. Jadi loghat negeri lain macam tak biasa langsung nak dengar.*”

Petikan ini menggambarkan bagaimana latar belakang pendidikan yang menekankan penggunaan bahasa Melayu baku sejak prasekolah hingga ke peringkat universiti telah membentuk norma linguistik dalam kalangan pelajar. Pelajar cenderung menganggap bahasa baku sebagai bentuk komunikasi utama dan sah, manakala dialek negeri pula dianggap sebagai sesuatu yang asing, tidak penting, atau tidak relevan dalam interaksi harian pelajar. Ini menunjukkan bahawa dominasi bahasa Melayu standard bukan sahaja mempengaruhi kebiasaan bertutur, tetapi turut membentuk tanggapan pelajar terhadap nilai dan kepentingan dialek.

Dominasi bahasa Melayu standard dalam sistem pendidikan turut menyebabkan generasi muda menganggap dialek sebagai ‘tidak formal’ dan ‘kurang relevan’. Hal ini berlaku disebabkan oleh pendedahan yang berterusan terhadap bahasa Melayu standard dalam konteks rasmi seperti bilik darjah, buku teks, peperiksaan dan komunikasi akademik menyebabkan penggunaan dialek terpinggir dalam ruang pendidikan. Tambahan pula, penekanan terhadap

penggunaan bahasa baku dalam ujian dan penilaian menjadikan remaja lebih selesa dengan bentuk bahasa yang telah diinstitusikan.

Akibatnya, golongan ini bukan sahaja kurang menggunakan dialek dalam kehidupan seharian, malah tidak mampu mengenal pasti maksud sesetengah istilah dialek apabila dituturkan oleh penutur asal.

Kesannya, peranan dialek sebagai lambang jati diri dan warisan budaya tempatan semakin terhakis dalam kalangan generasi muda. Menurut Asmah Haji Omar (2015), bahasa Melayu standard yang diasimilasikan dalam sistem pendidikan kebangsaan memainkan peranan penting dalam pembentukan kesatuan bahasa, namun secara tidak langsung boleh menghakis keunikan dialek tempatan. Hal ini juga selari dengan pandangan Fishman (1991) yang menegaskan bahawa bahasa dominan dalam sistem rasmi cenderung untuk menggantikan bahasa warisan sekiranya tidak disokong melalui dasar dan amalan masyarakat.

b) Ketiadaan Pendedahan Formal terhadap Dialek Tempatan

Kesemua responden tidak pernah menerima pendedahan secara formal terhadap dialek Perak, sama ada melalui kurikulum, subjek elektif mahupun program kokurikulum. Menurut Noor Azina Ismail (2021), ketiadaan pengajaran dialek tempatan dalam sistem pendidikan menjadi antara punca utama hilangnya kesinambungan antara generasi dalam aspek bahasa ibunda. Contohnya, Responden 10 menyatakan “*Saya rasa kalau ada program macam bengkel loghat negeri-negeri, mesti best. Tapi selama ni memang tak pernah belajar pasal benda ni.*”

Kenyataan ini mencerminkan kerinduan dan keterbukaan responden terhadap peluang mempelajari dialek melalui pendekatan yang menyeronokkan dan bersifat inklusif. Ini juga menunjukkan bahawa ketiadaan pendedahan formal bukan berpunca daripada sikap acuh tak acuh pelajar, tetapi lebih kepada kekosongan dalam sistem pendidikan itu sendiri yang tidak memberi ruang kepada pembelajaran bahasa warisan secara sistematik. Responden jelas menyatakan potensi dan minat yang boleh digerakkan sekiranya wujud inisiatif seperti bengkel atau aktiviti berasaskan dialek, namun peluang tersebut langsung tidak ditawarkan sepanjang proses pendidikan formal responden. Hal ini membuktikan bahawa institusi pendidikan masih belum melihat pengajaran dialek sebagai suatu elemen penting dalam membina identiti linguistik dan budaya pelajar.

Pendedahan yang responden peroleh hanyalah secara tidak formal melalui interaksi sosial atau tontonan media sosial. Situasi ini menunjukkan bahawa peranan sekolah dan institusi pendidikan tinggi dalam memartabatkan dialek tempatan masih belum diterokai secara serius.

Kajian oleh Mohd Adnan Latif dan Nurul Aisyah Ahmad (2023) mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran yang berpaksikan bahasa standard sepenuhnya menyebabkan pelajar kurang minat dan pengetahuan terhadap keunikan variasi linguistik dalam kalangan masyarakat. Persepsi bahawa dialek merupakan bentuk bahasa yang “tidak akademik” atau “kurang sesuai” dalam wacana rasmi turut menghalang usaha memperkenalkannya dalam konteks pembelajaran formal.

Tambahan pula, ketiadaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dan kurangnya guru yang mahir dalam dialek setempat turut menyukarkan usaha mendekatkan pelajar dengan dialek ibunda. Walaupun media sosial telah menjadi salah satu platform alternatif yang menyumbang kepada pendedahan tidak langsung, penggunaannya lebih menjurus kepada hiburan dan bukan pembelajaran sistematik. Justeru, jika tidak disusuli dengan usaha institusional yang bersifat formal dan berstruktur, kefahaman serta penghargaan terhadap dialek akan terus merosot dalam kalangan generasi muda.

c) Sebutan, Intonasi dan Struktur Ayat yang Mengelirukan

Sebutan dan intonasi dalam dialek Perak dilihat sebagai cabaran utama oleh sebahagian besar responden. Dialek ini disifatkan sebagai ‘lembut tetapi pelik’ atau ‘berbeza sangat dengan sebutan bahasa Melayu biasa’. Dialek Perak dilihat mempunyai variasi fonologi yang membingungkan. Responden menyatakan bahawa perubahan bunyi vokal dan sebutan dalam ayat menyebabkan kesukaran dalam mengenal pasti maksud sebenar ayat yang digunakan. Kajian oleh Rosliah Kiting dan Shira Janedeh (2023) menunjukkan bahawa perubahan sebutan dialek boleh mengganggu kefahaman penutur luar, terutamanya apabila dialek tersebut tidak mempunyai kesamaan fonologi dengan bahasa Melayu standard. Contohnya, kenyataan yang diberikan Responden 8 bahawa “*Saya dengar orang Perak sebut 'kite' untuk 'kita' dan 'meke' untuk 'makan'. Memang lain sangat bunyi dia. Saya jadi tak pasti itu bahasa apa.*”

Kenyataan ini memperlihatkan reaksi spontan pelajar yang keliru dan bahkan terputus hubungannya dengan makna apabila berdepan dengan unsur fonologi yang tidak dikenali. Kekeliruan terhadap bunyi seperti "kite" dan "meke" walaupun perkataannya berasal daripada bahasa Melayu menunjukkan bahawa bentuk fonologi yang tidak sejajar dengan yang telah dibiasakan melalui pendidikan formal boleh menyebabkan maksud ujaran gagal ditangkap. Reaksi "tak pasti itu bahasa apa" mencerminkan satu bentuk kejutan linguistik yang mendorong kepada distancing effect, iaitu pendengar mengambil sikap menjauhkan diri daripada dialek yang dirasakan terlalu asing.

Hal ini menimbulkan jurang linguistik yang menyebabkan responden enggan meneroka

lebih jauh terhadap dialek tersebut. Hal ini menimbulkan jarak linguistik yang menyebabkan responden enggan meneroka lebih jauh terhadap dialek tersebut. Variasi dalam aspek prosodi seperti tekanan, intonasi dan tempo pertuturan menjadikan dialek Perak tampak asing bagi individu yang dibesarkan dalam persekitaran bahasa Melayu standard. Menurut Azirah Hashim dan Faridah Mohd Sani (2022), intonasi yang tidak sejajar dengan struktur ayat standard boleh menyebabkan makna disalahtafsirkan, apatah lagi jika dituturkan dalam konteks sosial yang tidak dikenali. Hal ini diperkuatkan oleh dapatan terbaru daripada Jalilah Hassan dan Siti Farhana Zamri (2024) yang menunjukkan bahawa kekaburan sebutan dan struktur ayat dalam dialek tempatan menjadi salah satu faktor utama remaja Malaysia kurang berminat untuk mempelajarinya kerana golongan ini berasa tidak yakin untuk memahami atau menggunakannya secara tepat.

Selain itu, kekurangan bahan pendedahan fonologi dialek dalam bentuk audio atau visual yang berkualiti turut menyumbang kepada salah faham dalam kalangan penutur luar. Media sosial sering menampilkan dialek secara bersahaja tanpa penjelasan linguistik, menjadikan dialek lebih sukar difahami oleh individu yang tidak pernah berinteraksi dengan penutur asli secara langsung. Akibatnya, dialek Perak dianggap sebagai satu bentuk pertuturan yang eksklusif dan sukar didekati, walaupun dialek ini merupakan sebahagian daripada kepelbagaian budaya bahasa Melayu.

d) Pengaruh Media, Teknologi dan Sosial

Sebahagian besar responden menyatakan bahawa kosa kata dalam dialek Perak dapat dipelajari secara tidak langsung melalui media sosial seperti TikTok, Instagram dan YouTube. Responden berpendapat bahawa media digital mampu menjadi medium pembelajaran tidak formal yang lebih dekat dengan minat dan budaya generasi muda.

Responden 1 menyatakan “*Saya banyak dengar orang Perak cakap masa tengok video TikTok. Kadang-kadang dari situ lah saya boleh faham sikit-sikit walaupun tak semua.*” Kenyataan ini menunjukkan bahawa pendedahan kepada dialek melalui kandungan santai dan berbentuk hiburan memberikan ruang untuk pelajar mengakses bentuk bahasa yang sebelum ini asing bagi responden. Walaupun tahap kefahaman masih bersifat asas dan terhad, pengalaman seperti ini tetap membuka peluang kepada responden untuk mengenali struktur dan kosa kata dialek secara beransur-ansur. Unsur seperti penggunaan berulang, konteks visual dan gaya penyampaian yang ringan menjadikan dialek lebih mudah didekati, walaupun tiada pengajaran langsung atau sistematik. Hal ini membuktikan bahawa pendekatan informal yang berteraskan

media sosial boleh menjadi pintu masuk kepada pemahaman linguistik yang lebih luas.

Kajian oleh Mohd Shahril Osman et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan media sosial telah mengubah cara generasi muda berinteraksi dengan bahasa dan dialek. Golongan belia lebih terdorong untuk memahami sesuatu bahasa jika dipersembahkan dalam bentuk yang menarik, santai dan bersifat hiburan. Tambahan pula, menurut Khairulhusna Mokhtar dan Sharifudin Yusop (2024), media sosial memainkan peranan penting dalam memperkukuh sikap positif terhadap bahasa ibunda kerana penggunaannya berlaku secara sukarela dalam ruang sosial digital. Justeru, platform digital bukan sahaja boleh menjadi ruang pemuliharaan bahasa, tetapi juga mampu mengubah persepsi terhadap dialek yang sebelum ini dianggap kolot atau tidak relevan.

Kenyataan Responden 9 “*Kalau ada channel YouTube khas loghat negeri-negeri, atau siri kartun guna loghat Perak, mesti ramai yang minat nak tengok dan secara tak langsung belajar*” menggambarkan idea proaktif daripada responden yang melihat potensi media digital bukan sekadar sebagai ruang hiburan, tetapi juga sebagai alat pembelajaran alternatif yang menyeronokkan. Ini juga mencerminkan keinginan untuk melihat bahasa warisan diangkat dalam bentuk yang relevan dengan budaya semasa. Penekanan kepada bentuk kandungan seperti kartun dan saluran YouTube menunjukkan bahawa medium visual yang bersifat naratif lebih berkesan untuk menarik perhatian generasi muda yang cenderung kepada pembelajaran secara tidak langsung.

Dapatan ini menunjukkan bahawa generasi muda lebih cenderung untuk menerima dan memahami dialek melalui media tidak formal, dan dengan pendekatan visual, interaktif serta mesra generasi digital. Hal ini turut sejajar dengan konsep “digital ethnolinguistics” yang menekankan penggunaan teknologi digital untuk menghidupkan semula warisan bahasa melalui naratif visual dan audio. Menurut Noraini Ismail dan Hafizul Ramli (2023), pendekatan kreatif seperti kandungan parodi, penceritaan budaya setempat atau video reaksi dalam dialek dapat memperluas pengetahuan pengguna terhadap variasi bahasa dalam bentuk yang menyeronokkan dan mudah dicerna.

Di samping itu, interaktiviti yang ditawarkan oleh media sosial memberi peluang kepada pengguna untuk memberi maklum balas secara langsung, meniru gaya pertuturan atau mencuba sendiri menggunakan kosa kata dialek dalam ruangan komen atau kandungan yang dihasilkan. Ini menjadikan proses pembelajaran bahasa tidak lagi pasif, malah lebih bersifat dialogik dan kontekstual. Maka, usaha untuk memperkasakan dialek melalui platform digital perlu diberi perhatian oleh pihak berkepentingan, terutamanya dalam merangka strategi pemuliharaan bahasa tempatan yang lebih inklusif.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dalam mengenal pasti tahap kefahaman pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh terhadap dialek negeri Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar berada pada aras rendah dan bersifat kontekstual, dengan penguasaan yang terhad kepada beberapa kosa kata popular serta pentafsiran makna yang banyak bergantung pada nada dan gaya pertuturan. Dari sudut Epistemologi Tauhidik, fenomena ini memperlihatkan pemisahan antara ilmu bahasa sebagai amanah Ilahi dengan amalan penggunaannya dalam kehidupan seharian, yang seharusnya berfungsi sebagai wahana pemeliharaan identiti, budaya dan nilai kemanusiaan.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti empat faktor utama yang menyumbang kepada penurunan tahap kefahaman terhadap dialek Perak, iaitu dominasi penggunaan bahasa Melayu standard, ketiadaan pendedahan formal terhadap dialek tempatan, ciri linguistik dialek yang bersifat kompleks dan mengelirukan, serta pengaruh media dan teknologi moden. Dalam kerangka Epistemologi Tauhidik, faktor-faktor ini menuntut pendekatan pendidikan bahasa yang holistik dan bersepadu, yang bukan sahaja menekankan aspek linguistik, malah mengiktiraf dialek sebagai sebahagian daripada khazanah ilmu, budaya dan ciptaan Allah SWT yang wajar dipelihara. Justeru, usaha pendedahan, penghayatan dan pemeraksanaan dialek tempatan perlu diperkukuh secara sistematik agar kelestarian dialek Perak dapat diteruskan dalam kalangan generasi muda selaras dengan matlamat pendidikan berteraskan tauhid.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–91.
- Dayang Nazirah Awang, Nabilah Bolhassan & Nadira Abd Rahman. (2024). Tahap penguasaan kosa kata dialek Melayu Tradisional Sarawak dalam kalangan remaja Melayu di Universiti Teknologi Sarawak. *Al-Azkiyaa – International Journal of Language and Education*, 3(1), 98-107.
- Dayang Theria Atienza Awang Mazlan & Rosnah Mustafa. (2024). Penggunaan dan sikap terhadap bahasa ibunda: satu penelitian terhadap Dialek Melayu Sarawak. *Trends in Undergraduate Research*, 7(2), 1-11.
- Eliana Muhamad, & Farahkhanna Rusli. (2023). Pengaruh Dialek Kelantan dalam Pembelajaran

- Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 183–198.
- Junaidi Kasdan & Fahmi Abu Hassan. (2018). Dialek Terengganu dalam penyampaian dakwah: Analisis Sosiokognitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 6(3), 29-41.
- Khairulhusna Mokhtar & Sharifudin Yusop. (2024). Media sosial dan pemeraksanaan bahasa ibunda: Satu tinjauan sosiolinguistik digital. *Jurnal Komunikasi dan Bahasa*, 12(1), 55–68.
- Mohd Shahril Osman, Nor Azlina Ahmad, & Roslinda Abdul Rahman. (2020). Dialek dan media sosial: Analisis penggunaan bahasa dalam kalangan remaja Malaysia. *Jurnal Bahasa dan Komunikasi*, 8(2), 101–115.
- Noor Syamshida Masa, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Nur Faaizah Md Adam, (2020). Perubahan vokal tinggi dalam dialek Taiping: Satu kajian fonologi. *Issues in Language Studies*, 9(2), 55–66.
- Nor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. (2016). Impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 45–55.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zainuddin Mahamod & Fauzi Ismail. (2017). Pemerolehan bahasa kedua dan kepentingan interaksi dalam pembelajaran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 23–35.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 69–82.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Dialek Melayu di Perak: Analisis geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 6(1), 73–90.
- Noraini Ismail, & Hafizul Ramli. (2023). Media sosial dan revitalisasi bahasa minoriti: Satu pendekatan etnolinguistik digital. *Jurnal Komunikasi*, 39(2), 102–118.
- Noridayu Abdul Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2022). Pengaruh dialek dalam pemerolehan Bahasa Melayu Baku remaja berkeperluan khas. *Jurnal Melayu*, 173–175.
- Nuradlin Syafini Nawi & Zaleha Embong. (2021). Peranan dialek dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah. *International Journal of Social Policy and Society*, 17(1), 76-86.
- Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek. (2019). Unsur serapan kata Bahasa Melayu Standard

dalam bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 166–178.

Rosliah Kiting & Shira Janedah. (2023). Pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi Bahasa Melayu standard pelajar bumiputera di UPSI. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(2), 75–87.

Shahidi A. H., Nurul Huda Ariffin & Rahim Aman. (2021). Dialek Perak varian Kuala Kangsar: Satu pemerian fonetik akustik. *Jurnal Melayu*, 22, 602–626.

Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2017). Migrasi masyarakat luar dan pengaruh dialek di Perak: Analisis geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 83–106.

Suhaila Ismail & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2017). Sociolinguistik terhadap pemahaman dialek Kedah dalam kalangan pekerja Unit Rangka Jabatan Perangkaan Negeri Selangor. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 5(1), 144-159.



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

ANALISIS KESALAHAN KATA HUBUNG OLEH PENGGIAT *YOUTUBE* PENUTUR BUKAN NATIF

Nik Ahmad Daniel Farhan Ahmad Fuad¹, Nor E'zzati Mohd Yaakub², Nora'azian Nahar^{1*}

¹ *Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Johor, Malaysia.*

² *Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya*

**E-mail of Corresponding Author: noraazian@iium.edu.my*

ABSTRAK

Penutur bukan natif bahasa kedua cenderung untuk melakukan kesilapan dalam pertuturan mereka dalam bahasa tersebut. Kajian ini mengenal pasti penggunaan kata hubung dalam kandungan video yang dihasilkan oleh penggiat *Youtube* yang bukan penutur asli bahasa sasaran. Fokus utama adalah menganalisis bagaimana penutur ini menggunakan kata hubung untuk menyampaikan idea secara tersusun dan lancar dalam bahasa kedua. Pengkaji memperoleh data daripada video dipilih berdasarkan variasi latar belakang penutur, termasuk bahasa ibunda dan tahap penguasaan bahasa. Analisis melibatkan kaedah kualitatif menggunakan pendekatan pemerhatian langsung, transkripsi dan kaedah kepustakaan untuk mengenal pasti jenis kata hubung yang sering digunakan, kesalahan berulang, serta pengaruh faktor seperti bahasa ibunda dan strategi komunikasi. Hasil kajian mendapati kekerapan tertinggi kesalahan kata hubung yang dilakukan adalah jenis kata hubung pancangan keterangan dengan 18 kesalahan, diikuti kata hubung gabungan dengan dua kesalahan dan kata hubung relatif dengan satu kesalahan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penutur bukan natif cenderung melakukan kesilapan (*Error*) dan kekeliruan (*mistakes*) dalam bahasa kedua berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981). Kajian lanjutan perlu dilakukan lagi bagi memberikan kesedaran akan kepentingan penggunaan bahasa Melayu yang betul di media sosial seperti Youtube.

Kata kunci: *bahasa kedua, kata hubung, komunikasi digital, penutur bukan natif, Youtube*

PENGENALAN

Kata hubung seperti *bahawa*, *jika*, dan *agar* memainkan peranan penting dalam pembentukan ayat kompleks bahasa Melayu khususnya dalam komunikasi bertulis dan lisan. Bagi penggiat Youtube bukan penutur natif bahasa Melayu, penggunaan kata hubung ini mencabar kerana memerlukan kefahaman yang mendalam tentang struktur tatabahasa atau konteks wacana. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata hubung seperti ini tidak hanya mempermudah penyusunan idea dalam wacana formal, tetapi juga memberikan struktur yang lebih jelas kepada kandungan. Bagi bukan penutur natif, menguasai penggunaan kata hubung ini memerlukan latihan dan pemahaman tentang perbezaan antara klausa utama dan klausa subordinat. Sering kali, mereka menghadapi cabaran dalam membezakan penggunaan kata hubung ini, khususnya dalam konteks yang memerlukan penjelasan lanjut atau pembentukan ayat kompleks untuk menyampaikan idea dengan lebih terperinci.

Dalam konteks YouTube, para pencipta kandungan sering menggunakan bahasa lisan dengan spontan dan tidak terancang. Abdullah Hassan (2006) menyatakan bahawa bahasa lisan mencerminkan kebolehan linguistik yang sebenar, termasuk variasi dan 1 kesilapan yang mungkin berlaku akibat pengaruh bahasa pertama. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan natif mungkin akan menggunakan kata hubung pancangan secara tidak tepat kerana mereka terpengaruh dengan struktur bahasa pertama mereka yang berbeza dengan tatabahasa bahasa Melayu. Contohnya, penggunaan *jika* untuk tujuan yang berbeza seperti dalam bahasa pertuturan harian, di mana klausa tambahan tidak dikehendaki atau tidak memerlukan pengenalan kata hubung pancangan yang jelas. Aspek penting lain ialah bagaimana Penggiat Youtube bukan penutur natif memanfaatkan kata hubung pancangan untuk menyampaikan mesej yang lebih terperinci kepada audiens. Asmah Haji Omar (1986) menyebut bahawa bahasa lisan sering mencerminkan realiti penggunaan bahasa sebenar, yang mungkin penuh dengan penyesuaian dan kesalahan yang tidak dapat dielakkan. Hal ini benar-benar menunjukkan bahawa dalam komunikasi video, kata hubung seperti '*bahawa*' sering digunakan dengan cara yang tidak konsisten atau tidak tepat, yang mungkin disebabkan oleh tekanan untuk bercakap spontan dan terus terang.

PENYATAAN MASALAH

Terdapat pemerhatian awal yang menunjukkan bahawa pencipta kandungan bukan penutur natif, khususnya di platform seperti YouTube, sering kali melakukan kesalahan dalam penggunaan

penyambung ayat. Kesalahan tersebut mungkin melibatkan pemilihan kata hubung yang salah, penggunaan yang tidak mengikut konteks, atau struktur ayat yang tidak betul. Pengaruh bahasa pertama mereka sering menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan ini. Abdullah Hassan (2006) menyatakan bahawa perbezaan antara sistem tatabahasa bahasa pertama dan bahasa sasaran sering menyebabkan kesilapan dalam penggunaan kata hubung ini. Selain itu, sifat komunikasi di YouTube yang cenderung untuk menyampaikan maklumat secara spontan dan tidak formal. Seperti yang dijelaskan oleh Asmah Haji Omar (1986), bahasa lisan seringkali dipenuhi dengan penyesuaian dan variasi, yang mencerminkan realiti penggunaan bahasa dalam situasi santai. Akibatnya, kesalahan dalam penggunaan kata hubung ini bukan sahaja mencerminkan tahap penguasaan bahasa oleh penutur bukan asli, tetapi juga boleh menjejaskan kejelasan kredibiliti kandungan yang ingin disampaikan. Tambahan pula, penggunaan kata hubung yang tidak sesuai berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan audiens, terutama bagi mereka yang tidak biasa dengan keunikan struktur bahasa Melayu. Hal ini bertepatan dengan pandangan Nik Safiah Karim (2015), yang menyatakan bahawa penggunaan kata hubung pancangan yang tidak tepat bukan sahaja menjejaskan kefahaman, tetapi juga kredibiliti mesej yang ingin disampaikan. Dalam era digital yang semakin berkembang, isu ini menjadi lebih signifikan kerana platform seperti YouTube kini memainkan peranan penting dalam memperkenalkan dan menyebarkan bahasa Melayu kepada audiens global.

TINJAUAN LITERATUR

Masyarakat pada masa ini, terutamanya golongan muda sering menggunakan istilah atau perkataan yang dicipta sendiri atau dikenali sebagai bahasa slanga, iaitu istilah tersebut tidak mempunyai maksud di dalam kamus atau bercanggah dengan maksud perkataan asal (Shafiee et al., 2019). Dalam hal ini, bahasa slanga digunakan dengan ketara oleh golongan remaja kerana mereka mudah dipengaruhi dengan sesuatu perkara (Ringit & Abdul Wahab, 2020). Hal ini disokong oleh pernyataan Noor Husna dan Hasnah Mohamad (2016) dalam penulisan Noor Fazerra et al., (2022) yang menyimpulkan bahawa generasi moden mudah terpengaruh dengan penciptaan dan perkembangan perkataan baharu, terutama perkataan yang menarik atau menyimpang daripada maksud asal perkataan tersebut. Sebagai contoh, generasi kini sering menggunakan perkataan “mantul”, iaitu istilah tersebut merupakan gabungan daripada perkataan mantap dan betul. Zuraidah (2016) dalam penulisan Norfarahdila Jamali dan Sa’adiah Ma’alip (2018) pula menyimpulkan bahawa walaupun slanga bersifat gejala bahasa dan dianggap sebagai trend berbahasa yang unik, namun penggunaannya adalah terbatas. Bahasa slanga juga digunakan sebagai satu jenis hiburan yang cuba mewujudkan perbualan yang lebih mesra dan meringkaskan

sesuatu frasa tanpa menjejaskan maksud asal perkataan tersebut supaya komunikasi lebih difahami. Bahasa slanga juga mengukuhkan ikatan sosial dan berfungsi sebagai kod tersembunyi dalam sesebuah kumpulan (Munirah Zulkifli & Ira Meilita, 2023).

Berikutan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan penggunaan media sosial, bahasa slanga telah menjadi fenomena yang meluas dalam kalangan masyarakat, khususnya dalam kalangan remaja (Noor Fazerra et al., 2022). Kesan-kesan yang timbul daripada penggunaan bahasa slanga ini bukan sahaja mempengaruhi cara interaksi sosial, tetapi juga membentuk identiti budaya dan pemikiran generasi muda. Menurut Nur Azlina dan Nurhasyinda (2022), modenisasi bahasa yang tidak terkawal boleh menimbulkan kekeliruan bagi generasi akan datang yang mungkin menggunakan ungkapan generasi terdahulu tanpa memahami kesannya. Dalam hal ini, bahasa ibunda akan terus berubah tanpa batas yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam sebutan, intonasi dan prinsip bahasa asal. Menurut mereka lagi, kedua-dua bentuk lisan dan tulisan bah mengikuti budaya terkini. Bahasa moden ini akan menjadi kebiasaan kepada pengguna dan mereka mungkin akan menggunakan bahasa slanga dalam situasi rasmi, seperti ketika menulis jawapan peperiksaan, menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah serta semasa berkomunikasi dalam majlis formal. Data ini juga disokong oleh Abd Aziz (2024) yang menyatakan bahawa manipulasi perkataan atau leksikal bahasa Melayu memberikan impak yang kuat terhadap bahasa Melayu dan pengguna bahasa yang membawa kepada penghasilan perkataan, konsep dan makna baharu.


Berdasarkan kajian lepas, para pengkaji mencadangkan agar kajian mengenai bahasa slanga ini diteruskan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengkaji secara khusus bagaimana bahasa slanga digunakan dalam komunikasi jual beli dan kesannya terhadap kepercayaan serta pemahaman antara penjual dan pembeli. Kajian ini juga akan memfokuskan kedua-dua kesan positif dan negatif penggunaan bahasa slanga dalam transaksi jual beli dalam talian.

METODOLOGI

Pendekatan pertama, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah pemerhatian langsung dalam video Youtube. Pengkaji akan membuat pemerhatian terhadap video video daripada penggiat Youtube terpilih. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana kesesuaiannya dalam mengukur pemboleh ubah yang ditetapkan oleh pengkaji, di samping dapat diperhatikan oleh pengkaji secara berulang kali. Ciri-ciri yang diperhatikan juga sangat halus dan memerlukan pengamatan terperinci. Pendekatan kedua yang digunakan oleh pengkaji adalah transkripsi. Rakaman ujaran yang diperoleh akan ditranskripsikan ke dalam bentuk teks sebelum dianalisis. Pengkaji mendengar rakaman secara berulang kali bagi mendapatkan data transkripsi yang tepat.

Rajah 1

Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1981)



Usai semua data yang telah ditranskripsikan, data akan dianalisis ke dalam aspek morfologi yang akan dikaji iaitu kesilapan dalam penggunaan kata hubung pancangan. Pendekatan ketiga pula, pendekatan kepustakaan digunakan untuk membuat rujukan terhadap definisi serta penggolongan kata hubung yang tepat. Kajian-kajian lepas dan jurnal-jurnal juga telah dirujuk bagi mendapatkan rujukan mengenai Teori Analisis Corder.

Teori Analisis Kesalahan yang dikemukakan oleh Corder menegaskan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa kedua adalah petunjuk penting dalam

proses penguasaan bahasa. Corder membahagikan kesalahan kepada tiga kategori utama iaitu lupa sementara, yang berlaku akibat faktor seperti kecuai atau keletihan, kesilapan, di mana pelajar mengaplikasikan peraturan bahasa yang tidak betul; dan kesalahan kekeliruan, yang berlaku apabila peraturan bahasa pertama digunakan dalam bahasa kedua. Corder berpendapat bahawa kesalahan bukanlah sesuatu yang negatif, tetapi memberi gambaran tentang tahap kefahaman pelajar dan perkembangan bahasa mereka. Kesalahan ini boleh dianalisis dengan cara deskriptif untuk mengenal pasti jenis kesalahan atau secara diagnostik untuk mencari puncanya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada bab ini, pengkaji akan melakukan penganalisan semua dapatan kajian yang disusun berdasarkan dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti kesalahan kata hubung penggiat Youtube oleh penutur bukan natif dan menganalisis kesalahan kata hubung oleh penggiat Youtube penutur bukan natif berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Pendekatan kaedah kualitatif analisis data telah dijalankan menggunakan pemerhatian langsung, transkripsi dan kepustakaan daripada kesilapan ujaran kata hubung yang telah dikenal pasti. Bab ini juga akan memaparkan hasil analisis data kajian meliputi profil responden serta dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian.

Jadual 1

Jenis Kesilapan Kata hubung yang dikenal pasti

Penggiat Youtube	Jenis Kata Hubung	Transkripsi dialog Kesilapan Ujaran kata Hubung
BelacandanPaku	Kata hubung Pancangan Keterangan	“Tidak apa, <i>sebab</i> kita orang Malaysia” (0.24) “Dia ada datang rumah saya <i>sebab</i> its Deepavali”. (0.34) “ <i>Walaupun</i> di Amerika, masih boleh Celebrate” (1.09)
Matthew Sessions	Kata Hubung Pancangan Keterangan Kata Hubung Gabungan	“Nanti kalau saya balik Malaysia, kita akan buat satu contest, siapa makan paling banyak durian, saya akan menang, <i>sebab</i> saya paling suka makan durian” (3.20) “Selepas saya belajar <i>untuk</i> enam bulan” (4.22) “ <i>Tapi</i> last year memang sedih, sangat sedih”

Kata Hubung Keterangan	“Saya rasa tak sempat balik kampung <i>sebab</i> krismas” (0.31)
Kata Hubung Pancangan Keterangan	“Memang saya nak balik Malaysia secepat mungkin, <i>supaya</i> saya boleh buat video dekat sana, <i>supaya</i> saya boleh jumpa semua kawan saya dekat sana” (8.22)

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN BERDASARKAN OBJEKTIF 1

Dapatan video pertama oleh BelacandanPaku, didapati bahawa wujud tiga kesalahan kata hubung yang telah dikenal pasti dalam video mereka yang berdurasi tiga minit 51 saat tersebut. Pengkaji juga telah mengklasifikasikan kesilapan kata hubung tersebut sebagai jenis kata hubung pancangan keterangan. Oleh yang demikian, ketiga-tiga kesilapan ujaran mereka berlaku dalam ujaran “Tidak apa, sebab kita orang Malaysia” pada saat ke-24, “Dia ada datang rumah saya sebab *it's Deepavali*” pada saat ke-0.34, dan “Walaupun di America, masih boleh *celebrate*” pada minit ke-1.09. Pengkaji telah mendapati kata hubung pancangan keterangan seperti ‘sebab’ dan ‘walaupun’ digunakan oleh Belacandanpaku secara tidak tepat.

Dapatan video kedua pula iaitu oleh Matthew Sessions, didapati bahawa jenis kesilapan ujaran yang dilakukan adalah pada kata hubung pancangan keterangan diikuti kata hubung gabungan. Kesilapan kata hubung pancangan keterangan yang dilakukan oleh Matthew Sessions adalah sebanyak 4 kesalahan iaitu dalam ujaran-ujaran “Nanti kalau saya balik Malaysia, kita akan buat satu *contest*, siapa makan paling banyak durian, saya akan menang, sebab saya paling suka makan durian” pada minit ke 3.20, “Selepas saya belajar untuk enam bulan” pada minit ke 4.22, “Saya rasa tak sempat balik kampung sebab krismas” pada saat ke 0.31, “Memang saya nak balik Malaysia secepat mungkin, supaya saya boleh buat video dekat sana, supaya saya boleh jumpa semua kawan saya dekat sana” pada minit ke 8.22 manakala kata hubung gabungan hanya satu kesalahan sahaja yang dikenal pasti iaitu dalam ujaran “Tapi *last year* memang sedih, sangat sedih”. Kesilapan kata hubung pancangan keterangan oleh Matthew Sessions adalah pada penggunaan kata hubung ‘sebab’, ‘untuk’, dan ‘supaya’. Kata hubung gabungan pula pada penggunaan ‘tapi di awal ayat ujaran beliau.

Seterusnya, dalam dapatan kajian video ketiga oleh Korea LangOppa, didapati bahawa kesilapan kata hubung yang diujarkan ialah kata hubung pancangan keterangan sahaja. Dalam video Korea LangOppa beliau telah mengujarkan “Tiap-tiap kali bila aku ada jam *free*” pada minit ke 1.18, “Bila aku berkomunikasi dengan sesiapa pun” pada minit ke 4.45, “Bila aku mencari spesifik tempat” pada minit ke 4.50, “Bila aku membeli di kedai” pada minit ke 4.51,

“Bila makan di mamak” pada minit ke 4.53, dan “Walaupun bertemu orang-orang pada kali pertama, Orang-orang Malaysia selalu *smile* dan selalu menolong saya” pada minit ke 4.55. Kesilapan kata hubung pancangan keterangan yang diujarkan adalah seperti ‘Bila’, dan ‘walaupun’.

Di samping itu, pada video keempat, iaitu oleh Wasabi Studio, kesilapan kata hubung yang dilakukan adalah dalam kategori jenis kata hubung pancangan keterangan dan kata hubung gabungan. Kesilapan kata hubung pancangan keterangan telah diujarkan dalam “Datang ke Masjid dengan selipar Jepun, sebab sangat mudah” pada minit ke 1.56, “Ia bukan sebab ini” pada minit ke 2.01, “Terima kasih untuk terima budaya kami” pada minit ke 4.09, “Tapi kami dapat pengetahuan Zori bila tengok filem zaman dulu.” pada minit ke 4.19, “Jadi kami tak berjumpa selipar Jepun pada waktu musim sejuk, sebab musim sejuk sangat sejuk” pada minit ke 5.12, dan “Dalam rumah juga menjadi sangat sejuk, lantai juga menjadi sejuk, bila kita berpijak di lantai” pada minit ke 5.43. Pada kesilapan kata hubung gabungan pula telah diujarkan dalam “pergi muzium sejarah Jepun ataupun pergi ke Kyoto” pada minit ke 4.25. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati bahawa kata hubung pancangan keterangan ‘sebab’, ‘untuk’, dan ‘bila’ kerap berlaku kesilapan dalam pengujarannya manakala kata hubung gabungan ‘ataupun’ didapati digunakan secara tidak gramatis.

Dalam dapatan terakhir oleh penggiat Youtube Husna Liang, Terdapat tiga jenis kesilapan kata hubung yang telah dikenal pasti iaitu kata hubung pancangan relatif, kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan keterangan. Kesilapan kata hubung pancangan relatif telah dikenal pasti dalam ujaran "Dalam tempoh beberapa hari yang lalu, saya pernah meraikan pesta perahu naga, yang juga dikenali sebagai Hari Ketupat, dalam suasana paling meriah, yang pernah saya alami" pada saat ke-0.21. Kata hubung gabungan pula dalam ujaran “suasana tempatan hari ini memang sangat meriah dan di samping itu suhu udara hari ini juga sangat tinggi, sangat panas.” pada minit ke 2.06 dan kata Hubung pancangan keterangan dalam ujaran “Sebab saya suka angka ini” pada minit ke 2.30, dan “Tak boleh memasuki konsert sebab takde tiket” pada minit ke 5.36.

Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati kesilapan kata hubung diujarkan yang mempunyai kekerapan tertinggi adalah kata hubung pancangan keterangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Nik Safiah Karim (2008) dalam Tatabahasa Dewan, kebanyakan penutur natif cenderung menggunakan struktur tatabahasa bahasa ibunda mereka yang mungkin tidak bergantung kepada klausa pancangan seperti bahasa Melayu. Corder (1971) turut menyatakan perkara yang sama iaitu pemindahan negatif berlaku apabila penutur cuba mengaplikasikan struktur bahasa ibunda kepada bahasa kedua seperti bahasa Melayu. Nik Safiah Karim juga berpendapat bahawa penutur bukan natif menghadapi masalah serta kekeliruan

dengan sinonim kata hubung seperti ‘sebab’ dan ‘kerana’ yang memiliki sifat yang halus dalam fungsinya. Hal ini seterusnya membawa kepada kesalahan dalam pembinaan ayat.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN BERDASARKAN OBJEKTIF 2

Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1981), kesalahan bahasa dibahagikan mengikut tiga jenis unsur kesalahan iaitu lupaian sementara (*Lapses*), kesilapan (*Error*), keliru (*Mistakes*). Unsur-unsur ini meliputi faktor seperti peralihan topik perbualan, pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran tatabahasa bahasa kedua serta kekeliruan dalam pemilihan kata yang tepat iaitu penggunaan kata yang tepat mengikut konteks tertentu. Pada bahagian ini, dapatan kajian akan dibincangkan serta dianalisis mengikut Teori Analisis Kesalahan Corder (1981).

Pertama, kesilapan ujaran kata hubung dilakukan oleh BelacandanPaku adalah pada kata hubung pancangan keterangan ‘sebab’, dan ‘walaupun’. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Corder, kesilapan ujaran kata hubung ini berlaku atas faktor kesilapan iaitu *Error*. BelacandanPaku merupakan penggiat Youtube yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda. Bahasa Inggeris memiliki beberapa hukum tatabahasa kata hubung yang harus dituruti berbeza dengan bahasa Melayu yang lebih dinamik tetapi perlu disesuaikan mengikut idea yang disampaikan. Oleh yang demikian, mereka cenderung melakukan kesilapan dalam kata hubung melibatkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa induk. Misalnya, “Tidak apa, sebab kita orang Malaysia” (0.24), “Dia ada datang rumah saya sebab *its* Deepavali”. (0.34), “Walaupun di America, masih boleh *Celebrate*”. Kesilapan ini mengikut Corder adalah kerana pengaplikasian hukum tatabahasa pertama kepada bahasa kedua. Kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’ lebih sesuai digunakan berbanding ‘sebab’ kerana ‘sebab’ merupakan kata nama dan ‘kerana’ merupakan kata hubung yang menghubungkan klausa utama dengan klausa kedua yang menyatakan sebab atau alasan. Oleh itu cadangan pembetulan bagi kesilapan kata hubung ‘sebab’ misalnya “Tidak apa, kerana kita orang Malaysia” dan “Dia ada datang rumah saya kerana Deepavali.” Bagi kata hubung pancangan keterangan ‘Walaupun’ pula, ujaran ini tidak lengkap kerana klausa kedua ‘walaupun’ memerlukan klausa utama untuk melengkapkan maksudnya. Dalam erti kata lain, kesalahan ini tergolong bawah kesilapan (*Error*) iaitu pemindahan negatif daripada bahasa pertama dan kurang pengetahuan dalam penguasaan bahasa Melayu. Bagi cadangan pembetulan yang boleh dilakukan “Walaupun masih berada di Amerika, kami masih boleh meraikan Deepavali.” Dalam ayat pembetulan itu, penggunaan kata hubung tersebut kini disusun bersama klausa kedua disertai klausa induk.

Kedua, Kesilapan ujaran kata hubung dilakukan oleh Matthew Sessions adalah pada kata

hubung pancangan keterangan, ‘sebab’, ‘untuk’, ‘tapi’, dan ‘supaya’. Menurut Corder, kesilapan ini dikategorikan dalam jenis kesilapan (*Error*) iaitu pemindahan negatif dari bahasa pertama kepada bahasa kedua. Hal ini berlaku apabila struktur tatabahasa pertama tidak selari dengan struktur tatabahasa bahasa Melayu. Misalnya kata hubung ‘sebab’, ‘supaya’, dan ‘tapi’ jika diterjemahkan dalam bahasa Inggeris adalah ‘*because*’, ‘*so that*’.

Namun dalam hukum tatabahasa bahasa Melayu, perkara ini sepatutnya dielakkan kerana setiap kata hubung mempunyai fungsinya yang tersendiri. Dalam ujaran oleh Matthew Sessions iaitu “Nanti kalau saya balik Malaysia, kita akan buat satu contest, siapa makan paling banyak durian, saya akan menang, sebab saya paling suka makan durian”, “Selepas saya belajar untuk enam bulan” , “Tapi *last year* memang sedih, sangat sedih”, “Saya rasa tak sempat balik kampung sebab *krismas*” dan “Memang saya nak balik Malaysia secepat mungkin, supaya saya boleh buat video dekat sana, supaya saya boleh jumpa semua kawan saya dekat sana”. Dapat diperhatikan bagaimana Matthew Sessions menggunakan peralihan negatif daripada bahasa pertamanya iaitu bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Penggunaan ‘sebab’ sebagai kata hubung adalah tidak sesuai kerana ia merupakan kata nama dan lebih sesuai digunakan kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’ bagi menghubungkan klausa sebab dan klausa akibat daripada ujarannya itu. Pengkaji mencadangkan pembetulan “Nanti, jika saya balik ke Malaysia, kita akan adakan satu pertandingan, siapa makan durian paling banyak. Saya yakin akan menang kerana saya paling suka makan durian.” Selain itu, dalam ujaran kedua, “Selepas saya belajar untuk enam bulan.”, kata hubung untuk digunakan secara tidak tepat iaitu kesilapan (*Error*) peralihan negatif dari bahasa Inggeris ‘*for*’ kepada bahasa Melayu ‘untuk’. Kata hubung pancangan keterangan ‘untuk’ tidak sesuai digunakan kerana digunakan untuk menunjukkan tempoh masa. Dicapangkan supaya digunakan kata sendi ‘selama’ kerana ia lebih sesuai digunakan sebagai keterangan waktu. Oleh yang demikian, cadangan pembetulan yang boleh dilakukan ialah “Selepas saya belajar selama enam bulan.” Di samping itu, ujaran “tapi *last year* memang sedih, sangat sedih.” kesilapan (*Error*) turut terjadi iaitu peralihan negatif. Kata Hubung ‘tapi’ digunakan di awal ujaran dan tidak sesuai digunakan kerana fungsinya sebagai kata hubung pertentangan. Ia boleh digantikan dengan ‘namun’ atau ‘akan tetapi’. Pengkaji mencadangkan cadangan pembetulan bagi ujaran tersebut “Namun, tahun lepas memang sangat menyedihkan. Penggunaan kata hubung ‘tapi’ telah digantikan dengan namun menjadikan ujaran tersebut betul hukum tatabahasanya. Seterusnya, ujaran keempat “Saya rasa tak sempat balik kampung sebab *Krismas*.” Kesilapan (*Error*) adalah pada kata nama ‘sebab’.

Penggunaannya tidak betul dan boleh digantikan dengan kata hubung pancangan Keterangan ‘kerana’ yang berfungsi sebagai kata hubung yang lebih sesuai. Cadangan

pembetulan yang dibuat pengkaji adalah “Saya rasa tidak sempat balik kampung kerana *Krismas*. Pada ujaran terakhir iaitu “Memang saya nak balik Malaysia secepat mungkin, supaya saya boleh buat video dekat sana, supaya saya boleh jumpa semua kawan saya dekat sana.” Dalam ujaran tersebut pengulangan kata hubung ‘supaya’ dalam ayat yang sama akan menjadikan ujaran atau ayat tersebut tidak kemas serta gramatis. Penggunaan kata hubung ‘supaya’ boleh digantikan dengan ‘dan’ bagi mengelakkan kelewahan pengulangan kata hubung. Pengkaji mencadangkan pembetulan dalam ujaran tersebut “Saya memang ingin balik ke Malaysia secepat mungkin supaya saya boleh membuat video di sana dan bertemu semua kawan saya.” Ayat pembetulan tersebut menggunakan kata hubung gabungan ‘dan’ bagi menggantikan kata hubung ‘supaya’ seterusnya mengelakkan daripada berlaku pengulangan dan kelewahan dalam ujaran yang diujarkan. Kata hubung pancangan keterangan seperti ‘kerana’, ‘supaya’, dan ‘apabila’ perlu digunakan dengan teliti dan bersesuaian dengan klausa induk serta klausa pancangan. Hal ini amat penting bagi tujuan menghasilkan ayat gramatis dan jelas terutama dalam video yang ditonton oleh ramai orang dari segenap lapisan latar belakang masyarakat.

Ketiga, Kesilapan kata Hubung yang dilakukan oleh Korea LangOppa adalah pada Kata hubung pancangan keterangan ‘bila’, dan ‘walaupun’. Kesilapan tersebut berlaku apabila kesalahan-kesalahan ini disebabkan oleh kesilapan (*Error*) iaitu pengaruh campur tangan bahasa pertama dari segi struktur serta kosa kata ke atas bahasa Melayu. Dalam ujarannya juga terdapat percampuran kod iaitu menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu bersama-sama dalam satu ayat walaupun Korea LangOppa merupakan seorang dari penutur jati bahasa Korea. Dalam ujaran-ujaran seperti “Tiap-tiap kali bila aku ada jam *free*” “Bila aku berkomunikasi dengan sesiapa pun”, “Bila aku mencari spesifik tempat”, “Bila aku membeli di kedai”, dan “Bila makan di mamak” , penggunaan perkataan ‘bila’ sebagai kata hubung adalah tidak sesuai digunakan kerana fungsinya yang berbeza. Pada ujaran pertama, “Tiap-tiap kali bila aku ada jam *free*”, Penggunaan ‘bila’ tidak sesuai digunakan dalam konteks ujaran tersebut. Mengikut Teori Analisis Kesalahan Corder, kesilapan ujaran ini adalah berpunca daripada campur tangan bahasa pertama iaitu mencampuradukkan bahasa pertama dengan bahasa Melayu. Pengkaji mencadangkan ujaran dibetulkan dengan kata hubung pancangan keterangan “apabila” kerana fungsinya yang menghubungkan klausa kedua kepada klausa induk. “Setiap kali apabila aku ada masa lapang.” Ujaran tersebut menggunakan kata hubung pancangan keterangan ‘apabila’ untuk menghubungkan klausa ‘setiap kali’ dan klausa keduanya “aku ada masa lapang”. Dalam ujaran kedua, “Bila aku berkomunikasi dengan sesiapa pun” kesilapan (*Error*) sekali lagi berlaku. Pengaruh bahasa perbualan seharian penutur natif mempengaruhi penutur bukan natif serta mereka terikut-terikut untuk meniru sedangkan perkara tersebut merupakan satu kesilapan.

Pengkaji mencadangkan pembetulan ujaran “Apabila aku berkomunikasi dengan sesiapa pun”. Dalam ujaran ketiga, “Bila aku mencari spesifik tempat”. Mengikut Teori Analisis Corder, kesilapan ujaran ini berlaku kerana wujudnya percampuran kod serta kesilapan (*Error*) iaitu hukum ‘*when*’ itu boleh digunakan mengikut prinsip tatabahasa dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Pengkaji mencadangkan ujaran dibetulkan “Apabila aku mencari tempat tertentu”. Dalam ujaran keempat, “Bila aku membeli di kedai”, wajar digantikan dengan kata hubung pancangan keterangan ‘Apabila’ iaitu sebagaimana yang dibetulkan oleh pengkaji “Apabila aku membeli di kedai”. Dalam ujaran kelima “Bila makan di mamak”, subjek seperti ‘aku’ dalam ujaran tersebut telah dikeluarkan menyebabkan ayat menjadi tidak lengkap. Bagi cadangan pembetulan ujaran oleh pengkaji “Apabila aku makan di mamak.” Perbualan lisan cenderung untuk menggugurkan subjek bagi memendekkan ayat.

Keempat, kesalahan ujaran kata hubung dilakukan oleh Wasabi Studio pada kata hubung pancangan keterangan ‘sebab’, ‘untuk’, dan ‘bila’. Hal ini dikatakan demikian kerana Corder mengklasifikasikan kesilapan tersebut dalam kategori kesilapan (*Error*) serta kekeliruan (*Mistakes*) dalam pemilihan kata yang tepat. Ujaran Wasabi Studio “Datang ke masjid dengan selipar Jepun, sebab sangat mudah”, “Ia bukan sebab ini”, “Terima kasih untuk menerima budaya kami”, “ Tapi kami dapat pengetahuan zori bila tengok filem zaman dulu...”, dan “Jadi kami tak berjumpa selipar Jepun pada waktu musim sejuk, sebab musim sejuk sangat sejuk”. Kesilapan penggunaan kata hubung ‘sebab’, ‘untuk’ dan ‘bila’ adalah disebabkan daripada pengaruh bahasa asal terhadap struktur ayat serta pemilihan kata hubung tidak tepat. Kesilapan ini berlaku dalam pemilihan kata hubung yang tidak sesuai seperti ‘sebab’ dan ‘bila’ serta tiada kata hubung yang cukup untuk melengkapkan maksud ayat. Dalam ujaran pertama, kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’ lebih sesuai digunakan bagi menghubungkan klausa selepasnya. Cadangan pembetulan oleh pengkaji: “ Kami datang ke masjid dengan selipar Jepun kerana sangat mudah. Penggunaan kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’ digunakan bagi menghubungkan klausa induk dengan klausa kedua. Dalam ujaran kedua, “Ia bukan sebab ini” juga turut tergolong dalam kesilapan (*Error*) mengikut Teori Analisis Kesalahan Corder dan lebih sesuai digunakan kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’. Oleh itu, cadangan pembetulan oleh pengkaji bagi ujaran tersebut adalah “Ia bukan kerana ini”. Dalam ujaran ketiga, “Terima kasih untuk terima budaya kami” Kata hubung pancangan komplemen ‘untuk’ tidak sesuai digunakan dan lebih sesuai digunakan kata hubung pancangan keterangan bagi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa pertama tersebut. Pengkaji mencadangkan pembetulan bagi ujaran tersebut “Terima kasih kerana menerima budaya kami”. Dalam ujaran keempat, “...Tapi kami dapat pengetahuan *Zori* bila tengok filem zaman dulu..” Dalam ujaran ini kata hubung ‘tapi’ dan

‘bila’ digunakan secara tidak tepat. Kata hubung ‘tapi’ dan ‘bila’ tersebut digunakan secara tidak gramatis dan ‘bila’ kurang sesuai digunakan kerana ia merujuk kepada waktu tetapi tidak menjelaskan konteks sepenuhnya. Bagi cadangan pembetulan oleh pengkaji, “...Namun, kami mendapat pengetahuan tentang *Zori* apabila menonton filem zaman dulu.” Pada ujaran kelima “Jadi kami tak berjumpa selipar Jepun pada waktu musim sejuk, sebab musim sejuk sangat sejuk”, penggunaan ‘sebab’ berfungsi sebagai sebagai kata hubung dan tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat tersebut. Kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’ lebih sesuai kerana fungsinya yang menghubungkan klausa utama dan klausa kedua. Cadangan pembetulan oleh pengkaji “Oleh itu, kami tidak menemui selipar Jepun pada waktu musim sejuk kerana musim itu sangat dingin.” Bagi penggiat Youtube terakhir iaitu Husna Liang, beliau melakukan kesilapan dalam penggunaan kata hubung pancangan relatif, kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan keterangan. Dalam ujaran pertamanya, “Dalam tempoh beberapa hari yang lalu, saya pernah meraikan pesta perahu naga, yang juga dikenali sebagai hari ketupat, dalam suasana paling meriah, yang pernah saya alami.” Kesalahan dalam pengulangan kata hubung ‘yang’ dalam satu ayat menyebabkan struktur ayat kelihatan tidak lancar. Hal ini dikatakan demikian kerana, penutur bukan natif cenderung untuk membina ayat kompleks tetapi tidak menyedari kesilapan dalam pengulangan kata hubung serta kesannya. Pengkaji mencadangkan “Dalam tempoh beberapa hari yang lalu, saya meraikan pesta perahu naga, yang juga dikenali sebagai hari ketupat dalam suasana paling meriah yang pernah saya alami.” Dalam pembetulan tersebut, pengkaji telah menggugurkan kata hubung pancangan komplemen ‘yang’ kedua iaitu “dalam suasana yang paling meriah” kerana ia merupakan satu kelewahan diikuti kata penguat ‘paling’ dan tidak perlu disertakan dengan ‘yang’ lagi. Dalam ujaran kedua, “Suasana tempatan hari ini memang sangat meriah dan di samping itu suhu udara hari ini juga sangat tinggi, sangat panas.” Penggunaan kata hubung gabungan ‘dan’ serta ‘di samping itu’ digunakan secara tidak tepat dan memerlukan pembetulan. Pengkaji mencadangkan “Suasana hari ini sangat meriah. Di samping itu, suhu udara juga sangat tinggi dan panas.” Penggunaan kata hubung gabungan ‘dan’ berfungsi bagi menghubungkan dua kata adjektif iaitu ‘tinggi’ dan ‘panas’ serta ‘Di samping itu’ berfungsi dalam menghubungkan dari klausa pertama “Suasana hari ini sangat meriah” dengan klausa kedua “suhu udara juga sangat tinggi dan panas.” Pada ujaran ketiga, “Sebab saya suka angka ini”, ‘sebab’ digunakan dalam konteks kurang tepat. Kata hubung pancangan keterangan ‘Kerana’ lebih sesuai bagi menggantikannya dalam ujaran tersebut. Kesilapan (*Error*) ini merupakan kesalahan umum yang sering dilakukan oleh penutur bukan natif bahasa Melayu kerana peranannya seakan sama dengan kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’. Pengkaji mencadangkan pembetulan “Saya suka angka ini kerana ia mempunyai makna yang istimewa

bagi saya.” ‘Kerana’ di sini berfungsi bagi menghubungkan klausa “Saya suka angka ini” dan klausa “ia mempunyai makna yang istimewa bagi saya.” Dalam ujaran terakhir “Tak boleh memasuki konsert sebab takde tiket”, kesilapan penggunaan kata hubung ‘sebab’ telah dikenal pasti. Kata hubung pancangan keterangan lebih sesuai digunakan bagi menyatakan klausa sebab dan akibat. Pengkaji mencadangkan pembetulan “Saya tidak dapat memasuki konsert kerana tidak mempunyai tiket.”

KESIMPULAN

Tamsilnya, kajian ini mendapati penggiat Youtube penutur bukan natif cenderung mengujarkan kata hubung asas tetapi menghadapi cabaran dalam penggunaan kata hubung kompleks serta tepat pada fungsinya. Antara faktor utama mengikut Teori Analisis Kesalahan Corder (1981) adalah seperti kesilapan (*Error*) pengaruh bahasa pertama dan kekeliruan (*Mistakes*). Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumbangan penting dalam memahami dinamik pembelajaran bahasa Melayu dalam konteks media sosial dan mencadangkan langkah untuk meningkatkan penguasaan bahasa bagi komuniti dunia. Dapatan kajian ini mengesahkan Teori Analisis Kesalahan Corder dalam isu yang dihadapi dalam pemerolehan bahasa kedua menerusi analisis tatabahasa kesalahan kata hubung oleh penggiat Youtube penutur bukan natif di platform Youtube ialah benar. Penemuan ini bukan sahaja dapat dijadikan rujukan kepada pembangunan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder, malahan dapat dijadikan sebagai rujukan relevan yang praktikal untuk diaplikasikan oleh pengkaji hadapan. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan asas dalam memperhalusi teori sedia ada melalui pemilihan pemboleh ubah dan sampel kajian yang mempengaruhi dapatan kajian.

Tetapi, kajian ini boleh ditambah baik lagi oleh pengkaji masa hadapan. Contohnya, kajian lanjut boleh dilakukan dalam konteks formal seperti ceramah, konferens, syarahan, kempen dan seumpamanya untuk melihat perbezaan penggunaan kata hubung dalam konteks situasi yang berbeza. Selain itu, kajian masa hadapan juga boleh melibatkan lebih ramai penggiat Youtube daripada pelbagai latar belakang untuk mendapatkan data yang menyeluruh. Dicadangkan juga supaya dibuat perbandingan penggunaan kata hubung antara penutur natif dan bukan natif untuk mengenal pasti perbezaan yang lebih terperinci. Selain itu, teori lain seperti Teori Transformasi Generatif (TTG) juga boleh digunakan dalam kajian pada masa hadapan bagi memperoleh dapatan yang lebih berkualiti dan meliputi sampel kajian yang lebih luas serta data yang lebih berkualiti.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahamad, N. A., Rusli, N. F. M., & Jobar, N. A. (2020). Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubung kait dari segi makna gramatikal (Affix errors in essay writing and its relation in terms of meaning based on the concept of grammatical meaning). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77-90.
- Kamat, N. S., Rusli, N. F. M., Jabar, N. M., & Bahari, A. A. (2021). Analisis Kata Hubung Pancangan Dalam Penulisan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama Oleh Pelajar Melayu Tingkatan Satu Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (Analysis of Embedded Conjunctions in Malay Writing as Mother Language by Malay Form One Students Based on Error Analysis of Corder Theory). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 1-14.
- Muhamad Muda. (2003, Mac 5-6). *Apa Itu Kajian Kes? Kertas Kerja*. [Pembentangan Kertas Kerja]. Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri I. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Universiti Putra Malaysia
- Rusli, N. F. M., & Azman, N. A. N. (2020). Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa/Analysis of Preposition in Writing Based on the Theory of Language Error. *LSP International Journal*, 7(1).
- Yaakub, Yusniza & Mutalib, Mashetoh & Halim, Rohizah. (2021). Kata-kata hubung sebagai peranti kohesi dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman. *Pendeta*, 12(1), 120-134.



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS

I Y S J L

JOURNAL OF LANGUAGES

Vol. 9, No. 1 (2026)

TEKNIK PEMUJUKAN DALAM WACANA KEPIMPINAN POLITIK: ANALISIS UCAPAN TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN

Nurafirah Jaharuddin¹, Azean Idruwani Idrus^{1*}

¹*Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Johor, Malaysia.*

**E-mail of Corresponding Author: azeanidruwaniidrus@iium.edu.my*

ABSTRAK

Retorik merupakan seni penggunaan bahasa yang berfungsi mempengaruhi pemikiran dan tindakan khalayak melalui komunikasi lisan atau tulisan. Dalam konteks ucapan politik, strategi retorik memainkan peranan penting dalam membentuk kepercayaan, memujuk khalayak serta mengukuhkan legitimasi kepimpinan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis teknik penggunaan retorik dalam teks ucapan politik Muhyiddin Yassin. Kajian ini berlandaskan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) yang menggariskan enam komponen utama dalam pembinaan wacana retorik. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap teks ucapan politik yang diperoleh daripada platform YouTube sebagai sumber data utama. Data dianalisis dengan mengkategorikan unsur retorik berdasarkan komponen dalam teori tersebut bagi mengenal pasti pola penggunaan dan fungsi pemujukan dalam ucapan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi retorik digunakan secara konsisten untuk membina hubungan dengan khalayak, menegaskan autoriti kepimpinan serta mendorong kepatuhan terhadap arahan atau dasar yang disampaikan. Unsur pemujukan turut didapati sering digabungkan dengan bentuk arahan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej politik. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan analisis retorik dalam wacana politik Malaysia serta memberikan implikasi terhadap pemahaman strategi komunikasi kepimpinan dalam konteks komunikasi awam dan politik kontemporari.

Kata kunci: *retorik, teori retorik moden, ucapan politik, Muhyiddin Yassin, pemujukan.*

ABSTRACT

Rhetoric is the art of using language to influence the thoughts and actions of an audience through oral or written communication. In the context of political speech, rhetorical strategies play a crucial role in shaping beliefs, persuading the audience, and reinforcing the legitimacy of leadership. This study aims to identify and analyze the techniques of rhetoric used in Muhyiddin Yassin's political speeches. The study is based on the Modern Rhetoric Theory developed by Enos and Brown (1993), which outlines six main components in the construction of rhetorical discourse. A qualitative approach is used, employing content analysis of political speech texts sourced from the YouTube platform. The data is analyzed by categorizing rhetorical elements according to the components of the theory to identify patterns of use and the persuasive functions within the speeches. The findings indicate that rhetorical strategies are consistently employed to establish connections with the audience, assert leadership authority, and encourage compliance with the conveyed messages. Additionally, elements of persuasion often manifest as instructions, enhancing the effectiveness of political communication. This study contributes to the understanding of rhetorical analysis in Malaysian political discourse and offers insights into leadership communication strategies within the contemporary landscape of public communication and politics.

Keywords: *rhetoric, modern rhetorical theory, political speech, Muhyiddin Yassin, persuasion.*

PENGENALAN

Wabak Covid-19 merupakan krisis kesihatan global yang memberi kesan besar terhadap sistem sosial, ekonomi dan pentadbiran negara. Di Malaysia, kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah pencegahan bagi mengawal penularan wabak serta mengurangkan kadar kematian. Pelaksanaan langkah ini turut mendapat pengiktirafan daripada World Health Organization (WHO) apabila Malaysia disenaraikan antara lima negara terbaik dalam mengawal penularan Covid-19 (Rohaniza Idris & Illah Hafiz Abdul Aziz, 2020). Keberkesanan pelaksanaan PKP tidak hanya bergantung kepada dasar kerajaan, tetapi turut dipengaruhi oleh kemampuan pemimpin menyampaikan mesej secara jelas, meyakinkan dan berkesan kepada masyarakat. Dalam konteks ini, ucapan pemimpin berfungsi sebagai medium komunikasi strategik untuk membina kepercayaan masyarakat serta mendorong kepatuhan terhadap arahan kerajaan. Oleh itu, kajian ini

meneliti retorik dalam teks ucapan politik yang disampaikan oleh Muhyiddin Yassin ketika pelaksanaan PKP. Fokus utama kajian ini ialah aspek arahan dan pemujukan yang digunakan dalam ucapan bagi mempengaruhi masyarakat agar mematuhi langkah kawalan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Dalam masyarakat Malaysia yang menitikberatkan nilai kesantunan dan adab, pendekatan bahasa yang halus dan berhemah penting bagi memastikan mesej kepimpinan dapat diterima dengan baik oleh pelbagai lapisan masyarakat. Menurut Alia Nurjannah Khalil et al. (2022), kejayaan seseorang individu turut dinilai melalui adab dan kesantunan yang ditampilkan dalam tingkah laku dan komunikasi. Justeru, unsur pemujukan dalam ucapan pemimpin memainkan peranan penting dalam membina penerimaan masyarakat terhadap arahan yang disampaikan.

Walaupun pelaksanaan PKP bertujuan mengawal penularan Covid-19, terdapat sebahagian masyarakat yang masih gagal mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa isu berkaitan pelaksanaan PKP turut dikaitkan dengan pelbagai faktor sosial dan politik (Khairul Ghufra et al., 2021). Malah, terdapat laporan yang menunjukkan bahawa individu masih ditahan kerana melanggar arahan PKP. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang tahap kefahaman masyarakat terhadap arahan yang disampaikan oleh pihak kepimpinan negara. Salah satu kemungkinan yang boleh dipertimbangkan ialah aspek penyampaian bahasa dalam ucapan pemimpin, khususnya dari segi penggunaan retorik yang mempengaruhi penerimaan masyarakat. Dalam komunikasi kepimpinan, penggunaan bahasa yang jelas, rasional dan berwibawa amat penting bagi memastikan mesej yang disampaikan dapat difahami dan dipatuhi oleh khalayak. Menurut Nursyayani Mohd Salleh dan Muhammad Helmi Md. Said (2022), krisis pandemik bukan sahaja mencabar aspek kesihatan dan ekonomi, malah turut menguji tahap kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan. Dalam keadaan ini, pemimpin perlu mempunyai jati diri yang kukuh serta kebijaksanaan komunikasi bagi meyakinkan masyarakat terhadap dasar yang dilaksanakan (Nurzatil Ismah Azizan & Mohd Yakub, 2020). Oleh itu, analisis terhadap retorik dalam ucapan pemimpin penting bagi memahami bagaimana strategi bahasa digunakan untuk mempengaruhi sikap dan tindakan masyarakat. Justeru objektif kajian adalah untuk mengenal pasti bentuk retorik yang digunakan dalam teks ucapan berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan serta menganalisis keberkesanan penggunaan retorik, khususnya unsur arahan dan pemujukan, dalam mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap arahan kerajaan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan retorik dalam pengucapan awam telah dibincangkan dalam pelbagai konteks komunikasi. Husna Hidayah Mansor et al. (2018) meneliti penggunaan Model Retorik Raminah Sabran (2002) dalam ceramah Ustaz Kazim Elias melalui analisis terhadap 39 episod ceramah yang

dipilih menggunakan kaedah pensampelan sistematik. Dapatan kajian menunjukkan kewujudan dua bentuk utama retorik iaitu pemerian saintifik dan pemerian imaginatif. Pemerian saintifik merujuk penggunaan sumber autoritatif seperti Al-Quran dan hadis, manakala pemerian imaginatif disampaikan melalui penceritaan dan dialog bagi merangsang pemikiran serta emosi khalayak. Gabungan kedua-dua teknik ini didapati berkesan dalam mempengaruhi pemahaman dan penerimaan pendengar.

Dalam konteks ucapan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Aminuddin Saimon et al. (2021) menganalisis lakuan bahasa arahan dalam ucapan Perdana Menteri dengan menggunakan teori Bach dan Harnish (1979). Kajian ini mendapati bahawa penggunaan lakuan bahasa seperti permintaan, larangan dan nasihat berjaya memujuk masyarakat untuk mematuhi arahan kerajaan. Penegasan terhadap implikasi kesihatan, ekonomi dan sosial turut memperkukuh keberkesanan strategi arahan dalam ucapan tersebut. Sementara itu, Harshita Aini Haroon et al. (2021) meneliti interdiskursiviti dalam keputusan kerajaan berkaitan Covid-19. Kajian ini mendapati bahawa jalinan wacana berfungsi untuk merapatkan jurang sosial dan politik dalam masyarakat melalui lima fungsi utama, iaitu memberitahu, memahami, mengemukakan, meluahkan hasrat dan mengeluarkan arahan. Komponen empati, nasihat dan penghargaan turut memperlihatkan keseimbangan antara penyampaian maklumat dan keprihatinan terhadap masyarakat.

Kajian oleh Nursabrina Yahya dan Harishon Radzi (2021) pula meneliti gaya bahasa dalam ucapan Menteri Keselamatan ketika pandemik dengan menggunakan kerangka Gorys Keraf. Dapatan menunjukkan penggunaan gaya bahasa rasmi, sederhana dan bertenaga serta kata ganti diri “kita” berfungsi membina rasa kebersamaan antara pemimpin dan masyarakat. Selain itu, Dewi Samri (2022) mengaplikasikan Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993) dalam ceramah Ustaz Kazim Elias dan mendapati penggunaan retorik penceritaan secara konsisten mampu mengekalkan perhatian serta penglibatan pendengar. Kajian lain oleh Muhammad Faizul Abdul Hamil et al. (2022) pula meneliti modaliti dalam keputusan PKP dan mendapati modaliti informatif lebih dominan berbanding modaliti perintah kerana berfungsi mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan khalayak, di samping memastikan arahan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Keseluruhannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa aspek retorik, gaya bahasa, interdiskursiviti dan modaliti memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pengucapan awam, khususnya dalam situasi krisis. Penelitian terhadap kajian-kajian ini menjadi asas rujukan bagi memahami pendekatan analisis retorik serta membantu membentuk kerangka analisis dalam kajian semasa.

METODOLOGI

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengenal pasti jenis retorik serta menganalisis keberkesanan strategi retorik dalam ucapan Muhyiddin Yassin semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Data kajian diperoleh melalui sumber kepustakaan seperti artikel jurnal, laporan media dan portal rasmi kerajaan, manakala bahan utama kajian ialah satu video ucapan berdurasi 11 minit 12 saat yang dimuat naik di saluran YouTube Buletin TV3 serta teks penuh *Perutusan Khas Perdana Menteri mengenai COVID-19* yang diterbitkan oleh Astro Awani pada 16 Mac 2020, iaitu dua hari sebelum pelaksanaan PKP. Analisis data dijalankan berasaskan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) yang menekankan fungsi retorik sebagai strategi bahasa untuk mempengaruhi pemikiran dan penerimaan khalayak melalui pemilihan diksi, konteks dan kesan komunikatif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penjelasan didefinisikan sebagai proses menyampaikan pengetahuan baharu atau mengukuhkan maklumat yang sedia ada kepada khalayak. Proses ini lazimnya disertai dengan huraian yang sistematik serta keterangan yang lebih terperinci bagi memperjelas sesuatu konteks, sekali gus membantu pendengar atau pembaca memahami maklumat yang disampaikan secara lebih tepat dan menyeluruh.

Sehingga kini, wabak Covid-19 telah merebak di 135 buah negara. Seramai 162, 711 orang telah disahkan positif Covid-19 di seluruh dunia. Daripada jumlah ini, seramai 6,443 orang telah meninggal dunia. Di Malaysia, telah berlaku peningkatan kes Covid-19 secara mendadak, iaitu 190 kes semalam, disusuli 125 kes baharu hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti wabak ini adalah sebanyak 553 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 511 orang sedang dirawat di hospital, manakala 42 orang telah pun pulih.

Petikan 1

Berdasarkan petikan 1 di atas, yang merupakan perenggan ketiga dalam ucapan Muhyiddin Yassin, jelas menunjukkan penggunaan teknik penjelasan melalui penyampaian data statistik berkaitan situasi pandemik di peringkat global dan nasional. Penyataan jumlah kes dan negara yang terlibat berfungsi memperkenalkan maklumat baharu kepada masyarakat Malaysia pada peringkat awal penularan Covid-19, ketika tahap kesedaran awam terhadap wabak tersebut masih rendah. Melalui penyampaian fakta kuantitatif seperti bilangan kes, kadar kematian dan jumlah pesakit yang

pulih, ucapan tersebut memberikan gambaran situasi yang lebih jelas kepada khalayak mengenai tahap keseriusan pandemik yang sedang berlaku. Selain itu, penjelasan mengenai jumlah pesakit yang sedang dirawat dan yang telah pulih berfungsi sebagai maklumat sokongan yang membantu pendengar memahami perkembangan semasa wabak tersebut. Dalam konteks komunikasi kepimpinan, penggunaan data empirikal dalam ucapan awam penting bagi meningkatkan ketepatan dan kredibiliti maklumat yang disampaikan. Ucapan pemimpin seharusnya disokong oleh fakta dan data yang sahih agar pernyataan yang disampaikan tidak bersifat lemah atau meragukan. Oleh itu, keupayaan pemimpin mengemukakan maklumat secara tepat dan berfakta bukan sahaja memperkukuh kepercayaan khalayak, malah mencerminkan kredibiliti kepimpinan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Saya juga ingin memberi jaminan bahawa bekalan bahan-bahan makanan, keperluan harian dan penjagaan kesihatan termasuk topeng muka adalah mencukupi. Saya telah mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa.

Petikan 2

Petikan di atas, iaitu perenggan ke-17, turut memperlihatkan penggunaan teknik penjelasan dalam strategi retorik ucapan. Dalam bahagian ini, penutur menekankan maklumat sedia ada melalui penggunaan leksikal seperti “jaminan” yang merujuk kepada kepastian bekalan makanan dan keperluan harian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Pemilihan leksikal tersebut berfungsi sebagai mekanisme retorik untuk menenangkan kebimbangan masyarakat serta memberikan keyakinan terhadap kesiapsiagaan kerajaan. Selain itu, unsur penjelasan turut diperluas melalui penyisipan maklumat tambahan dalam ayat berikutnya, iaitu arahan kepada pihak kementerian berkaitan agar terus memantau keadaan semasa sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Strategi ini menunjukkan bahawa Muhyiddin Yassin berusaha memaklumkan kepada masyarakat mengenai langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan kestabilan bekalan dan keselamatan rakyat terpelihara. Penyampaian maklumat secara jelas dan terperinci ini sekaligus berfungsi sebagai strategi pemujukan yang bertujuan meredakan kebimbangan masyarakat melalui penyediaan maklumat yang relevan dengan keperluan semasa. Pendekatan tersebut memperlihatkan kepekaan penutur terhadap sentimen rakyat ketika krisis serta mencerminkan ciri kepimpinan yang responsif dan berorientasikan kesejahteraan masyarakat. Dalam

konteks kepimpinan, keupayaan seseorang pemimpin menyampaikan maklumat secara meyakinkan bukan sahaja berfungsi mengarahkan tindakan masyarakat, malah turut mempengaruhi sikap serta persepsi mereka terhadap dasar yang dilaksanakan. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa kepimpinan merupakan proses mempengaruhi dan membimbing individu bagi mencapai matlamat tertentu, yang memerlukan unsur keyakinan, kepercayaan dan semangat dalam kalangan pemimpin serta pihak yang dipimpin.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara akan bermesyuarat setiap hari untuk memantau dan mengawasi situasi wabak Covid-19. Saya sendiri akan mempengerusikan mesyuarat ini dan memaklumkan kepada saudara-saudari perkembangan situasi wabak Covid-19 dari semasa ke semasa.

Petikan 3

Petikan tersebut merupakan perenggan ke-19 yang masih berada dalam kategori teknik penjelasan dalam wacana ucapan. Hal ini dapat diperhatikan melalui penggunaan leksikal “memaklumkan” pada ayat pertama yang menandakan fungsi penyampaian maklumat secara formal dan informatif kepada khalayak. Dari sudut konotasi wacana, perenggan ini memperlihatkan penyampaian maklumat baharu kepada pendengar, khususnya berkaitan mesyuarat kepimpinan negara yang lazimnya tidak didedahkan secara terperinci kepada masyarakat umum. Walau bagaimanapun, dalam konteks pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, maklumat tersebut perlu disampaikan secara telus bagi memastikan masyarakat memahami rasional keputusan yang diambil oleh pihak kerajaan. Dalam kajian komunikasi, konotasi merujuk kepada cara penyampai menyampaikan sesuatu mesej melalui gabungan unsur linguistik dan paralinguistik seperti intonasi, tekanan kata serta gaya penyampaian yang mampu menegaskan makna tertentu kepada khalayak (Verell Rievaldo Junio Runtuwene, 2022).

Seterusnya, pada ayat kedua, Muhyiddin Yassin menegaskan komitmen beliau untuk memastikan setiap perkembangan baharu akan dimaklumkan secara langsung kepada rakyat. Penegasan ini berfungsi sebagai strategi retorik bagi membina kepercayaan khalayak terhadap kepimpinan negara dalam situasi krisis. Secara keseluruhannya, konteks perenggan ini memperlihatkan usaha menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat, khususnya ketika rakyat Malaysia masih berada pada fasa awal menghadapi pandemik Covid-19. Justeru, pemilihan nada, diksi dan strategi penjelasan dalam pengucapan memainkan peranan signifikan dalam mempengaruhi persepsi, keyakinan serta sikap pendengar terhadap mesej yang disampaikan.

Jika saudara-saudari mempunyai sebarang pertanyaan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan, saudara-saudari boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian hotline 03-88882010 bermula jam 12 tengah hari esok.

Petikan 4

Petikan 4 di atas merupakan perenggan ke-20 yang memperlihatkan penggunaan teknik penjelasan dalam penyampaian ucapan. Hal ini dapat dikenal pasti melalui penyampaian maklumat baharu berkaitan penyediaan talian *hotline* kepada masyarakat yang berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19. Maklumat tersebut berfungsi sebagai sumber rujukan rasmi bagi orang ramai yang memerlukan penjelasan lanjut tentang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Dalam konteks retorik, teknik penjelasan digunakan untuk memperincikan maklumat agar pendengar memperoleh pemahaman yang jelas terhadap sesuatu arahan atau dasar yang disampaikan. Ujaran seperti “jika saudara-saudari mempunyai pertanyaan” memperlihatkan usaha Muhyiddin Yassin membina hubungan komunikatif yang lebih dekat dengan rakyat melalui pendekatan bahasa yang inklusif. Strategi ini secara tidak langsung berfungsi sebagai unsur pemujukan yang mampu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kepimpinan dan arahan yang diberikan.

Selain itu, unsur penjelasan ini turut diperkukuh melalui struktur tema dan rema dalam ayat yang diujarkan. Tema merujuk kepada unsur yang menjadi titik tolak penyampaian maklumat dalam sesuatu klausa, manakala rema pula mengandungi maklumat baharu yang melengkapkan mesej yang ingin disampaikan (Nor Hazila Mat Zain, 2019). Dalam petikan tersebut, klausa “Jika saudara-saudari mempunyai sebarang pertanyaan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan” berfungsi sebagai tema yang menetapkan konteks perbincangan, manakala klausa “saudara-saudari boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian *hotline* 03-88882010 bermula jam 12 tengah hari esok” berperanan sebagai rema yang memperkenalkan maklumat baharu kepada khalayak. Susunan tema dan rema ini menjadikan mesej yang disampaikan lebih sistematik, jelas dan mudah difahami oleh pendengar dalam situasi krisis.

1. Pendedahan

Retorik pendedahan bertujuan mengemukakan dan menjelaskan sesuatu isu secara sistematik kepada khalayak. Pendekatan ini digunakan untuk menghuraikan konsep, pandangan, cadangan dan proses tertentu, di samping mentafsir peristiwa serta menganalisis isu sosial dan politik secara rasional.

Keutamaan Kerajaan pada masa ini adalah untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat. Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin.

Petikan 5

Petikan 5 ini memperlihatkan penggunaan teknik retorik pendedahan yang berfungsi menjelaskan situasi semasa penularan wabak Covid-19 serta rasional tindakan kerajaan dalam mengawal krisis tersebut. Pernyataan mengenai keutamaan kerajaan untuk mencegah penularan wabak menggambarkan usaha institusi negara dalam mengekang jangkitan yang berpotensi menjejaskan lebih ramai rakyat. Pada masa yang sama, frasa yang menekankan keperluan tindakan drastik menandakan interpretasi terhadap keadaan krisis yang memerlukan langkah segera bagi memulihkan situasi negara. Dari sudut retorik, unsur pendedahan dapat dikenal pasti melalui penerangan tentang proses pengawalan wabak, pentafsiran keadaan semasa serta penonjolan masalah sosial yang timbul akibat pandemik. Penekanan terhadap pemulihan keadaan juga mencerminkan dimensi sosial yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Dalam konteks sosiologi, hubungan sosial dan interaksi masyarakat merupakan aspek penting yang terbentuk sejak awal kehidupan manusia. Oleh itu, penggunaan retorik pendedahan dalam ucapan ini berfungsi membantu khalayak memahami realiti krisis yang dihadapi. Selain itu, penggunaan leksikal seperti “keutamaan kerajaan” turut membawa implikasi pemujukan dengan menonjolkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan rakyat. Pendekatan ini secara tidak langsung memperkukuh penerimaan masyarakat terhadap arahan yang disampaikan serta menyokong pematuhan terhadap langkah kawalan yang dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (atau essential services) iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Petikan 6

Petikan 6 di atas merujuk kepada perenggan ke-11 yang masih menonjolkan penggunaan unsur retorik pendedahan dalam ucapan. Dalam perenggan tersebut, Muhyiddin Yassin menjelaskan secara

terperinci prosedur yang perlu dipatuhi oleh masyarakat berhubung penutupan premis yang tidak termasuk dalam kategori perkhidmatan penting. Penjelasan lanjut mengenai definisi “perkhidmatan penting” serta contoh sektor yang terlibat memperkukuh penggunaan teknik pendedahan, iaitu penyampaian maklumat secara jelas dan berfakta bagi meningkatkan kefahaman khalayak. Pendekatan ini turut memperlihatkan penggunaan kaedah deduktif, iaitu proses penghuraian maklumat yang bermula dengan pernyataan umum sebelum disokong oleh contoh atau penjelasan khusus. Dalam konteks ini, penutur terlebih dahulu menerangkan konsep *essential services* sebelum mengemukakan contoh sektor yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan. Selain itu, arahan yang dikemukakan turut disertakan dengan rasional kesihatan awam yang berkaitan dengan usaha mengekang penularan wabak Covid-19. Penyusunan maklumat yang bersifat rasional dan sistematik ini bukan sahaja meningkatkan kejelasan mesej, malah berfungsi membina kefahaman masyarakat bahawa langkah yang dilaksanakan bertujuan melindungi kepentingan bersama. Pendekatan retorik sedemikian memperlihatkan bagaimana strategi pendedahan digunakan untuk menyokong penerimaan khalayak terhadap dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan.

2. Penerangan

Retorik penerangan digunakan untuk menghuraikan sesuatu idea secara terperinci, sistematik dan berstruktur bagi meningkatkan tahap kefahaman khalayak terhadap mesej yang disampaikan. Selain berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat, kategori retorik ini turut berperanan membentuk persepsi serta mempengaruhi sikap dan tingkah laku pendengar dalam membuat pertimbangan atau tindakan pada masa hadapan.

Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah 22 ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk Solat Jumaat adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020.

Petikan 7

Petikan di atas merupakan perenggan keenam dalam teks ucapan yang dianalisis dan memperlihatkan penggunaan retorik penerangan sebagaimana yang dihuraikan dalam kerangka retorik moden. Dalam konteks ini, retorik penerangan berfungsi sebagai strategi pemujukan yang

bertujuan menjelaskan rasional sesuatu keputusan agar khalayak memahami serta menerima arahan yang disampaikan oleh pemimpin. Melalui petikan tersebut, Muhyiddin Yassin menjelaskan beberapa larangan dan penangguhan aktiviti yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan kes jangkitan. Pada masa yang sama, beliau menegaskan bahawa keputusan tersebut dibuat hasil perbincangan bersama pihak berautoriti dan badan berkaitan, khususnya dalam hal yang melibatkan pelaksanaan ibadat. Penjelasan ini penting bagi mewujudkan legitimasi terhadap arahan yang dikeluarkan serta mengurangkan keraguan dalam kalangan masyarakat. Faktor seperti keterbukaan sempadan negara turut menyumbang kepada peningkatan penularan wabak, khususnya dalam konteks pandemik Covid-19. Sehubungan itu, penggunaan retorik penerangan dalam ucapan ini berperanan memperkukuh rasional dasar yang diperkenalkan, di samping memujuk masyarakat agar mematuhi arahan untuk kekal berada di rumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan kepentingan keselamatan individu, malah menonjolkan tanggungjawab kolektif masyarakat dalam mengekang penularan wabak demi kesejahteraan bersama.

3. Pemujukan

Pemujukan merupakan elemen penting dalam mempengaruhi kepercayaan serta meyakinkan pendengar untuk melakukan atau menghindari sesuatu tindakan. Dalam konteks wacana komunikasi, strategi pemujukan berfungsi sebagai mekanisme linguistik yang membentuk penerimaan khalayak terhadap mesej yang disampaikan melalui penggunaan hujah, emosi dan kredibiliti penutur. Pendekatan ini membolehkan penutur mempengaruhi sikap dan pertimbangan khalayak secara tidak langsung, sekali gus meningkatkan kebarangkalian penerimaan terhadap idea, arahan atau cadangan yang dikemukakan. Dalam wacana kepimpinan, penggunaan strategi pemujukan yang berkesan mampu memperkukuh kepercayaan masyarakat serta mendorong pembentukan sikap dan tindakan yang selaras dengan mesej yang disampaikan.

Saya sedar bahawa saudara-saudari mungkin merasakan bahawa tindakan yang diambil oleh Kerajaan ini menimbulkan kesulitan dan kesukaran untuk saudara-saudari menjalani kehidupan seharian. Namun, tindakan ini mesti diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19 yang berkemungkinan meragut nyawa rakyat negara ini.

Petikan 8

Petikan 8 memperlihatkan penggunaan strategi pemujukan dalam komunikasi kepimpinan. Melalui pernyataan tersebut, Muhyiddin Yassin mengakui kesukaran yang dialami oleh masyarakat

akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, sekali gus menzahirkan empati terhadap keadaan rakyat. Pengakuan ini berfungsi sebagai strategi retorik untuk membina hubungan emosional dengan khalayak sebelum menegaskan rasional pelaksanaan dasar tersebut demi melindungi keselamatan dan nyawa rakyat. Pendekatan ini menunjukkan bahawa unsur pemujukan digunakan bagi meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap arahan kerajaan serta mewujudkan kefahaman bersama tentang kepentingan langkah yang dilaksanakan. Strategi ini selari dengan konsep komunikasi politik yang lazim digunakan oleh pemimpin bagi mempengaruhi pendapat umum, membentuk kesepakatan strategik serta meningkatkan kebarangkalian penerimaan masyarakat terhadap dasar yang diperkenalkan. Justeru, penggunaan teknik pemujukan dalam ucapan politik berperanan penting dalam memperkukuh legitimasi kepimpinan serta menggalakkan kepatuhan masyarakat terhadap dasar yang disampaikan.

Kita tidak boleh menunggu lebih lama sehingga keadaan menjadi lebih meruncing. Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara menghadkan pergerakan orang ramai. Inilah satu-satunya cara untuk kita mengelakkan lebih 24 ramai rakyat negara ini dijangkiti wabak yang boleh meragut nyawa. Saya harap saudara-saudari dapat bersabar menghadapi dugaan ini. Jangan panik, jangan cemas, dan sentiasalah bertenang. Saya percaya dengan langkah-langkah sekatan pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, kita mampu menyekat penularan wabak ini dalam masa yang terdekat.

Petikan 9

Petikan 9 ini merupakan perenggan ke-17 dalam teks ucapan tersebut dan memperlihatkan strategi retorik yang digunakan oleh Muhyiddin Yassin dalam menyeru masyarakat agar mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan. Struktur ayat yang digunakan menampilkan pendekatan pemujukan melalui seruan kolektif, khususnya melalui penggunaan frasa “tanggungjawab kita bersama”, yang berfungsi membina rasa kebersamaan antara pemimpin dan rakyat. Pendekatan ini memperlihatkan bagaimana unsur retorik dimanfaatkan untuk menggalakkan kerjasama sosial serta memperkukuh komitmen masyarakat dalam menghadapi krisis kesihatan awam. Selain itu, penekanan terhadap unsur keluarga, masyarakat dan negara mencerminkan nilai kekeluargaan serta orientasi kolektivisme yang sinonim dengan budaya masyarakat Malaysia. Strategi retorik sedemikian bukan sahaja bertujuan menyampaikan arahan secara langsung, malah berfungsi menanam kesedaran moral dan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat. Hal ini sejajar dengan pandangan bahawa masyarakat Malaysia mengamalkan prinsip *peaceful co-existence*, iaitu kehidupan bersama secara aman dalam

masyarakat majmuk. Oleh itu, penggunaan bahasa yang menekankan nilai kebersamaan dan tanggungjawab kolektif dalam ucapan kepimpinan dilihat sebagai strategi komunikasi yang signifikan dalam memelihara keharmonian sosial serta meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap dasar yang dilaksanakan.

4. Penceritaan

Penceritaan bertujuan menyampaikan sesuatu kisah atau peristiwa sebagai strategi retorik untuk mewujudkan kedekatan antara penutur dan pendengar, sekali gus memudahkan khalayak memahami serta menghayati mesej yang disampaikan.

Kita telah melihat beberapa buah negara yang mengambil langkah yang agak drastik untuk mengawal penularan wabak ini seperti negara China yang telah menunjukkan penurunan mendadak kes-kes jangkitan COVID-19.

Petikan 10

Petikan tersebut menunjukkan penggunaan strategi retorik penceritaan bagi merujuk pengalaman negara lain dalam mengawal penularan wabak Covid-19. Dalam perenggan ke-15 ucapan tersebut, Muhyiddin Yassin merujuk kepada langkah drastik yang diambil oleh China sehingga berjaya menunjukkan penurunan mendadak kes jangkitan. Rujukan kepada pengalaman negara luar ini berfungsi sebagai naratif kontekstual yang dekat dengan pengetahuan khalayak, memandangkan pada ketika itu media elektronik memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat berkaitan perkembangan Covid-19 di peringkat global. Situasi ini menyebabkan masyarakat lebih terdedah kepada laporan antarabangsa mengenai wabak tersebut. Oleh itu, penggunaan elemen penceritaan dalam retorik moden membantu menjadikan mesej yang disampaikan lebih mudah difahami, realistik dan relevan dengan pengalaman semasa pendengar. Strategi penceritaan ini turut berfungsi memperkukuh kepercayaan khalayak terhadap rasional tindakan kerajaan melalui perbandingan dengan langkah yang telah dilaksanakan oleh negara lain. Selaras dengan itu, teknik penceritaan dalam komunikasi retorik mampu meninggalkan kesan kognitif dan emosi yang lebih mendalam terhadap pendengar kerana penyampaian maklumat disokong oleh naratif peristiwa yang konkrit.

5. Penghujahan

Penghujahan ialah proses mengemukakan dan mempertahankan sesuatu pendapat, pendirian atau dakwaan secara logik, sistematik dan berasaskan bukti bagi meyakinkan pendengar terhadap sesuatu

isu. Penutur bukan sekadar menyatakan pandangan, malah mengembangkan idea melalui alasan yang kukuh, fakta, data, statistik, contoh, pengalaman, pandangan pakar atau hasil kajian yang relevan. Penghujahan yang berkesan membolehkan pendengar memahami rasional sesuatu cadangan, menilai kesahihan hujah yang dikemukakan, serta akhirnya menerima atau menyokong pendirian yang dibentangkan.

Kita telah melihat beberapa buah negara yang mengambil langkah yang agak drastik untuk mengawal penularan wabak ini seperti negara China yang telah menunjukkan penurunan mendadak kes-kes jangkitan COVID-19.

Petikan 11

Petikan 11 memperlihatkan penggunaan dalam ucapan kepimpinan. Dalam perenggan tersebut, Muhyiddin Yassin menjelaskan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibuat berdasarkan kerangka perundangan yang jelas, iaitu di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 serta Akta Polis 1967. Penggunaan rujukan kepada akta ini memperlihatkan bahawa keputusan kerajaan tidak bersifat arbitrari, sebaliknya berlandaskan asas undang-undang yang sah dan rasional. Dari perspektif retorik penghujahan, strategi ini berfungsi untuk mengukuhkan kredibiliti penutur serta meningkatkan tahap kepercayaan khalayak terhadap keputusan yang diumumkan. Penyandaran hujah kepada sumber autoritatif seperti perundangan juga membolehkan khalayak menilai kesahihan maklumat secara objektif melalui rujukan lanjut terhadap akta yang dinyatakan. Dalam konteks komunikasi krisis, pendekatan berhujah berasaskan fakta dan bukti ini penting bagi mengurangkan keraguan masyarakat serta menggalakkan penerimaan terhadap dasar yang dilaksanakan. Hal ini selari dengan pandangan Saifulazry Mokhtar et al. (2021) yang menegaskan bahawa penyampaian maklumat yang berpaksikan fakta dan kebenaran meningkatkan kebarangkalian mesej tersebut diterima serta diyakini oleh pendengar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan ucapan kepimpinan. Analisis terhadap ucapan Muhyiddin Yassin mendapati bahawa teknik retorik seperti penjelasan, pendedahan, penerangan, pemujukan, penceritaan dan penghujahan berfungsi memperjelas mesej, membina kepercayaan serta mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap arahan kerajaan. Penggunaan fakta, data dan hujah rasional meningkatkan kefahaman khalayak,

manakala unsur pemujukan dan penceritaan mengukuhkan hubungan emosi antara pemimpin dan rakyat. Di samping itu, keselarasan komunikasi verbal dan bukan verbal turut menyumbang kepada keberkesanan penyampaian ucapan. Oleh itu, penguasaan strategi retorik dalam pembinaan teks dan penyampaian ucapan merupakan elemen penting dalam memperkukuh komunikasi kepimpinan serta menghasilkan ucapan yang lebih berkesan dan berimpak dalam konteks komunikasi awam.

RUJUKAN

- Alia Nurjannah Khalil, Nur Kamaliah Nazlan, Aini Nabilah Suhaimi & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2022). Adab mengajar dan belajar secara dalam talian menurut perspektif Islam. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, hlm. 1098-1108.
- Aminnudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar Japar & Siti Nor Asmira Razali. (2021). Lakuan bahasa arahan dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1). <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>
- Dewi Samri. (2022). Pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49–76. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no3)
- Enos, T., & Brown, S. C. (Eds.). (1993). *Defining the new rhetorics*. Sage Publications.
- Harshita Aini Haroon, Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim & Noriha Basir. (2021). Interdiskursiviti dalam keputusan arahan kerajaan berkaitan COVID-19. *Journal of Language Studies*, 21(4). <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2104-03>
- Husna Hidayah Mansor, Nor Azuwan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Retorik pemerian dalam ceramah agama. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2). <https://core.ac.uk/download/pdf/162019269.pdf>
- Khairul Ghufuran Kaspin, Mohd Samsudin & Azlizan Mat Enh. (2021). Konsep Keluarga Malaysia mendasari asas memperkukuhkan negara bangsa dalam mendepani fasa endemik COVID-19. *The 1st International Conference on Social Studies and Citizenship (ICSSC) 27-28 November 2021*.
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi & Adlina Ab. Halim. (2022). Modaliti dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 30(4), 1635 - 1656. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.4.09>
- Nur Sabrina Yahya & Harishon Radzi. (2021). Gaya bahasa dalam ucapan Menteri Keselamatan Negara Malaysia semasa pandemik COVID-19. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(5), 1–12. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/447>

- Nursyayaani Mohd Salleh & Muhammad Helmi Md. Said. (2022). Pelaksanaan undang-undang pengawalan penyakit berjangkit dan pematuhan tatacara pengendalian piawai sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001983. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1983>
- Nurzatil Ismah Azizan & Mohd Yakub. (2020). Kepentingan Jati Diri Dalam Mengurus Cabaran Dakwah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Kisah Nabi Ibrahim AS. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 43-55.
- Rohaniza Idris & Illah Hafiz Abd Aziz. (2020). COVID-19: *Usaha Malaysia kekang wabak dapat pengiktirafan dunia*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700268/covid-19-usaha-malaysia-kekang-wabak-dapat-pengiktirafan-dunia>



A QUALITATIVE EVALUATION OF STUDENT NEEDS AND EAW TEXTBOOK EFFECTIVENESS AT IIUM

Farah Binti Ramli¹, Khairil Azwar Razali^{1*}

¹Kulliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages, International Islamic University Malaysia, 84600 Muar, Johor, Malaysia.

*Correspondence email: khairilrazali@iium.edu.my

ABSTRACT

While EAW textbooks serve as foundational pillars in higher education, a structural mismatch often persists between static, Western-centric curricular materials and the evolving, digitally mediated, realities of L2 writers. To address this gap, this study explores the perceived academic writing needs and challenges of undergraduate students using EAW textbooks at the IIUM, examining how these needs inform their learning experiences and classroom preferences. The study is anchored in the academic literacies' conceptual framework, viewing scholarly writing as a socially situated, identity-negotiating practice rather than a mere mechanical skill. Adopting an interpretive qualitative design, the methodology utilizes Braun and Clarke's six-phase reflexive thematic analysis framework on semi-structured interview data collected across a diverse cross-section of disciplines. The analysis reveals that students navigate intense linguistic and structural challenges regarding citation mechanics, face cultural and digital omissions within textbook contents, specifically regarding non-Western naming conventions and alternative digital media citations, and actively reject passive material consumption in favour of dynamic classroom pedagogy. Ultimately, this research contributes to the ESP field by demonstrating that textbook evaluation must transcend surface-level readability measures. It recommends that curriculum designers and instructors integrate contextually responsive

scaffolding, explicit digital source referencing guidelines, and task-based, interactive instructional approaches to effectively support the operational needs of modern L2 writers.

Keywords: *Textbook Evaluation, Needs Analysis, English for Academic Writing (EAW), Qualitative Research, Reflexive Thematic Analysis*

INTRODUCTION

In higher education, English for Academic Writing (EAW) courses serve as critical gateway mechanisms designed to transition undergraduate students from basic linguistic proficiency to complex scholarly literacy. Within these instructional spaces, textbooks and static slide decks function as the primary pedagogical blueprint, establishing conventions for citation, structural organization, and genre compliance.

However, nowadays classrooms are increasingly characterized by linguistic diversity and rapidly shifting digital text environments. Traditional EAW textbooks are frequently critiqued for operating on static, Western-centric assumptions of literacy that do not align with the immediate, operational needs of non-native English speakers or second language (L2) writers (Harwood, 2005). When course materials fail to address localized linguistic practices or contemporary discourse platforms, an empirical gap emerges between institutional mandates and student capabilities.

This issue is particularly pronounced at institutions like the International Islamic University Malaysia (IIUM), where English serves as the primary medium of instruction (EMI) within a highly diverse, multilingual student body representing varied cultural and educational backgrounds. At IIUM, academic writing is not merely an isolated cognitive exercise; it is an intersectional negotiation of identity, prior academic socialization, and institutional standard compliance (Curle, 2026). To date, a significant portion of textbook evaluation literature relies heavily on quantitative checklists or corpus linguistics, which often overlook the subjective struggles of the learners themselves.

To bridge this gap, this study addresses the following overarching Research Questions:

1. What are the perceived academic writing needs of the International Islamic University Malaysia (IIUM) students, and how do these needs inform their learning experiences?

2. What specific linguistic, contextual, and structural challenges do students experience when interacting with EAW materials, and how do these needs shape their preference for dynamic classroom instruction?

Research Objectives

To systematically unpack these questions, this study pursues two primary Research Objectives:

1. To explore and understand the specific, multi-dimensional academic writing needs and linguistic challenges faced by undergraduate students at IIUM when interacting with EAW materials.
2. To investigate how these localized learner needs and structural textbook gaps shape students' preferences for dynamic, interactive classroom instruction over static pedagogical resources.

Significance of the Study

This study holds multi-layered significance for higher education stakeholders. First, for EAW curriculum designers and textbook developers, it provides empirical, qualitative insights into the critical omissions of current materials, specifically regarding non-Western naming conventions and the lack of frameworks for contemporary digital or social media citations. Second, in terms of pedagogical practice, it highlights the necessity of shifting away from passive slide-delivery methods toward dynamic, active, and feedback-rich instructional environments. Finally, regarding institutional policy at EMI universities, focusing on the IIUM contextualises how international and localized L2 student bodies negotiate academic literacy, thereby offering a blueprint for more culturally responsive and digitally adaptive language support frameworks.

LITERATURE REVIEW

The evaluation of English for Academic Writing (EAW) textbooks and materials has undergone a paradigm shift from rigid, checklist-driven analyses to more holistic, learner-centred investigations. Traditional methodologies historically prioritized structural and lexical readability measures. However, recent scholarship argues that such measures divorce the materials from the situational contexts of the classroom (Hyland, 2014).

Academic Writing Needs in Multilingual and EMI Settings

In EMI environments, the transition to scholarly literacy is fraught with cognitive and identity-related friction. Recent studies highlight that L2 writers do not merely struggle with mechanical grammar,

but with the subtle rhetorical adjustments required by discourse communities (Fenton-Smith et al., 2026). The concept of academic literacies frames writing as a socially situated practice rather than a set of transparent, transferable skills (Fischer et al., 2024). In the Southeast Asian context, this friction is compounded by diverse primary language (L1) interference, low academic writing confidence, and varying degrees of pre-university academic socialization (Chien, 2019).

The Material-Reality Disconnect: Western-Centricism and Digital Gaps

A persistent critique of global EAW textbooks is their reliance on Anglo-American or Western-centric models of authorship and publication. This creates what postcolonial applied linguists call an epistemic mismatch (Wang, Yuan & De Costa, 2025). For example, standard referencing guides assume a universal "Surname, First Name" structure, which fails to accommodate Islamic, Malay, or East Asian patronymic and multi-part naming conventions. Furthermore, the rapid evolution of digital communication has outpaced static textbook publication cycles. While students increasingly analyse socio-cultural phenomena using data from alternative media, conventional materials offer little to no scaffolding for these non-traditional source types.

Concurrently, the emergence of advanced neural language tools has significantly shifted student behaviours. When academic texts feel inaccessible, L2 learners increasingly rely on external, automated tools like Google Translate, QuillBot, or ChatGPT to navigate complex syntax and text transformation (Anson & Straume, 2022). This digital behaviour highlights an underlying instructional gap that standard print materials fail to account for.

Passive Courseware vs. Dynamic Pedagogy

The tension between the static nature of textbooks and the dynamic needs of learners has been a core focus of recent English for Specific Purposes (ESP) and EAP research. Scholars argue that relying solely on static presentations or standard textbook chapters promotes a passive learning model that fails to foster deep rhetorical awareness (Sahito, Khoso, & Phulpoto, 2025). Instead, contemporary pedagogical frameworks champion cognitive apprenticeship models, where explicit instructor modelling, iterative board work, and real-time formative feedback bridge the gap between abstract textbook rules and concrete text production (Delaney et al., 2026).

METHODOLOGY

This study adopted a qualitative research design focused on exploring students' experiences. This approach views academic writing challenges as complex issues influenced by past education, language policies, and pedagogical settings, rather than simple grammatical deficits.

The study was conducted at the IIUM, a prominent multilingual university where English serves as the medium of instruction for specific academic tracks. Participants consisted of 11 undergraduate students across multiple disciplines, including English for International Communication (ENCOM), Mass Communication (MACOM), Arabic for International Communication (ARCOM), and Tourism Management (TOURISM). This diversity ensured a comprehensive cross-section of academic writing needs within the IIUM ecosystem.

Primary data was gathered via semi-structured interviews designed to elicit deep narratives regarding students' writing processes, textbook interactions, and conceptual challenges. Data collection was continuously monitored and concluded only when data saturation was achieved, a point at which no new structural or linguistic themes emerged from the participant narratives. All interviews were transcribed verbatim.


Data analysis strictly followed Braun and Clarke's (2022) six-phase framework for reflexive thematic analysis. Coding was conducted inductively, moving from semantic, surface-level features of the text to latent, conceptual themes. To ensure qualitative rigor, a negative case analysis was systematically integrated into the analytic workflow to interrogate patterns that contradicted the dominant themes.

RESULTS AND ANALYSIS

A thematic mapping of the qualitative data yielded three primary themes capturing the structural, contextual, and pedagogical dimensions of the textbook-student disconnect as illustrated in Figure 1.

Figure 1

Conceptual Thematic Map of EAW Textbook and Student Writing Needs



To establish data transparency, Table 1 outlines the operationalized codebook that guided the final thematic synthesis.

Theme 1: Linguistic and Structural Challenges in Academic Literacy

The first theme captures the internal cognitive and linguistic friction experienced by students when trying to meet the formal standards of academic writing. Students consistently reported that the technical requirements of citation styles and the intellectual effort needed for paraphrasing caused them substantial worry. Student F described her initial lack of confidence, specifically pointing out

Table 1

Study Codebook with Operational Definitions and Representative Data

Code Name	Conceptual Definition	Exemplary Quotation
Citation Mechanics & Paraphrasing Anxiety	Cognitive struggles with in-text vs. reference lists, stylistic shifts, and plagiarizing fears.	<i>"The difficult part about English for academic writing is basically the confusing ways there's a lot of ways to do paraphrasing, referencing... you need to do references in APA7... and then in MLA..." (Student A)</i>
Digital/Intermediary Translation Dependencies	Reliance on software to manage L1-to-L2 sentence structure and vocabulary boundaries.	<i>"English is not my main language... I just use the Google translate to translate my own sentence from English. And also I will use the Quillbot application..." (Student B)</i>
Demographic Citation Disconnect	Structural confusion regarding non-Western naming systems within global referencing indexes.	<i>"...where is their last name because it's different than the English name... Malay Chinese or even Korean they have multiple names... I have a bit confused at that slide..." (Student C)</i>
Emergent Alternative Media Gaps	Textbook omission of structural guidelines for citing digital, social-media-driven discourse.	<i>"...today a lot of the things I have to reference are on Tik Tok or Reddit so it's hard to reference those... there's no guideline for that." (Student D)</i>

Code Name	Conceptual Definition	Exemplary Quotation
Textbook Passivity vs. Applied Tasks	Rejection of standard static slide/chapter delivery in favor of iterative, hands-on work.	<i>"Dalam kelas die bagi slide je macam tu je tak ada latihan... Tapi bila macam tu kadang-kadang slides tu pon sendiri die tak cukup." (Student E)</i>

that formatting standard reference lists and avoiding structural mistakes in citations were recurring challenges:

"Maybe that time I was not expert enough in paraphrasing and then I don't really understand... how article would be format formatted and I think the most thing I did mistake would be the citation the one at the reference... In-text citation and the reference citation at the end."

This fear of making mistakes is intensified by the subtle differences between referencing styles. Students find it highly taxing to remember these minor rule changes when switching between formats. Student A noted:

"...there's a lot of ways to do paraphrasing, referencing. so it is kind of difficult to really understand and apply each one because for example you need to do references in APA7's edition and then you need to do in MLA edition and the difference is not really big but it is distinct..."

Furthermore, the language barrier itself forces students to rely heavily on software programs. Rather than learning academic vocabulary naturally from their textbooks, students use machine translation and automated rephrasing tools to handle the linguistic demands of their assignments. Student B explained his process:

"...obviously English is not my main language... I just use the Google translate to translate my own sentence from English. And also I will use the Quillbot application to translate to English..."

This shows that the text choices in standard EAW materials often feel too distant or advanced for L2 writers, forcing them to use external digital tools to complete their work.

Theme 2: Contextual Omissions in EAW Textual Materials

The second theme identifies specific missing elements within current EAW textbooks and slides. While these materials cover traditional, universal academic standards, they frequently fail to address the actual cultural, digital, and structural contexts that students navigate.

A significant cultural issue arises with Western-centric citation examples, which rarely explain how to handle local naming conventions. Students who need to cite regional authors are often left confused by standard textbook templates that ignore non-Western name patterns. Student C shared her frustration:

"...there is this part on citation where the names of the author like Muhammad Alim bin Isa or is the Chinese where is their last name because it's different than the English name right... Malay Chinese or even Korean they have multiple names in their names so which one is their first name and last name. So I have a bit confused at that slide..."


Additionally, textbooks fail to keep pace with modern research platforms. While they offer clear rules for traditional books and journals, they offer no support for citing digital alternative media, which students increasingly rely on for current sociocultural analyses. Student D highlighted this gap:

"...even today a lot of the things I have to reference are on Tik Tok or Reddit so it's hard to reference those... there's no guideline for that... if you find it on the internet, but it's very very hard to find also."

We can look at this structurally via a comparison of how traditional textbooks distribute instructional support versus the actual urgency expressed by students as illustrated in Figure 2 below.

Figure 2

Comparison of Instructional Courseware Density and Student Writing Needs



Participants pointed out a structural imbalance in textbook design: materials focus heavily on introductory chapters, while leaving advanced sections, such as methodology and data analysis, brief and abstract. Student G noted that her learning notes were far too brief on these sections, making it difficult to connect her research design to her final discussion:

"Bahagian ni [recommendation/methodology] die tak detail mention dalam notes. Die just very very ringkas macam tu je... Sebab bila methodology kita tu macam tak kukuh atau x betul, kite punya bahagian dapatan dan discussion part pon macam ka nada kurang la."

[This section [recommendation/ methodology] is not mentioned in detail in the notes. It is just very brief... Because if our methodology is weak or incorrect, our findings and discussion parts will also turn out lacking.]

Theme 3: The Demand for Dynamic Pedagogy over Static Materials

The final theme reveals that students do not find textbooks and static slides sufficient on their own. Instead, they view these materials as passive reference guides that are only effective when accompanied by active, hands-on instruction and direct teacher feedback.

Students expressed a strong dislike for passive reading assignments, noting that just reviewing theoretical slides does not translate into practical writing skills. As Student E observed, simply uploading notes without interactive classroom exercises fails to help students learn:

"Dalam kelas die bagi slide je macam tu je tak ada latihan lepas habis kelas. You bace slides macam tu je. Tapi bila macam tu kadang-kadang slides tu pon sendiri die tak cukup... Sebab kalau lecturer bagi slides semata-mata dan mengharapkan students tengok I don't think they'll do it la."

["In class, [the lecturer] just gives slides... there are no exercises after class. You just read the slides as they are. But when it's like that, sometimes the slides themselves are insufficient... Because if the lecturer just provides slides and expects the students to look at them, I don't think they'll do it."]

In contrast, when textbook concepts are reinforced through active, repetitive practice on the whiteboard, the rules become clear and easy to apply. Student H described how interactive classroom practice helped her master structural formats:

"...the paraphrasing repetition and practice and examples on the board. So that one was one that was really helpful... like you learn okay you need to end with the concluding sentence thesis statement all of that... that repetition of the same thing to the point that you get it that it becomes second nature."

Ultimately, students emphasize that textbooks require human intervention to be truly useful. They need real-time, personalized guidance to resolve individual writing issues, showing that static pages must be paired with dynamic teaching strategies.

Negative Case Analysis

To ensure analytical rigor, the dataset was interrogated for findings that contradicted the main themes. Important exceptions emerged based on students' prior educational backgrounds. For instance, Student H stood out as a clear negative case regarding citation and paraphrasing anxiety. Having attended an international middle school where citation was strictly taught from an early age, she experienced no transitional difficulties in university:

"...paraphrasing, it comes very quickly to me. And then also APA citation has not been difficult for me because I've been using citations since middle school..."

This variation indicates that the gap an EAW textbook must bridge depends heavily on a student's prior educational advantages, rather than representing a uniform, universal need across the student body.

DISCUSSION

The empirical findings of this study provide deep insights into how L2 writers interact with instructional courseware, matching trends observed in recent scholarship regarding the expanding complexities of EMI environments (Curle, 2026; Fenton-Smith et al., 2026). They show that evaluating EAW textbooks requires looking closely at how students actually experience and use these materials, rather than just analysing the text itself.

The Illusion of Textual Autonomy and Digital Dependency

The challenges students face regarding paraphrasing and citation mechanics highlight that textbooks often fail to address the core challenges of L2 academic writing. Instead of serving as self-contained learning tools, these materials often require students to rely on external translation software and digital rephrasing applications to complete their work.

This heavy reliance on Google Translate and QuillBot indicates that standard textbook prose often exceeds the comfortable comprehension zone of developing L2 writers. Rather than scaffolding the acquisition of academic vocabulary, the static text forces an algorithmic mediation. This digital dependency aligns with observations by Anson and Straume (2022), who note that modern students lean heavily on digital writing assistance to bypass grammatical and vocabulary constraints. This reality suggests that textbook designers must integrate explicit, critical digital literacy training directly into the curriculum, teaching students how to use these tools as supportive aids rather than relying on them blindly.

Deconstructing Contextual Omissions

Furthermore, the study reveals significant gaps where textbooks fail to adapt to modern writing contexts. The omission of guidelines for formatting non-Western names and referencing digital alternative media shows that current EAW materials remain heavily tied to traditional, Western-centric formats. This creates an unnecessary hurdle for students operating in diverse, digital-first research environments.

When an IIUM student encounters an EAW slide that fails to explain how to index a patronymic Malay name (e.g., *bin* or *binti*) or an Arabic name structure, it causes more than just structural confusion. It signals a subtle cultural exclusion, framing local identities as incompatible with global academic standards. Similarly, ignoring spaces like Reddit or TikTok overlooks where modern public discourse actually happens. This restricts students to traditional research sources, even when their assignments require them to analyse contemporary socio-cultural issues. As argued by Wang and Chan (2024), failing to bridge the gap between textbook language and the authentic textual materials students encounter in the real world undermines the ultimate validity of EAP instruction.

The Primacy of Dynamic Classroom Instruction

Finally, the data clearly shows that students reject passive reading in favour of active, applied learning. A textbook cannot function effectively in isolation. Its value depends entirely on a supportive teaching environment that offers interactive exercises, visual demonstrations, and continuous, personal feedback.

This finding challenges the institutional reliance on flipped classrooms or asynchronous material delivery when it comes to teaching complex linguistic skills. Academic writing is an embodied, iterative craft. The success of repetitive board work, as highlighted by participants, shows that students need to see writing modelled in real time to understand the process. Instructors must act as translators who bring static textbook materials to life through collaborative, interactive exercises,

